

UNSUR-UNSUR LEGENDA DALAM CERITA RAKYAT:
PENELITIAN TERHADAP TEKS *366 CERITA RAKYAT*
TERKENAL

WAN NOR AFDA AYUNIE BINTI WAN RAZALI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UNSUR-UNSUR LEGENDA DALAM CERITA RAKYAT:
PENELITIAN TERHADAP TEKS 366 *CERITA RAKYAT*
TERKENAL

WAN NOR AFDA AYUNIE BINTI WAN RAZALI

UNIVERSITI
TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN

MALAYSIA
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2023

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah
- Dari tarikh.....sehingga.....
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Wan Nor Afda Ayunie Binti Wan Razali

Dr. Mohd Firdaus Che
Yaacob

C20A1496

Tarikh: / / 2023

Tarikh: / / 2023

PENGHARGAAN

Assalamualaikum WBT dan *Bismillahir-Rahmanir-Rahim*

Pertama sekali, saya dengan rendah hati ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah dan puji-pujian kepada Allah SWT yang tidak terhingga kerana berkat izin-Nya, saya diberi peluang dan dilapangkan segala urusan dalam menyiapkan laporan penyelidikan bertulis ini. Setinggi-tinggi kesyukuran ke Hadrat Ilahi saya panjatkan kerana dengan limpah kurnia-Nya yang tidak terhingga telah membantu saya menyiapkan laporan penyelidikan bertulis ini dalam tempoh yang ditetapkan dengan jayanya.

Namun, keberhasilan yang dikecapi dalam menyiapkan laporan bertulis ini bukanlah apa-apa untuk dibandingkan dengan penat lelah dari mereka semua yang telah banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung. Ucapan terima kasih dan setinggi penghargaan ini khas ditujukan kepada pemangkin semangat saya iaitu ibu bapa saya yang banyak mendorong untuk terus melakukan yang terbaik. Tanpa sokongan moral dan semangat yang diberikan dari kedua-dua insan yang sangat saya sayangi ini, saya mungkin tidak akan sampai ke tahap ini kerana saya hanya seorang anak yang memerlukan semangat, dorongan dan doa untuk setiap langkah perjalanan hidup saya. Semoga Allah SWT menjaga dan melindungi kedua ibu bapa saya.

Tidak hanya itu, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah selaku penyelia saya iaitu Dr. Mohd Firdaus bin Che Yaacob. Beliau banyak membantu saya dalam menghasilkan laporan penyelidikan bertulis. Tanpa sumbangan idea, tenaga, teguran serta dorongan yang beliau berikan kepada saya. Tidak mungkin saya akan mampu menyelesaikan laporan penyelidikan bertulis ini dengan baik. Setiap bait kata-kata yang beliau ungkapkan sepanjang melakukan laporan penyelidikan bertulis telah banyak membantu saya untuk mempertingkatkan lagi hasil penulisan dan pengetahuan dengan lebih baik. Jasa dan ilmu yang telah beliau curahkan kepada saya tidak akan mampu dibalas, namun saya pasti Allah SWT saksi bagi segala kebaikan yang telah diberikan. Jadi dengan ini, Semoga Allah SWT melindungi dan memberkati setiap beliau dan keluarganya selalu. Sekali lagi, saya panjatkan sekalung ucapan terima kasih atas pengorbanan dan jasa beliau.

Tidak hanya itu, tidak ketinggalan juga ucapan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah banyak memberi tunjuk ajar, ilmu serta dorongan kepada saya sepanjang menghasilkan laporan penyelidikan bertulis ini. Tanpa mereka semua, saya pasti tidak mampu untuk menghasilkan laporan penyelidikan bertulis ini dengan baik. Segala jasa dan budi yang dicurahkan amatlah saya hargai dan berterima kasih yang tidak terhingga. Akhir kata, segala kekurangan dan kelemahan datangnya daripada saya dan segala yang baik itu datang daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Wan Nor Afda Ayunie Binti Wan Razali
Lot 779, Kampung Pasir Pekan Hilir,
16250, Tumpat,
Kelantan
0167628636
Emel: c20a1496@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN

| KANDUNGAN | HALAMAN |
|---|---------|
| PENGESAHAN TESIS | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| JADUAL KANDUNGAN | iii |
| SENARAI JADUAL | v |
| SENARAI RAJAH | vi |
| ABSTRAK | vii |
| ABSTRACT | viii |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Penyataan Masalah | 10 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 13 |
| 1.4 Objektif Kajian | 14 |
| 1.5 Batasan Kajian | 15 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 20 |
| 1.7 Definisi Operasional | 22 |
| 1.7.1 Cerita Rakyat | 22 |
| 1.7.2 Legenda | 23 |
| 1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu | 24 |
| 1.8 Organisasi Kajian | 25 |
| 1.9 Penutup | 27 |
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN | |
| 2.1 Pengenalan | 28 |
| 2.2 Pengkajian Cerita Rakyat | 29 |
| 2.3 Pengkajian Cerita Legenda | 63 |
| 2.4 Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya Sastera | 72 |
| 2.5 Penutup | 86 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | |
| 3.1 Pengenalan | 87 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 88 |
| 3.3 Kaedah Kajian | 88 |
| 3.3.1 Kajian Kepustakaan | 88 |
| 3.3.2 Teks | 89 |
| 3.4 Teori Pengkaedahan Melayu | 90 |
| 3.4.1 Pengkaedahan Alamiah | 92 |
| 3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan | 95 |
| 3.5 Kerangka Konseptual | 98 |
| 3.6 Penutup | 99 |

| | |
|--|-----|
| BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 Pengenalan | 100 |
| 4.2 Unsur Legenda Tokoh | 101 |
| 4.3 Unsur Legenda Amanat | 110 |
| 4.4 Unsur Legenda Asal Usul Tempat | 118 |
| 4.5 Unsur Legenda Peristiwa | 140 |
| 4.6 Unsur Legenda Tradisi | 147 |
| 4.7 Penutup | 157 |
| | |
| BAB 5 KESIMPULAN | |
| 5.1 Pengenalan | 158 |
| 5.2 Rumusan | 159 |
| 5.3 Cadangan | 162 |
| 5.4 Penutup | 165 |
| | |
| BIBLIOGRAFI | 166 |
| BIODATA PENULIS | 175 |




SENARAI JADUAL

1.5 Senarai Tajuk Cerita Rakyat Unsur Legenda


17



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

SENARAI RAJAH

| | |
|------------------------------------|----|
| Rajah 1: Teori Pengkaedahan Melayu | 90 |
| Rajah 2: Pengkaedahan Alamiah | 92 |
| Rajah 3: Pengkaedahan Keagamaan | 95 |
| Rajah 4: Kerangka Konseptual | 98 |



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRAK

Seperti yang kita sedia maklum, cerita rakyat Malaysia mulai disebarakan melalui lisan iaitu mulut ke mulut dari generasi ke generasi. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat Malaysia ini merupakan sebuah cerita rekaan yang dijadikan sebagai hiburan pada zaman dahulu. Jadi, tidak hairanlah sekiranya cerita rakyat turut dijadikan sebagai salah satu hiburan yang dapat memberikan pengajaran kepada golongan pendengar. Sehingga kini cerita rakyat telah termasuk dalam genre sastera sebagai pembelajaran. Tambahan lagi, cerita rakyat boleh disampaikan dalam bentuk jenaka, penglipur lara, cerita teladan, mitos, cerita binatang dan legenda. Kajian ini berfokus terhadap teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang bertujuan untuk menganalisis dan mengenalpasti unsur legenda yang terdapat pada teks tersebut. Pengkaji mendapati teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* mengandungi 220 halaman iaitu 366 cerita rakyat. Kajian ini adalah terhad kepada 25 cerita rakyat yang terpilih. Cerita rakyat terpilih dalam teks berjudul *Puteri Santubong*, *Puteri Sejinjang*, *Kampung Rembau*, *Bawang Putih Bawang Merah*, *Asal Usul Nama Bota*, *Asal Usul Pulau Tioman*, *Asal Usul Nama Pahang*, *Asal Usul Nama Gual Periok*, *Adat Hantaran Daun Sirih*, *Gambir*, *Kapur dan Pinang*, *Sungai Sembilang*, *Asal Usul Pekan Tampak*, *Tuhan Maha Adil*, *Cik Siti Wan Kembang*, *Ikan Tapah*, *Puteri Mayang*, *Bobolian*, *Gua Musang*, *Puteri Saadong*, *Tarian Wek Jongen*, *Asal Nama Kuala Kangsar*, *Nasi Menjadi Bunga*, *Badang*, *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Tuk Raja Bertemu Taring*, *Sabak Bernam* dan *Seri Menanti*. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks dari sumber yang boleh dipercayai. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menghasilkan kajian yang diinginkan dan tepat. Teori Pengkaedahan Melayu ini digunakan kerana ianya bersesuaian dengan konteks kajian yang ingin dihasilkan. Hasil kajian ini, pengkaji mendapati bahawa Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* ini mengandungi unsur-unsur legenda yang dapat dikeluarkan. Dengan ini, kita dapat lihat bahawa meskipun cerita legenda ini dianggap sebagai cerita rekaan masyarakat dahulu, namun secara tidak langsung ia dapat memupuk masyarakat untuk mengetahui peristiwa-peristiwa sejarah yang pernah terjadi pada zaman dahulu. Tambahan lagi, generasi akan datang akan dapat mendalami cerita legenda masyarakat melalui kebijaksanaan tokoh-tokoh terdahulu dan sentiasa mengingati peristiwa yang pernah berlaku meskipun berabad lalu.

Kata Kunci: Cerita Rakyat, Unsur Legenda, Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*, Pendekatan Kualitatif, Teori Pengkaedahan Melayu

ABSTRACT

As we all know, Malaysian folk tales are passed down orally from generation to generation. This is said to be so because this Malaysian folk tale is a fictional story meant to be used as entertainment in ancient times. So, it is not surprising if folklore is also used as one form of entertainment that can teach the listeners. Until now, folklore has been included in the literary genre as learning. In addition, folk tales can be presented in the form of jokes, consolations, exemplary stories, myths, animal stories and legends. This study focuses on the text of 366 Famous Folktales and aims to analyse and identify the legendary elements found in the text. The researcher found that the text of the *366 Cerita Rakyat Terkenal* Folktales contains 220 pages which is 366 folktales. This study is limited to 25 selected folk tales. The selected folk tales is *Puteri Santubong Puteri Sejinjang, Kampung Rembau, Bawang Putih Bawang Merah, Asal Usul Nama Bota, Asal Usul Pulau Tioman, Asal Usul Nama Pahang, Asal Usul Nama Gual Periok, Adat Hantaran Daun Sirih, Gambir, Kapur dan Pinang, Sungai Sembilang, Asal Usul Pekan Tampak, Tuhan Maha Adil, Cik Siti Wan Kembang, Ikan Tapah, Puteri Mayang, Bobolian, Gua Musang, Puteri Saadong, Tarian Wek Jongen, Asal Nama Kuala Kangsar, Nasi Menjadi Bunga, Badang, Batu Belah Batu Bertangkup, Tuk Raja Bertemu Taring, Sabak Bernam dan Seri Menanti*. This study was conducted using a qualitative approach, which includes the bibliographic method and text references from reliable sources. In this study, the researcher used the Malay Methodology Theory to produce the desired and accurate study. This theory of Malay Methodology is used because it is appropriate to the context of the study to be produced. As a result of this study, the researcher found that the Collection of 366 Folklore Texts contains legendary elements that can be removed. With this, we can see that although this legendary story is considered to be a fictional story of the past community, indirectly it can nurture the community's knowledge of historical events that happened in the past. In addition, future generations will be able to delve into the legendary stories of the community through the wisdom of previous figures, always remembering the events that happened centuries ago.

Keywords: Folklore, Legendary Elements, Text of 366 *Cerita Rakyat Terkenal*, Qualitative Approach, Malay Methodology Theory

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kita dapat lihat bahawa perkataan *castra* membawa erti kitab suci berasal dari bahasa Sanskrit. Dalam hal ini, Ali Ahmad (1994) ada menyatakan pendapatnya mengenai kesusasteraan iaitu perkataan sastera yang juga dikenali sebagai *syastra* yang bermaksud kitab suci berasal dari bahasa Sanskrit. Ini disebabkan oleh fakta bahawa perkataan kesusasteraan berasal dari makna asalnya, iaitu susastera yang bermaksud kesenian bahasa persuratan yang halus dan indah. Sastera ini disampaikan kepada khalayak ramai secara amnya dalam bentuk tulisan dan lisan. Tambahan lagi, salah seorang pengkarya sastera iaitu Hashim Awang (1987) yang turut bersetuju. Pada pandangan beliau, kesusasteraan adalah jenis ciptaan seni yang mempunyai keindahan bahasa dalam cara ia disampaikan. Selain itu, sastera boleh disampaikan melalui medium lisan seperti pendengaran dan tulisan iaitu medium pembacaan.

Sehubungan dengan itu, kedua-dua perkataan *su* dan *sastera* adalah asal usul istilah kesusasteraan. Kita sedia maklum bahawa perkataan *su* dan *sastera* mempunyai makna yang berbeza. Ini disebabkan oleh fakta bahawa perkataan *su* bermaksud sesuatu yang lebih baik atau indah, manakala perkataan *sastera* pula apabila diterjemahkan ditakrifkan sebagai huruf atau buku. Perkataan *kesusasteraan* berasal daripada gabungan perkataan ini dengan imbuhan *ke* dan *an*. Dengan ini, kita dapat lihat bahawa *kesusasteraan* bermaksud kumpulan buku dengan bahasa yang indah dan isi yang menarik. Ini menunjukkan bahawa ia sangat selaras dengan konsep sastera, yang bermaksud sesuatu yang indah disampaikan melalui bahasa.

Kita sedia maklum bahawa bidang kesusasteraan melibatkan satu skop bidang pembelajaran yang sangat meluas. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang sastera bukanlah hanya tertumpu terhadap pembacaan novel, puisi dan prosa sahaja. Malahan seseorang itu memerlukan pemahaman yang mendalam dalam bidang kesusasteraan untuk memahami sesuatu bentuk karya sastera. Oleh itu, seseorang itu haruslah benar-benar memahami konsep sastera sebelum melakukan penelitian analisis dan kajian terhadap sesuatu karya. Tambahan lagi, analisis penelitian yang dilakukan seharusnya dilakukan untuk mengeluarkan isi pemikiran pengarang kepada khalayak pembaca. Jadi, tidak hairanlah bagi mereka yang tidak mempunyai ilmu berkaitan kesusasteraan yang mendalam tidak akan mampu melakukan analisis dan memahami terhadap sesuatu karya sastera dengan baik.

Secara keseluruhannya, kita dapat lihat bahawa kesusasteraan merupakan medium bahasa yang digunakan untuk menyampaikan maklumat terhadap golongan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak lontaran idea kreatif dan maklumat tentang isu semasa yang dikemukakan pengarang dalam bidang penulisannya. Hal ini bertepatan dengan salah seorang pengkarya iaitu Ismail Hussein (1974) yang memberi pendapat bahawa karya sastera merupakan seni bahasa yang kreatif yang merangkumi banyak hal. Bertepatan dengan konsep sastera yang merupakan bidang yang meluas seperti pendidikan, informasi maklumat dan sebagainya dalam membangunkan kemajuan terhadap masyarakat dan negara. Dengan ini, dapat kita lihat bahawa bidang sastera sebenarnya telah menyumbangkan banyak hal seperti pendidikan bahkan sehingga kini.

Kesusasteraan merangkumi banyak kategori antara salah satunya merupakan cerita rakyat. Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat Malaysia pada dasarnya telah wujud sejak zaman dahulu lagi melalui lisan iaitu mulut ke mulut. Pada pandangan Ismail Hamid (1986) beliau mentakrifkan bahawa cerita rakyat diperturunkan dari setiap generasi kepada generasi yang lain melalui lisan iaitu bahasa pertuturan. Tidak hanya

itu, cerita rakyat tergolong dengan sastera rakyat yang paling tua dan lama yang ada dalam bidang kesusasteraan ini. Hal ini teretus apabila cerita rakyat ditakrifkan sebagai sebuah hiburan kepada generasi sebelum munculnya era kemodenan. Tambahan lagi, cerita rakyat pada kebiasaannya mempunyai versi dan cerita yang berbeza kerana sistem tulisan masih belum diperkenalkan lagi pada generasi dahulu. Penceritaan yang disampaikan dalam bentuk lisan pastinya akan terjadinya sesuatu penambahan dan pengurangan dalam bentuk cerita menjadikan setiap cerita rakyat disampaikan dengan cara yang berbeza-beza. Jadi, tidak hairanlah cerita rakyat ini berlainan versi kerana boleh jadi pencerita dalam keadaan tidak sengaja menokok tambah dan meninggalkan isi dalam cerita rakyat yang berikut.

Pada pandangan salah seorang pengkarya iaitu Hashim Awang (1986), cerita rakyat boleh dikenali sebagai kisah kisah terdahulu dalam pelbagai jenis bentuk. Hal ini termasuklah cerita rakyat berkaitan perjuangan, kisah cinta ataupun hal-hal yang telah terjadi pada zaman dahulu. Cerita rakyat menjadi medium penceritaan kembali sesuatu peristiwa sejarah yang betul-betul terjadi pada masa lampau. Dengan ini, kisah ataupun peristiwa yang pernah terjadi dapat diketahui oleh generasi ke generasi untuk sentiasa mengingati apa yang pernah terjadi di samping ia turut dijadikan sebagai hiburan dan pengajaran kepada seluruh golongan masyarakat. Secara tidak langsung sastera rakyat ini dapat dikekalkan dalam ingatan setiap generasi. Seperti yang kita sedia maklum, cerita rakyat secara tidak langsung dapat menjadikan seseorang pembaca mengambil iktibar ke atas sesuatu peristiwa yang telah terjadi pada zaman dahulu kala agar tidak mengulangi kesilapan yang sama lagi.

Seterusnya, cerita rakyat ini juga dikatakan adalah hal milik bersama dan tidak dapat dikenalpasti siapa pemilik yang memulakan sesebuah cerita yang kini disebut sebagai cerita rakyat. Jadi dengan ini, seseorang itu tidak boleh mengaku dan menganggap bahawa cerita rakyat itu merupakan hak kepunyaannya. Hal ini disebabkan oleh fakta yang dikeluarkan oleh Mohd Taib Osman (1991) berkaitan dengan cerita rakyat yang

merupakan khazanah tinggalan untuk masyarakat secara keseluruhan dan bukannya pemilik tertentu. Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa cerita rakyat telah dijadikan sebagai satu tinggalan iaitu warisan turun temurun yang seharusnya dijaga. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa sehingga kini pelbagai versi cerita rakyat telah dibukukan untuk dijadikan sebagai bahan bacaan kepada golongan akan datang. Jadi, generasi pada masa yang akan datang masih akan berpeluang untuk mengetahui tentang cerita-cerita terdahulu yang pernah wujud dan menjadikannya sebagai teladan dalam kehidupan.

Cerita rakyat pada umumnya berfungsi untuk memberi hiburan kepada masyarakat setempat pada zaman dahulu kala. Oleh hal yang demikian kerana kehidupan pada zaman dahulu tidak seperti sekarang yang mempunyai hiburan lain seperti media sosial, permainan video dan sebagainya seiring dengan kepesatan teknologi yang semakin maju pada zaman kini. Secara tidak langsung sastera rakyat yang diceritakan pada zaman dahulu secara tidak langsung telah menjadi hiburan kepada masyarakat dahulu. Tambahan lagi, golongan pendengar boleh cuba menyelami sisi kehidupan yang berbeza seperti wujudnya unsur mitos dan dongeng. Tidak hanya itu, cerita rakyat juga boleh dikatakan sebagai platform yang mendidik terutama sekali terhadap golongan kanak-kanak untuk menjauhi hal-hal yang negatif dan sentiasa melakukan amal kebaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat pada umumnya menjadi pilihan kanak-kanak untuk mendengar cerita. Tambahan lagi, cerita rakyat merupakan sebuah penceritaan yang mudah difahami dan tidak rumit. Jadi, dapat kita lihat bahawa ianya sesuai untuk golongan kanak-kanak.

Cerita rakyat mengandungi pelbagai bentuk antaranya ialah jenaka serta memberikan pengajaran dan nilai kepada khalayak pembaca. Tambahan lagi, cerita rakyat pada umumnya juga terbahagi kepada hal-hal yang berkaitan dengan mitos, legenda, dongeng, jenaka, cerita binatang, cerita kepahlawanan, cerita asal usul dan sebagainya. Dalam hal ini, cerita mitos yang terdapat dalam cerita rakyat membawa

erti cerita sesuatu bangsa iaitu berkaitan dengan dewa dan pahlawan dahulu kala dan ianya dipercayai wujud dan dirasai secara realiti. Pada pandangan sarjana iaitu Hashim Awang (1985), mitos ditakrifkan sebagai penceritaan mengisahkan tentang manusia, mahluk atau peristiwa yang diluar batasan manusia berlaku dalam kalangan masyarakat. Seterusnya, legenda pula membawa maksud cerita yang dianggap benar-benar terjadi dalam suatu tempat atau wilayah. Dalam hal ini, legenda juga merupakan perkara yang terkait dengan sejarah. Pada kebiasaannya, isu dan tema yang dikeluarkan dalam cerita rakyat berbentuk legenda ini adalah berpandukan tokoh-tokoh terkenal pada zaman dahulu.

Seterusnya, cerita jenaka juga terkandung dalam konteks cerita rakyat. Kita sedia maklum bahawa cerita jenaka pada umumnya cenderung untuk mempunyai elemen lucu dan boleh menerbitkan rasa ingin ketawa terhadap mereka yang membaca. Hal ini demikian kerana jalan penceritaan yang terdapat dalam cerita jenaka ini memaparkan sebuah jalan penceritaan yang lucu dan geli hati dalam kalangan pembaca. Selain cerita jenaka, cerita binatang juga juga termasuk dalam kategori cerita rakyat. Bertepatan dengan tajuk iaitu cerita binatang kita dapat lihat bahawa cerita ini adalah berkisahkan kehidupan binatang dan bukan memaparkan watak manusia sebagai watak utama. Malahan, cerita binatang yang terdapat dalam cerita rakyat kebiasaannya menggunakan watak binatang untuk menceritakan kejadian yang boleh memberi pengajaran kepada golongan pembaca. Cerita binatang hanya menggunakan watak binatang namun perwatakannya seperti manusia. Sebagai contohnya, binatang itu boleh bercakap, berfikir dan sebagainya. Secara keseluruhannya, kita dapat melihat bahawa dengan lebih jelas bahawa cerita jenaka dan cerita binatang ini lebih cenderung untuk diminati oleh golongan kanak-kanak.

Jenis cerita yang terkandung dalam cerita rakyat yang seterusnya ialah cerita kepahlawanan iaitu sebuah penceritaan yang lebih cenderung untuk memperlihatkan atau mengangkat tokoh kepahlawanan dalam setiap penceritaan yang ingin

disampaikan dalam cerita rakyat. Dalam hal ini, cerita kepahlawanan ini kebiasaannya berfungsi untuk menonjolkan kemegahan seseorang pahlawan itu sendiri. Selain itu, cerita yang menggambarkan fantasi dan imaginasi dalam penceritaan dan mempunyai jalan cerita yang pendek merujuk kepada cerita rakyat berbentuk dongeng. Di samping mampu memupuk golongan kanak-kanak untuk minat membaca, cerita yang berbentuk dongeng juga merupakan salah satu platform ibu bapa dalam memberikan ajaran dan pengajaran terhadap anak-anak agar menjadi seseorang insan yang lebih baik. Akhir sekali, kita boleh melihat sejarah asal usul yang lebih berfokus pada sejarah masyarakat terdahulu. Asal usul di sini bermakna permulaan sesuatu peristiwa atau kejadian. Cerita rakyat asal usul biasanya berkisar tentang peristiwa atau punca ia berlaku yang menjadi ikutan sehingga hari ini. Dengan ini, kita juga tidak meragui bahawa masih lagi wujud sesuatu amalan pada zaman dahulu yang masih dipraktikkan sehingga ke hari ini oleh sesetengah masyarakat.

Secara keseluruhannya, kita dapat lihat bahawa cerita rakyat merupakan satu cerita yang sangat dekat dengan jiwa rakyat kerana ia berlandaskan konteks kehidupan masyarakat. Hal ini kerana sesebuah sastera rakyat sering menjadi sebutan bahkan sehingga kini tentang peristiwa yang pernah terjadi pada zaman dahulu. Tidak hanya itu, pelbagai manfaat yang dapat diambil seperti mendapat pengajaran dan pelajaran dalam menjalani fasa kehidupan. Dapat juga kita lihat bahawa cerita rakyat banyak meninggalkan nilai yang positif dalam diri dan mengambil pengajaran di setiap penceritaan yang ingin disampaikan. Oleh itu, kita semua sedar bahawa cerita rakyat sangatlah berperanan penting sebagai wadah untuk mendidik masyarakat. Dengan ini, semua masyarakat haruslah sama-sama memikul tanggungjawab dalam memelihara cerita rakyat ini agar tidak lupus dalam ingatan masyarakat terutamanya pada masyarakat yang akan datang.

Bertepatan dengan tajuk utama kajian penyelidikan ini yang memfokuskan tentang legenda yang terdapat dalam cerita rakyat. Kita sedia maklum bahawa legenda pada

umumnya berkait dengan kisah-kisah dongeng yang merangkumi sejarah yang pernah berlaku pada masa dahulu. Bertepatan dengan pendapat seorang tokoh iaitu Hooykaas (1965) yang memperihalkan bahawa legenda merupakan sebuah dongeng yang menceritakan sesuatu peristiwa sejarah yang mengagungkan tokoh dalam jalan penceritaannya. Hal ini bertepatan bahawa cerita legenda merupakan sebuah cerita yang dianggap sesuatu yang benar-benar berlaku dan bukan hanya sebuah rekaan. Hal ini dikatakan demikian kerana legenda pada kebiasaannya tidak lari dari tema dan isi berkaitan dengan tokoh-tokoh yang pernah wujud pada waktu dahulu kala. Dalam hal ini, cerita legenda juga dikatakan mampu untuk menunjukkan kehebatan yang ada pada tokoh-tokoh terdahulu. Namun, kisah legenda yang terjadi masih lagi menjadi perdebatan sehingga ke detik ini. Justeru itu, dapat dilihat bahawa kesahihan cerita legenda masih lagi diragukan oleh generasi kini.

Tambahan lagi, legenda yang terdapat dalam cerita rakyat merangkumi empat jenis yang merangkumi maksud yang tersendiri. Legenda yang diceritakan dapat dikaitkan dengan pelbagai jenis iaitu legenda keagamaan, legenda alam ghaib, legenda setempat dan legenda perseorangan. Dalam hal ini, legenda keagamaan merupakan kisah penceritaan yang mengandungi tokoh suci yang menonjolkan nilai dan sisi agama. Namun, legenda keagamaan ini pada umumnya dihasilkan untuk menyampaikan amanat dan pesanan kepada masyarakat berdasarkan bidang agama. Seterusnya legenda alam ghaib pula diertikan sebagai sebuah penceritaan yang dialami oleh masyarakat pada zaman dahulu di luar kuasa manusia dan benar-benar berlaku. Secara tidak langsung, wujudnya masyarakat yang percaya kepada kuasa luar dan tahyul sering kali mengaitkan legenda alam ghaib dengan kekuatan supernatural atau makhluk ghaib yang dapat mempengaruhi kehidupan sehari-hari.

Jenis legenda yang seterusnya ialah legenda setempat yang diertikan sebagai penceritaan yang mentakrifkan berkaitan terjadinya peristiwa sesuatu tempat. Dalam hal ini, kisah penceritaan ini pada umumnya adalah berkaitan permulaan penciptaan

nama dan wujudnya sesuatu tempat tersebut. Pada dasarnya, kejadian awal sesuatu tempat itu dipercayai benar-benar berlaku dalam konteks masyarakat. Akhir sekali, legenda yang mengangkat ketokohan yang dikenali sebagai legenda perseorangan. Hal ini kerana cerita rakyat yang mengaitkan berkaitan legenda perseorangan ini mengangkat kesaktian dan kuasa luar biasa yang dimiliki oleh tokoh tertentu. Sehingga masa kini, tokoh yang diceritakan mempunyai kesaktian yang luar biasa itu diiktirafkan sebagai tokoh sejarah. Legenda perseorangan ini menjadi bagian penting dalam sejarah dan budaya masyarakat sehingga kini. Pada pandangan Khairiah Mohd Yassin (2014), budaya ditakrifkan sebagai cara hidup masyarakat termasuklah berkaitan dengan elemen ritual, jasmani dan intelek. Hal ini kerana kisah-kisah mengenai tokoh tersebut sering diceritakan secara turun temurun serta dibukukan untuk memberikan kepercayaan dan identitas kolektif sesuatu masyarakat.

Secara keseluruhannya kita sedia maklum bahawa kisah-kisah legenda yang diceritakan dalam teks cerita rakyat mampu meninggalkan impak yang besar kepada golongan masyarakat terutamanya mereka yang memandangi dari aspek positif. Hal ini kerana masyarakat yang mendalami cerita legenda mampu untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang permulaan berlakunya sesuatu peristiwa serta tokoh yang dapat memberikan pengajaran penting. Selain itu, legenda yang berlaku pada zaman dahulu juga dianggap sebagai wadah pembelajaran yang membina kerana penceritaan ini menerapkan tentang keagamaan dan pengajaran positif yang terdapat dalam cerita legenda tersebut. Bukan hanya itu, dengan mempelajari cerita legenda juga dapat menjadikan masyarakat memperoleh inspirasi dan motivasi melalui tokoh-tokoh terdahulu yang mewujudkan sesuatu peristiwa tersebut. Secara tidak langsung masyarakat dapat mendalami tentang keberanian, ketabahan, dan nilai-nilai positif lainnya yang dapat diterapkan dalam kehidupan harian.

Kesudahannya, secara tidak langsung bahawa kita sedar akan kepentingan dan fungsi cerita rakyat sehingga ia sudah dikenal sebagai khazanah yang harus dipelihara. Di

samping menjadi tanggungjawab untuk memelihara khazanah tinggalan ini, kita sedia maklum bahawa cerita rakyat ini melibatkan platform yang dapat memberi manfaat dalam mendidik golongan pembaca untuk melihat dengan lebih mendalam berkaitan sejarah-sejarah peristiwa yang pernah terjadi pada zaman dahulu. Selain itu, cerita rakyat juga boleh menanamkan inspirasi dan nilai-nilai moral kepada individu serta memperkaya khazanah budaya dan warisan bangsa. Justeru itu, menjadi satu kemestian bagi kita untuk terus menghargai dan mempromosikan cerita rakyat yang turut dikenali sebagai identiti bangsa. Secara tidak langsung, teretusnya idea untuk mengenal pasti unsur legenda yang wujud cerita rakyat terpilih. Dengan ini, dapat dilihat bahawa *Teks 366 Cerita Rakyat Terkenal* memenuhi kriteria yang diperlukan untuk diangkat menjadi sumber buku rujukan untuk melakukan kajian penyelidikan yang lebih mendalam berkaitan unsur legenda. Umum mengetahui bahawa teks tersebut mempunyai berbagai jenis cerita rakyat yang terkandung di dalamnya.

1.2 Penyataan Masalah

Kajian penyelidikan yang ingin dilakukan sudah pasti dapat menggali suatu permasalahan yang timbul sepanjang menjalankan kajian berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan. Dengan ini, pengkaji mendapati dan merumuskan jawapan mengenai permasalahan yang timbul berikut.

Pada pengamatan pengkaji, kita sedia maklum bahawa cerita rakyat telah banyak didedahkan dalam kalangan masyarakat dalam bidang kesusasteraan. Tidak hanya itu, cerita rakyat juga sudah cenderung untuk diperkenalkan dari individu kepada individu yang baru. Namun yang menjadi permasalahannya ialah cerita rakyat sudah pasti mengandungi cerita-cerita berkaitan legenda yang terdapat di dalam penceritaan semakin kurang mendapat perhatian kini. Hal ini mungkin kerana wujudnya pengaruh globalisasi dan arus kemodenan yang semakin berkembang mempengaruhi cara masyarakat. Dalam hal ini, masyarakat lebih cenderung untuk mengakses cerita-cerita moden daripada mempelajari cerita rakyat tradisional yang ada. Oleh hal demikian, kepercayaan masyarakat terhadap legenda semakin hari semakin berkurangan. Hal ini dikatakan demikian kerana legenda telah dianggap sebagai cerita rekaan yang boleh memberikan hiburan terhadap golongan kanak-kanak sahaja.

Tidak hanya itu, masyarakat juga cenderung untuk menganggap unsur legenda yang terdapat dalam teks sastra lisan hanyalah untuk diangkat sebagai sumber pembacaan dan tidak mengambil peduli tentang isi yang ingin disampaikan cerita tersebut. Hal ini pada dasarnya mencetuskan permasalahan apabila masyarakat mulai ragu tentang kesahihan dan kerelevanan terhadap cerita rakyat. Bagi konteks pembacaan pula, tidak hairan apabila masyarakat lebih cenderung untuk memilih membaca cerita yang mempunyai unsur benar-benar terjadi ataupun lebih dekat dengan aspek kehidupan mereka. Sebagai contohnya, pemilihan genre novel dan cerpen yang mengisahkan kehidupan realiti. Dengan ini, secara tidak langsung

masyarakat akan memberi gambaran bahawa buku-buku berkaitan kisah legenda tidak lagi sesuai untuk dijadikan sebagai sumber bacaan dengan konteks kehidupan pada masa kini. Natiujahnya, kewujudan pemikiran tersebut akan menjadikan cerita rakyat semakin hilang dalam kehidupan masyarakat kerana akan ada yang berpendapat bahawa ianya akan memesongkan Akidah dan sebagainya.

Pada umumnya, kita sedia maklum bahawa cerita rakyat ini bukan hanya berperanan untuk memberikan ilmu kepada masyarakat sahaja. Malahan ia juga berperanan menjaga jati diri masyarakat Melayu kepada dunia serantau agar tidak ditelan zaman. Tambahan lagi, cerita rakyat merupakan sebuah tinggalan sejarah yang harus dipelihara dan dijaga sampai bila-bila agar tidak luput dari ingatan setiap lapisan masyarakat. Dengan ini, pengkaji juga mendapati bahawa ramai pengkaji terdahulu telah melakukan kajian yang berfokus terhadap kajian cerita rakyat. Antaranya kajian cerita rakyat bertajuk *Analisis terhadap Pembentukan Nilai-Nilai Islam terhadap rakyat Malaysia dalam Cerita Rakyat Melayu* yang dihasilkan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020), *Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia* yang dihasilkan oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak, Siti Ezaleila Mustafa (2019), *Nilai-Nilai Murni dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). *Akal dan Budi Orang Melayu dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Shahirah Othman (2020).

Berdasarkan pemerhatian terhadap kajian-kajian yang terdahulu yang pernah dihasilkan, pengkaji mendapati bahawa unsur legenda masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji lepas. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian terdahulu pada dasarnya lebih berfokus untuk menggali berkaitan dengan nilai murni serta nilai Islam yang terdapat dalam cerita rakyat. Sewajarnya nilai murni dan nilai Islam harus diberi fokus kerana ia secara tidak langsung dapat membentuk jati diri masyarakat. Namun, masyarakat juga harus didedahkan tentang peristiwa-peristiwa

sejarah yang pernah terjadi pada zaman dahulu agar masyarakat lebih tahu dan faham tentang sejarah dahulu. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk mengisi kekosongan ini dengan mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur legenda yang terkandung dalam cerita rakyat. Dengan ini, diharapkan bahawa dengan wujudnya kajian ini, mampu memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang warisan budaya dan sejarah yang terkandung dalam cerita rakyat. Secara keseluruhannya, pengkaji merasa terpanggil untuk mulai mengenal pasti unsur legenda yang dalam cerita rakyat yang menjadi pilihan iaitu *Teks 366 Cerita Rakyat Terkenal*.

1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menjawab beberapa persoalan kajian yang telah dikemukakan seperti berikut.

1.3.1 Apakah unsur-unsur legenda yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang dikaji?

1.3.2 Bagaimanakah unsur-unsur legenda dapat dikenal pasti dalam Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* dikaji berdasarkan teori pengkaedahan Melayu?

1.4 Objektif Kajian

Kajian analisis ini dilakukan untuk mengenal pasti dan membincangkan dengan lebih lanjut tentang hal berkaitan cerita rakyat untuk mencapai objektif kajian yang telah digariskan.

1.4.1 Mengetahui unsur-unsur legenda dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

1.4.2 Menganalisis unsur-unsur legenda dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.

1.5 Batasan Kajian

Kajian yang dilakukan mempunyai beberapa batasan kerana pengkaji mendapati bahawa skop kajian terhadap cerita rakyat yang ingin dilakukan adalah meluas. Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat merupakan tajuk umum yang mempunyai pelbagai jenis teks yang ada pada masa kini. Tambahan lagi, cerita rakyat sangatlah banyak sehingga tidak terkira kerana ia dapat dilihat secara meluas dari segi bangsa dan masyarakat dari segenap negeri yang berbeza. Oleh itu pengkaji telah meletakkan batasan terhadap kajian ini. Dalam hal ini, kajian yang ingin dilakukan hanyalah tertumpu kepada teks yang telah dipilih iaitu Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang telah dihasilkan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusof dan Fatimah Abdul Nasir. Pengkaji memilih teks ini untuk mengkaji unsur legenda yang terkandung pada cerita rakyat pilihan. Bersesuaian dengan tajuk buku cerita rakyat ini, cerita rakyat ini memaparkan 366 jenis cerita rakyat yang berbeza dengan 220 halaman bercetak. Hal ini kerana 366 cerita rakyat yang terdapat dalam cerita ini mempunyai versi yang berbeza jenis sama ada ia berkaitan dongeng, mitos, legenda, asal usul dan sebagainya.

Pengkaji juga turut menyatakan beberapa faktor yang membolehkan teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang dihasilkan Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusof dan Fatimah Abdul Nasir dipilih untuk menjadi medium utama kajian ini. Pertama sekali, teks cerita rakyat ini dipilih kerana di samping mempunyai pelbagai jenis bentuk penceritaan cerita rakyat, ia juga menampilkan cerita rakyat yang tersusun dan kemas pada setiap bab yang telah ditetapkan. Ini kerana sastera rakyat yang terdapat di dalam buku tersebut tersusun rapi mengikut bulan bermula 1 Januari sehingga bulan-bulan seterusnya iaitu 31 Disember. Hal ini secara tidak langsung memudahkan urusan pengkaji untuk mengkaji unsur legenda yang terdapat dalam teks cerita rakyat tersebut.

Seterusnya, faktor kedua pula ialah cerita yang ingin disampaikan juga turut kompleks dan ringkas serta mudah untuk difahami menjadi pendorong untuk pengkaji memilih teks ini dalam melakukan kajian. Teks yang digunakan mudah untuk dibaca dan pengkaji mendapati cerita-cerita rakyat yang ditampilkan tidak mempunyai jalan penceritaan yang terlalu panjang dan rumit. Dengan ini, penggunaan bahasa yang digunakan mudah untuk difahami sehingga ianya sesuai untuk dibaca oleh golongan kanak-kanak. Setelah meneliti cerita rakyat yang terdapat dalam buku tersebut. Pengkaji amat bersetuju bahawa cerita rakyat yang ingin disampaikan mudah untuk difahami dan jelas.

Faktor yang mendorong pengkaji memilih teks ini sebagai sumber utama kajian yang seterusnya ialah buku cerita *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang dihasilkan juga sangat sesuai untuk menjadi bahan bacaan terutamanya kepada golongan kanak-kanak kerana paparan visual yang ada dalam buku kelihatan menarik. Hal ini disebabkan oleh teks memperlihatkan warna dan gambar-gambar yang menarik. Tambahan lagi, pelbagai visual berkaitan karakter sesebuah penceritaan yang terlibat di setiap cerita rakyat tersebut. Dengan ini, selain dapat memberi kemudahan pemahaman kepada golongan kanak-kanak, buku ini juga dapat membangkitkan minat perhatian golongan kanak-kanak untuk mengetahui cerita lama yang pernah wujud. Kita sedia maklum bahawa golongan kanak-kanak ini pada umumnya lebih cenderung untuk meminati buku-buku yang memaparkan visual yang menarik dan berwarna. Secara tidak langsung, cerita rakyat yang ada dapat disampaikan kepada golongan kanak-kanak. Hal ini bersesuaian dengan konteks bahawa cerita rakyat seharusnya terus dikenali dan dipelihara agar tidak dilupakan terutama sekali kepada generasi yang akan datang. Sebagai contohnya, kanak-kanak dapat mengenali budaya dan tradisi masyarakat dahulu. Sesungguhnya, dengan ini beberapa faktor yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* meyakinkan pengkaji untuk mendalami teks ini dengan lebih meluas.

Selain itu, pengkaji juga membataskan kajian untuk mengkaji dengan lebih teliti berkaitan unsur legenda yang terkandung dalam teks cerita rakyat. Dalam hal ini, pengkaji telah membataskan kajian terhadap unsur legenda sahaja yang terdapat dalam cerita rakyat terpilih. Lebih-lebih lagi, penceritaan yang terdapat dalam teks ini pada umumnya mempunyai pelbagai versi yang berbeza. Antara yang dapat diambil contoh ialah cerita yang berbentuk dongeng, cerita binatang dan cerita asal usul. Batasan kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mendapatkan hasil yang mendalam berkaitan dengan apa yang telah digariskan untuk dikaji. Jadi, batasan diletakkan terhadap unsur legenda sahaja agar pengkaji lebih fokus terhadap kajian yang ingin dilakukan. Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dengan lebih lanjut dan peka tentang unsur legenda yang terkandung dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Disebabkan itu, kajian ini hanya berfokuskan terhadap unsur legenda sahaja yang terdapat pada teks yang ingin dikaji.

Kepelbagaian bentuk cerita yang terkandung dalam Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* membuatkan pengkaji menghadkan kajiannya terhadap beberapa teks terpilih sahaja. Dengan ini, pengkaji telah membataskan sebanyak 25 buah cerita rakyat yang menjadi fokus utama penelitian dalam menghasilkan kajian. Selain itu, pengkaji juga mengelaskan unsur-unsur legenda kepada 5 jenis unsur iaitu legenda tokoh, legenda asal usul, legenda amanat, legenda peristiwa dan legenda tradisi. Jadual di bawah merupakan antara tajuk teks cerita rakyat yang menjadi perhatian pengkaji untuk mencari unsur-unsur legenda yang diterapkan dalam cerita rakyat.

| Bil. | Tajuk Cerita Rakyat | Unsur Legenda |
|-------------|--|----------------------|
| 1. | <i>Puteri Santubong Puteri Sejinjang</i> | Tokoh |
| 2. | <i>Kampung Rembau</i> | Asal usul tempat |
| 3. | <i>Bawang Putih Bawang Merah</i> | Amanat |
| 4. | <i>Asal Usul Nama Bota</i> | Asal usul tempat |
| 5. | <i>Asal Usul Pulau Tioman</i> | Asal usul tempat |

| | | |
|-----|---|------------------|
| 6. | <i>Asal Usul Nama Pahang</i> | Asal usul tempat |
| 7. | <i>Asal Usul Nama Gual Periok</i> | Asal usul tempat |
| 8. | <i>Adat Hantaran Daun Sirih, Gambir, Kapur dan Pinang</i> | Tradisi |
| 9. | <i>Sungai Sembilang</i> | Asal usul tempat |
| 10. | <i>Asal Usul Pekan Tampak</i> | Asal usul tempat |
| 11. | <i>Tuhan Maha Adil</i> | Amanat |
| 12. | <i>Cik Siti Wan Kembang</i> | Tokoh |
| 13. | <i>Ikan Tapah</i> | Peristiwa |
| 14. | <i>Puteri Mayang</i> | Tradisi |
| 15. | <i>Bobolian</i> | Tradisi |
| 16. | <i>Gua Musang</i> | Asal usul tempat |
| 17. | <i>Puteri Saadong</i> | Tokoh |
| 18. | <i>Tarian Wek Jongen</i> | Tradisi |
| 19. | <i>Asal Nama Kuala Kangsar</i> | Asal usul tempat |
| 20. | <i>Nasi Menjadi Bunga</i> | Amanat |
| 21. | <i>Badang</i> | Tokoh |
| 22. | <i>Batu Belah Batu Bertangkup</i> | Peristiwa |
| 23. | <i>Tuk Raja Bertemu Taring</i> | Asal usul tempat |
| 24. | <i>Sabak Bernam</i> | Asal usul tempat |
| 25. | <i>Seri Menanti</i> | Asal Usul tempat |

Jadual 1.5 Tajuk Cerita Rakyat dan Unsur-Unsur Legenda

Kita sedia maklum bahawa setiap kajian yang dihasilkan sudah semestinya memerlukan teori yang sesuai demi menghasilkan kajian dengan lebih sistematik. Hal ini demikian kerana pemilihan teori yang sesuai dengan konteks kajian adalah sangat perlu kerana ia merupakan satu panduan kepada pengkaji untuk menjalankan analisis ke atas kajian. Oleh itu, di samping kajian ini berfokuskan terhadap unsur-unsur legenda yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*, pengkaji juga turut meletakkan batasan kajiannya terhadap pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam menghasilkan analisis yang sistematik dan tepat.

Seperti yang kita sedia maklum Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori yang telah dicipta oleh Hashim Awang (1989). Permulaan penciptaan teori ini pada umumnya berpunca dari pemerhatian yang telah dijalankan oleh Hashim Awang. Hal ini dikatakan demikian kerana pada awalnya, beliau mendapati bahawa teori yang telah sedia ada dilihat tidak menepati piawaian sepatutnya untuk diaplikasikan dalam karya-karya Melayu. Oleh itu, Teori Pengkaedahan Melayu ini dicipta seiring dengan kehidupan bagi masyarakat Melayu sama ada melalui bentuk kepercayaan dan sikap. Tambahan lagi, Teori Pengkaedahan Melayu ini dibahagikan dengan dua jenis iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang masing-masing mempunyai peranan dan maksud yang berlainan dalam mentafsir karya.

Menerusi pengkaedahan Alamiah yang mengandungi tiga pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Seterusnya, dapat juga kita lihat bahawa pengkaedahan Keagamaan juga mempunyai tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Setiap pendekatan ini mempunyai makna dan fungsi yang tersendiri dalam menghasilkan sesuatu kajian penyelidikan.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini dihasilkan bertujuan demi memperluaskan pengetahuan berkaitan cerita rakyat kepada golongan masyarakat. Dalam pada itu, cerita rakyat bukanlah tertumpu terhadap satu jenis sahaja malahan ia merupakan meluas dari segi jenis cerita rakyat. Apabila memperkatakan tentang cerita rakyat, pengkaji yakin bahawa ramai yang menganggap bahawa cerita rakyat adalah sebuah buku yang tertumpu terhadap cerita-cerita orang zaman dahulu untuk dijadikan sebagai hiburan masyarakat dahulu. Pengkaji mengambil inisiatif untuk melakukan kajian ini untuk mengupas dengan lebih meluas tentang apa yang terkandung dalam cerita rakyat seperti dapat mengupas sejarah hidup orang-orang dahulu. Tambahan lagi, cerita rakyat pada dasarnya sangatlah penting untuk dijaga agar tidak ditelan zaman seiring dengan peredaran waktu. Hal ini kerana pelbagai pelajaran yang dapat diambil dan dijadikan teladan dalam kehidupan seharian. Dengan ini, dapat mengubah pemikiran masyarakat untuk berfikir bahawa pelbagai kebaikan yang dapat diambil melalui cerita rakyat ini.

Kita sedia maklum bahawa berdasarkan pemerhatian melalui penyelidikan yang pernah dilakukan, pengkaji mendapati bahawasanya unsur-unsur legenda dalam cerita rakyat masih kurang diberi perhatian. Dengan ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk mendalami cerita rakyat yang berfokuskan tentang unsur-unsur legenda yang terdapat dalam cerita rakyat yang dipilih. Perkara ini secara tidak langsung dapat menghakis pemikiran masyarakat pembaca bahawa cerita rakyat merupakan cerita yang tidak relevan dengan isu semasa. Pada dasarnya, cerita rakyat harusnya didalami dengan lebih meluas kerana apabila diteroka, pengkaji percaya bahawa cerita rakyat sememangnya memberi pelbagai impak positif seperti dapat mengetahui asal usul sesuatu itu berlaku, sejarah masyarakat dahulu serta banyak lagi berkaitan kehidupan masyarakat dahulu. Tambahan lagi, pengkaji juga yakin bahawa masih ada sesetengah masyarakat yang menganggap cerita rakyat berunsur legenda merupakan satu rekaan yang dapat memberikan hiburan kepada golongan masyarakat. Jadi,

kajian ini dilakukan untuk mengubah persepsi masyarakat terhadap cerita rakyat yang berunsurkan legenda. Tidak hanya itu, kajian ini juga turut mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu untuk mendalami unsur legenda yang ada dalam teks 366 *Cerita Rakyat Terkenal*. Teori Pengkaedahan Melayu ini dipilih kerana ianya sesuai dan memenuhi syarat yang diperlukan dalam kajian ini.



1.7 Definisi Operasional

Berdasarkan tajuk yang dipilih, pengkaji akan mengemukakan tiga konsep dalam definisi operasional ini. Definisi yang ingin dikemukakan ialah definisi cerita rakyat, definisi legenda dan definisi teori yang dipilih iaitu Teori Pengkaedahan Melayu.

1.7.1 Definisi Cerita Rakyat

Cerita rakyat merupakan suatu platform pembacaan yang membahaskan tentang cerita yang telah disampaikan pada zaman dahulu kepada golongan masyarakat. Kita sedia maklum, cerita rakyat merangkumi cerita rekaan yang wujud sejak zaman dahulu. Dalam erti kata lain, cerita rakyat merupakan cerita yang wujud sejak zaman berzaman lagi dan telah diperturunkan melalui kaedah percakapan melalui generasi ke generasi yang lain. Untuk makluman lanjut, cerita rakyat sudah sehati dalam kehidupan masyarakat pada zaman dahulu kerana ia merupakan suatu hiburan yang meninggalkan pengajaran penting kepada setiap golongan.

Kita sedia maklum, cerita rakyat merupakan suatu budaya rakyat Malaysia yang seharusnya dipelihara. Dalam hal ini, cerita rakyat disebarkan melalui lisan kerana sistem tulisan masih lagi wujud. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat mula diceritakan melalui mulut ke mulut oleh masyarakat dahulu untuk dijadikan sebagai hiburan. Oleh itu, mengikut era kemodenan yang semakin berkembang, Cerita rakyat ini pada dasarnya telah dibukukan kembali dalam bentuk penulisan untuk mengekalkan cerita yang telah disampaikan sejak zaman dahulu lagi. Dalam erti kata lain, cerita rakyat akan terus sehati dalam diri masyarakat untuk mengekalkan khazanah peninggalan yang telah diamanahkan kepada kita. Tambahan lagi, cerita rakyat juga boleh didapati dalam pelbagai versi yang berbeza iaitu versi mitos, dongeng, legenda, asal usul dan sebagainya.

Seterusnya, cerita rakyat juga turut ditakrifkan sebagai satu warisan turun-temurun disampaikan secara lisan oleh generasi terdahulu kepada generasi lain. Dalam hal ini, cerita rakyat pada umumnya mempunyai nilai-nilai murni, amanat serta pengajaran yang ingin disampaikan dalam setiap teks yang ada. Dengan ini, dapat kita lihat bahawa cerita tinggalkan sudah pasti mempunyai pengajaran yang ingin dikeluarkan terhadap masyarakat.

1.7.2 Definisi Unsur Legenda

Kamus Dewan (2010) mentakrifkan bahawa legenda merupakan suatu cerita yang berkait rapat dengan kisah-kisah bersejarah. Seperti yang kita sedia maklum legenda adalah salah satu genre yang terkandung dalam teks cerita-cerita rakyat. Selain itu, legenda juga turut dikenali sebagai sebuah cerita yang dianggap benar-benar terjadi dalam suatu tempat atau wilayah. Pada kebiasaannya, isu dan tema yang dikeluarkan dalam cerita rakyat Malaysia berpandukan tokoh-tokoh terkenal pada era dahulu. Tambahan lagi, Yusoff Iskandar (1986), legenda membawa erti kejadian ataupun kisah tentang keperibadian dan keunggulan dalam peribadi yang dimiliki oleh tokoh-tokoh manusia yang tercipta dalam sejarah.

Selain itu, Harun Mat Piah (2003) juga turut mengemukakan pendapat beliau mengenai legenda. Beliau berpendapat bahawa cerita legenda merupakan sebuah cerita yang serius serta dipercayai bahawa sesebuah cerita itu benar. Tambahan lagi, legenda juga memaparkan sebuah cerita yang mempunyai ciri-ciri luar dari batas manusia biasa. Dalam hal ini, legenda membicarakan tentang tokoh-tokoh, makhluk alam sebalik mata atau manusia yang biasa yang telah berlaku pada masa lampau. Secara keseluruhannya, legenda dapat didefinisikan sebagai sebuah prosa rakyat yang boleh ditokohi dan dikagumi disebabkan sifat-sifat luar biasa yang tidak ada pada manusia. Ada juga sesetengah percaya bahawa sikap luar biasa yang ada pada manusia pada masa dahulu adalah terjadi disebabkan bantuan oleh makhluk lain.

1.7.3 Definisi Teori Pengkaedahan Melayu

Kita sedia maklum, Teori Pengkaedahan Melayu dikenali sebagai suatu gagasan pendekatan yang telah diperkenalkan seorang sarjana yang terkenal Tanah air iaitu Hashim Awang (1994). Teori Pengkaedahan Melayu dihasilkan kerana Hashim Awang mendapati teori yang telah sedia ada tidak sesuai untuk diaplikasikan dalam karya-karya Melayu. Berdasarkan pandangan dari sudut lain. Teori Pengkaedahan Melayu ini mentakrifkan setiap aspek kehidupan masyarakat secara menyeluruh. Tidak hanya itu, teori ini berlandaskan cara dan sikap, kepercayaan serta kebudayaan masyarakat dalam mengkaji karya. Selain itu, alam merupakan sumber yang menjadi sebahagian daripada kehidupannya yang mempunyai kaitan dengan manusia. Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada 2 jenis iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang mempunyai fungsi dan perbezaan dalam menganalisis karya.

1.8 Organisasi Kajian.

Organisasi kajian merujuk kepada ringkasan yang dilakukan dalam setiap bab. Secara keseluruhannya, projek penyelidikan ini mempunyai lima bab yang masing-masing mempunyai isi tertentu.

Bab Satu

Bab satu ini, merupakan isi berkaitan dengan pendahuluan dalam kajian. Dalam konteks ini, pelbagai aspek utama dibincangkan dalam kajian ini. Antaranya ialah pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional, organisasi kajian dan juga penutup. Tambahan lagi, bab satu ini juga merupakan penerangan kajian yang dilakukan.

Bab Dua

Dalam bab ini, pengkaji mulai mengkaji kajian lepas yang bersangkutan dengan tajuk kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana bab dua merupakan kajian berasaskan sorotan kajian. Kita sedia maklum bahawa sorotan kajian melibatkan proses membaca dan melakukan penelitian yang telah dilakukan oleh para sarjana yang terdahulu. Dalam hal ini, penelitian terhadap kajian lepas dapat mengeluarkan kembali unsur legenda dalam kajian cerita rakyat. Dengan ini, secara tidak langsung penelitian terhadap kajian lepas dapat membantu pengkaji dalam mengeluarkan isu yang belum pernah dikaji sebelum ini. Tidak hanya itu, penelitian terhadap kajian lepas juga dapat dijadikan sebagai sumber rujukan yang dapat membantu dalam melakukan kajian. Tambahan lagi, pengkaji juga dapat mengenalpasti dengan lebih mendalam berkaitan dengan cerita rakyat. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengeluarkan isu yang ingin dikaji dalam kajian ini.

Bab Tiga

Pada bab ketiga, pengkaji memberikan penjelasan tentang kaedah metodologi kajian yang digunakan. Kajian metodologi adalah berkenaan penjelasan kaedah kajian yang dipilih oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini. Selain daripada itu, dalam bab ketiga ini juga turut memberi pencerahan tentang kaedah kajian yang digunakan. Sementelahan ini, kaedah kajian yang ditetapkan oleh pengkaji ialah kaedah rujukan teks dan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan informasi yang lebih lanjut. Kita sedia maklum bahawa metodologi kajian merangkumi satu langkah yang terpenting dalam menyiapkan kajian untuk memperolehi hasil yang kemas dan lengkap.

Bab Empat

Bab ini merupakan satu penjelasan berkaitan hasil dapatan kajian yang didapati sepanjang melakukan kajian ini. Misalnya, bab keempat ini juga turut menjalankan analisis setelah pengumpulan maklumat dari sumber-sumber yang telah ditetapkan. Dalam konteks ini, penelitian yang dilakukan oleh pengkaji ke atas teks *366 Cerita Rakyat Malaysia*. Dapatan analisis kajian mendapati teks yang dipilih mempunyai unsur legenda.

Bab Lima

Bab ini menjelaskan perkaitan antara kesimpulan ke atas kajian yang telah dilakukan. Secara keseluruhannya, bab ini merupakan kesimpulan yang dapat dirumuskan sepanjang menghasilkan kajian ini.

1.9 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendalami cerita rakyat yang menyentuh tentang unsur legenda. Hal ini wujud akibat daripada kajian berkaitan unsur legenda yang melibatkan cerita rakyat masih lagi kurang dilakukan. Oleh itu, kajian berkaitan unsur legenda ini dilakukan untuk memperluaskan lagi skop pengetahuan terhadap cerita rakyat. Dengan ini, para pembaca dapat mendalami dan mendapatkan pengetahuan yang lebih meluas berkaitan unsur legenda yang terdapat dalam kisah cerita rakyat. Tambahan lagi, cerita rakyat merupakan suatu hiburan pada masa dahulu yang memberikan pengajaran kepada golongan masyarakat untuk menghindari perkara yang negatif.

Selain itu, unsur legenda dalam cerita rakyat juga dikaji untuk mengubah sebahagian persepsi masyarakat dan berfikir dengan lebih luas. Hal ini dikatakan demikian kerana masih ada sebilangan masyarakat yang hanya menganggap cerita rakyat hanyalah cerita yang dikhususkan kepada golongan kanak-kanak pada zaman ini tanpa mengetahui setiap isi tersurat dan tersirat yang ingin disampaikan kepada golongan masyarakat. Dalam hal ini, unsur legenda dikaji untuk menyampaikan mesej disebabkan oleh cerita rakyat merangkumi suatu bentuk cerita yang sangat dekat dan berkaitan rapat dengan kehidupan masyarakat. Oleh itu, besar harapan pengkaji agar dapat melakukan kajian terhadap cerita rakyat ini dengan lebih meluas demi mendapatkan hasil akhir yang telah digariskan berdasarkan objektif yang ditetapkan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1 Pengenalan

Pada bab kedua ini, pengkaji telah melakukan beberapa penelitian melalui kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu. Pada umumnya, penelitian ini dilakukan untuk mengenalpasti dengan lebih mendalam berkaitan kajian terhadap unsur legenda dalam cerita rakyat. Hal ini disebabkan oleh pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam sama ada kajian yang sama pernah dilakukan sebelum ini atau tidak. Tambahan lagi, pengkaji ingin melihat sejauh manakah kajian tentang unsur legenda terhadap cerita rakyat ini telah dilakukan oleh pengkaji lepas. Kajian ini pada dasarnya telah dibahagikan kepada tiga bentuk kajian yang menjadi fokus utama. Pertama sekali, kajian ini berfokus terhadap kajian terhadap cerita rakyat di Malaysia. Seterusnya ia berfokus terhadap unsur legenda yang telah dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu. Akhir sekali ia juga berfokus terhadap kajian yang menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai tonggak menjalani analisis yang tepat. Oleh itu, sorotan berkaitan dengan hasil projek penyelidikan terdahulu akan dikaji dalam bab ini dengan lebih mendalam.

2.2 Kajian Terhadap Cerita Rakyat

Kajian ini menyoroti beberapa kajian-kajian lepas, antaranya ialah *Nilai-nilai Islam dan Pembentukan Akhlak dalam Kisah Melayu* oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020). Pada dasarnya, kajian ini tertumpu kepada cerita rakyat Melayu dan kisah-kisah yang berkaitan dengan masyarakat Melayu. Pengkaji mendapati bahawa nilai yang berkaitan dengan Keislaman terhadap pembentukan akhlak bagi masyarakat Melayu belum dikaji secara meluas. Kajian ini bertujuan untuk mencari serta mendalami nilai Islam dalam kisah rakyat Melayu mengenai pembentukan masyarakat Melayu. Pengkaji telah menetapkan had dalam menghasilkan kajian yang terdiri daripada sembilan teks yang dipilih daripada *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Untuk menyelesaikan kajian ini, kualitatif iaitu rujukan teks dan kepustakaan digunakan. Tambahan lagi, kajian cerita rakyat ini menggunakan Teori Takmilah untuk menyokong penyelidikan dan mencapai keputusan yang diinginkan. Kajian ini mendapati bahawa sembilan teks daripada *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* mengandungi lima nilai Islam. Ini menunjukkan bahawa kisah rakyat boleh mengajar masyarakat Malaysia untuk menjadi lebih baik pada masa hadapan.

Kajian yang seterusnya iaitu *Prinsip Nilai Murni Dalam Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Kajian ini dilakukan untuk membentuk tingkah laku melalui nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat pilihan iaitu *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini dilakukan kerana pengkaji mendapati bahawa kajian yang berfokus terhadap nilai-nilai murni yang masih mempunyai kelompongan dalam kajian. Objektif kajian ini ialah menganalisis dan merumuskan nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2013). Bagi batasan kajian, pengkaji membataskan kajian keatas teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* kerana telah terdapat pelbagai nilai murni yang terkandung di dalam teks terpilih. Tambahan dari rentetan itu, pengkaji memilih kaedah kuantitatif yang dikatakan

sesuai untuk mengkaji dengan lebih mendalam perkaitan kajian nilai murni ini. Pengkaji telah menerapkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai gagasan untuk menghasilkan kajian ini. Dalam konteks ini, analisis yang dilakukan mendapati bahawa terdapat 16 nilai murni yang ada dalam teks tersebut. Secara keseluruhannya, kajian nilai murni dalam cerita rakyat menjadikan para pembaca mengambil iktibar dan menerapkan nilai murni untuk melahirkan masyarakat yang lebih berdedikasi dan mempunyai nilai positif dalam diri mereka.

Kajian seterusnya ialah *Ciri-ciri Moral Positif dalam Kisah-kisah Orang Melayu* berkaitan cerita rakyat yang disediakan oleh pengkaji terdahulu iaitu Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017). Fokus penyelidikan ini adalah berkaitan dengan moral positif yang ingin dikeluarkan berdasarkan cerita Melayu. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat Melayu yang mengandungi medium pembacaan yang meluas di segenap dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana isi yang ingin dikeluarkan dalam cerita-cerita rakyat Melayu adalah termasuk dengan kehidupan yang dijalani oleh sesuatu bangsa seperti budaya yang ada. Kajian ini dilakukan kerana pengkaji mendapati unsur-unsur yang terkandung dalam kesusasteraan rakyat masih belum dikaji sepenuhnya, jadi ia perlu diambil kira dengan teliti. Objektif utama kajian ialah untuk mengkaji cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Selain itu, pengkaji meletakkan batasan kajian ini iaitu terhadap teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* (2015). Tambahan lagi, kajian ini turut dikaji dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan rujukan teks yang berkaitan. Kajian ini diteruskan dengan menetapkan Teori Pengkaedahan Melayu yang dikatakan sesuai untuk dijadikan sebagai platform dalam menjalankan kajian. Secara keseluruhannya, kajian ini mempengaruhi nilai moral yang terhadap masyarakat pada waktu dahulu kala. Jadi dengan kajian ini pada akhirnya dapat membuka mata masyarakat untuk

lebih peka dan mengamalkan sikap moral yang positif dalam menjalani kehidupan harian.

Seterusnya, kajian berjudul *Jati Diri Masyarakat Melayu Berdasarkan Budaya Masyarakat Melayu* disediakan oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop (2015). Penyelidikan ini merupakan satu bentuk kajian yang berfokus terhadap jati diri masyarakat Melayu dalam budaya. Permasalahan kajian ini adalah dapat dilihat apabila munculnya perkembangan teknologi moden menjadikan kedudukan sastera rakyat terganggu. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menunjukkan bahawa walaupun arus teknologi mempunyai keupayaan untuk merosakkan ketamadunan masyarakat, namun sastera rakyat ini seharusnya dipertahankan. Kajian ini dijalankan untuk mencapai tujuan kajian ditetapkan iaitu menganalisis dan membincangkan cerita rakyat Melayu berdasarkan kewujudan nilai jati diri. Pengkaji menghadkan kajian ini terhadap teks sastera iaitu *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Pengkaji melibatkan kaedah kualitatif untuk menghasilkan kajian ini. Dalam hal ini, kajian ini telah menggunakan teori ekologi budaya untuk menangani dan mendapatkan hasil kajian yang tepat dan benar. Secara tidak langsung, kajian ini dapat mengembalikan jati diri dan membuka mata masyarakat untuk berpegang teguh terhadap ajaran positif sejak dulu.

Kajian yang seterusnya bertajuk *Fungsi dan Objektif Dalam Kesusasteraan Rakyat dan Cerita Jenaka Melayu* dihasilkan oleh Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah (2022). Kita sedia maklum bahawa sastera rakyat dan cerita jenaka merupakan sesuatu yang berkaitan dan sudah jadi sehati dalam konteks kehidupan masyarakat Melayu lama. Fokus utama yang menjadi objektif kajian ini adalah untuk mengupas tentang fungsi dan tujuan kesusasteraan rakyat dan cerita jenaka. Kajian ini telah dibataskan terhadap 4 cerita jenaka. Kajian ini dihasilkan oleh pengkaji dengan melibatkan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Pengkaji dapat merumuskan pada akhir kajian bahawa tujuan dan fungsi sastera rakyat dan cerita

jenaka adalah untuk dijadikan sebagai hiburan dan pengajaran, pengenalan tradisi budaya dan sebagainya.

Di samping itu, kajian lain turut disoroti ialah *Cerita Rakyat Melibatkan Ritual Di Mukim Bebar, Pekan Pahang, Malaysia* yang disediakan oleh Noorzatulhidayah Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal, Nasirin Abdillah (2021). Fokus kajian ini ialah cerita rakyat yang masih lagi dilakukan di Mukim Bebar, Pekan Pahang. Berdasarkan hasil kajian ini, pengkaji ingin mengeluarkan hubungkait antara kebudayaan dengan kehidupan masyarakat seperti kepercayaan, sistem kekeluargaan dan ekonomi. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti kemunculan kepercayaan dalam cerita rakyat Kawasan kajian. Kajian ini dibataskan oleh penduduk yang berada di kawasan kajian untuk mencari maklumat dengan lebih mendalam perkaitan cerita rakyat yang ada. Tambahan lagi, kajian ini juga turut melibatkan kaedah kualitatif dimana pengkaji menggunakan kajian lapangan untuk mengenal pasti lebih lanjut berkaitan dengan cerita rakyat yang dikaitkan dengan masyarakat. Dalam konteks ini, kajian berteraskan tentang pengaplikasian dan penerapan teori fungsionalisme untuk mendalami dengan lebih berkaitan kajian tentang analisis yang dilakukan. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengenal pasti dengan lebih lanjut berkaitan kepercayaan atau budaya yang masih diamalkan oleh masyarakat di kawasan yang dikaji.

Cerita-Cerita Rakyat Melayu iaitu Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Oleh Aripin Said & Othman Puteh: Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Kajian ini dilakukan untuk melihat dengan lebih mendalam tentang falsafah pendidikan kebangsaan yang dapat diterapkan melalui cerita rakyat Melayu yang dipilih Teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini pada umumnya ingin mengeluarkan nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat yang dipilih. Hal ini dikatakan demikian kerana fokus utama kajian ini ialah mendasari teks cerita rakyat yang mengandungi nilai-nilai murni. Selain itu, pengkaji telah memilih beberapa cerita rakyat sebagai sumber utama dalam

menghasilkan kajian. Dalam hal ini, pengkaji telah memilih pendekatan kualitatif sebagai asas untuk menghasilkan kajian ini. Untuk menjayakan kajian ini, pengkaji telah memilih Pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berasaskan konsep intelek, emosi dan rohani. Pendekatan ini dipilih kerana ianya sesuai untuk menyokong hujahan analisis berkaitan kajian. Analisis yang dilakukan menunjukkan beberapa nilai positif yang terkandung dalam teks kajian yang dipilih iaitu hemah tinggi, kebebasan dan hormat-menghormati.

Seterusnya, kajian berkaitan dengan *Sastera Rakyat D daripada Perspektif Kearifan Tempatan Dan Potensi Kepada Pelancongan Budaya di Sarawak* dihasilkan Dilah Tuah (2022). Kita sedia maklum bahawa sastera rakyat sudah sebatu di kehidupan masyarakat. Ini kerana budaya yang timbul pada masa kini bermula dengan sastera rakyat yang telah menjadi khazanah yang perlu dilindungi pada masa kini. Fokus utama pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk mengenal pasti berkaitan cerita rakyat dalam melalui sisi tempatan kepada perusahaan pelancongan budaya di Sarawak. Selain itu, pengkaji telah memfokuskan empat buah sastera rakyat yang terdapat buku *Antologi Cerita Rakyat Sarawak*. Kajian ini dihasilkan melalui kaedah merujuk teks dan perpustakaan. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengeluarkan sastera rakyat dapat menjadi sebagai dorongan utama dalam mempromosikan pelancongan budaya di Sarawak.

Warisan Budaya Masyarakat Melayu Pantai Timur Melalui Cerita Rakyat Kanak-Kanak oleh Siti Zuhaidah Zakeria, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kajian ini memberi fokus terhadap perkaitan penduduk Pantai Timur dengan cerita rakyat untuk kanak-kanak yang dikaji. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat turut memainkan peranan dalam pendidikan terutama sekali kepada golongan kanak-kanak. Objektif utama yang digariskan oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini ialah mendasari unsur budaya yang terdapat dalam cerita kanak-kanak. Kajian dihadkan kepada *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* yang dihasilkan oleh Othman dan Aripin

Said. Kajian ni pada dasarnya dihasilkan berfokus kepada masyarakat Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja memandangkan masyarakat yang menggunakan cerita rakyat adalah meluas. Dapat kita lihat bahawa kajian ini menggunakan metode kualitatif merupakan kaedah analisis teks. Dengan ini, kita dapat lihat bahawa pengkaji ingin mengeluarkan bahan pendidikan yang masih diamalkan berdasarkan teks cerita rakyat oleh masyarakat Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar yang disediakan oleh Siti Zuhaidah Zikeria (2015). Kajian ini berasaskan penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam *Majalah Dewan Pelajar*. Kita sedia maklum bahawa berdasarkan peredaran masa yang semakin moden, cerita rakyat Melayu semakin hari semakin dilupakan. Jadi, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh manakah sastera lisan diterbitkan dalam majalah yang menjadi sumber kajian ini. Kajian ini juga turut dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis tentang gaya penyampaian cerita rakyat yang terdapat dalam Majalah (DBP) tersebut. Batasan yang ditetapkan oleh pengkaji ialah hanya termaktub ke atas cerita rakyat Malaysia dalam bentuk bertulis diterbitkan oleh *Majalah Dewan Pelajar* sahaja. Penggunaan metode kualitatif iaitu analisis teks. Tambahan lagi, teori psikologi yang digunakan untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan cerita rakyat ini. Dengan ini, kajian ini pada dasarnya dapat mengeluarkan pemikiran yang terdapat pada kanak-kanak berkaitan dengan cerita rakyat Melayu.

Analisis yang seterusnya ialah *Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu* yang disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah (2018). Kajian ini bertumpu terhadap cerita rakyat yang mampu melahirkan pengetahuan yang baru dalam Falsafah pendidikan. Penyelidikan ini dijalankan kerana pengkaji yakin bahawa cerita rakyat semakin hari semakin pupus dalam konteks masyarakat sehingga kini. Oleh itu kajian ini dilakukan untuk mengkaji nilai-nilai positif dengan menggunakan

pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Selain itu, kajian ini juga turut dibataskan oleh teks pilihan iaitu *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* karya Othman Puteh dan Aripin Said. Dalam proses menghasilkan kajian ini, pengkaji memilih untuk melakukannya dalam bentuk kaedah kualitatif iaitu melakukan analisis keatas dokumen dan teks berkaitan dengan menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan 2 nilai positif yang terdapat melalui cerita rakyat yang dipilih. Dengan ini, kajian ini dihasilkan untuk melihat fungsi dan isi sastera rakyat yang ingin disampaikan Kepada golongan khalayak pembaca.

Seterusnya, Kajian *Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara* disediakan oleh Ezzah'afifah Nasrudin dan Che Ibrahim Salleh (2015). Kita sedia maklum bahawa cerita lipur juga merupakan salah satu bentuk cerita termasuk dalam lingkungan cerita rakyat. Objektif utama kajian ini adalah bertujuan untuk mendalami pemikiran masyarakat Melayu. Berdasarkan analisis terhadap kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan batasan kajian ialah terbatas kepada 4 buah buku yang dipilih. Kaedah kajian yang dijalankan berdasarkan kajian ini ialah kajian kualitatif dimana pengkaji mengeluarkan hasil kajian melalui kaedah rujukan teks dan kaedah kepustakaan. Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan teori sosiologi untuk mengenal pasti dengan lebih mendalam berkaitan kajian berupa cerita lipur lara. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengeluarkan pemikiran dan gambaran kehidupan masyarakat Melayu berdasarkan kajian dilakukan.

Kajian yang seterusnya ialah *Tanggapan Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea* yang disediakan oleh Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abdul Halim, Roslina Mamat dan Nor Shahila Mansor (2016). Berdasarkan tajuk utama kajian, kita dapat mengenalpasti fokus utama kajian iaitu persepsi pelajar dari Hankuk University of Foreign Studies, Korea tentang cerita rakyat. Selain menerima pendapat dari masyarakat Melayu, pengkaji ingin mengeluarkan persepsi dari kalangan masyarakat

selain Melayu lain dalam kajian. Jadi, kajian ini dilakukan untuk mengkaji persepsi pelajar Korea tentang cerita Melayu. Pengkaji telah menggariskan kajian ini terhadap mengenal pasti maklum balas pelajar Korea tentang *Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini dibataskan terhadap 20 orang pelajar Korea dari 2 jenis jantina iaitu lelaki dan perempuan. Selain itu kajian ini juga turut menggunakan tiga buah buku cerita rakyat yang dipilih. Kajian ini dilakukan dalam kaedah analisis data menggunakan teori analisis wacana yang dilakukan terhadap 20 orang pelajar. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat mengeluarkan persepsi masyarakat lain terhadap cerita rakyat Melayu melalui pelbagai aspek seperti andaian, konsep dan kesan dari hasil pembacaan yang telah pelajar Korea ini dilakukan.

Selain itu, *Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia* oleh Mohd Fahmi Ismail (2016). Kita sedia maklum bahawa kajian ini berfokus kepada sastera rakyat bagi golongan Orang Asli Temiar, Gua Musang. Pada waktu yang sama, cerita rakyat mempunyai beberapa versi yang berlainan bergantung kepada tempat bermulanya cerita rakyat. Tambahan lagi, cerita rakyat juga berlainan versi apabila ia disampaikan melalui mulut ke mulut. Kajian ini mempunyai 3 objektif utama yang digariskan untuk menjadi fokus terhadap kajian iaitu mendokumentasikan, menganalisis nilai-nilai budaya dan merumus nilai-nilai budaya cerita rakyat Orang Asli di Gua Musang, Kelantan. Kajian ini pada umumnya terbatas kepada nilai-nilai budaya yang terdapat dalam masyarakat Melayu Asli. Pada dasarnya, pengkaji ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan serta lapangan dalam usaha menghasilkan kajian ini. Seterusnya, kajian ini juga turut mengaplikasikan teori Sastera Warisan untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat. Dengan ini, kajian ini secara tidak langsung membantu masyarakat lain memahami dengan mendalam berkaitan dengan adat kepercayaan bagi masyarakat Orang Asli Temiar.

Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang dan Nilai Keadilan Dalam

Masyarakat Melayu disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017). Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menunjukkan bahawa pentingnya nilai murni perlu diterapkan dalam kehidupan masyarakat. Pengkaji menetapkan untuk mencapai objektif kajian iaitu mengkaji nilai kasih sayang dan keadilan dalam cerita rakyat. Kajian ini terbatas kepada cerita rakyat Melayu iaitu *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* karya Othman Puteh dan Aripin Said untuk mengkaji nilai kasih sayang dan nilai keadilan. Tambahan lagi, kajian ini dilakukan dengan kaedah kualitatif iaitu sorotan pembacaan terhadap cerita rakyat terpilih. Kajian yang dilakukan berteraskan Teori Pengkaedahan Melayu untuk mendapatkan hasil yang diinginkan. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati cerita rakyat Melayu banyak meletakkan unsur nilai murni sebagai sumber pendidikan kepada golongan masyarakat pembaca.

Kajian yang dihasilkan oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia*. Kita sedia maklum bahawa pada era yang semakin membangun ini sememangnya mendatangkan nilai positif, namun apa yang dikhawatirkan ialah tradisi yang lama sebagai contohnya cerita rakyat ini semakin dilupakan terutamanya bagi golongan kanak-kanak. Hal ini dikatakan demikian kerana kanak-kanak pada masa ini tidak didedahkan tentang cerita rakyat. Kajian ini dilakukan adalah berfokus untuk melihat impak kemajuan teknologi kepada cerita rakyat. Tambahan lagi, untuk meneliti dan menganalisis tajuk cerita rakyat yang diubah kepada bentuk media. Pengkaji telah memilih kaedah penelitian dan analisis tajuk cerita rakyat yang pernah diubah kepada media. Pada hasil akhir kajian ini, pengkaji mendapati cerita rakyat masih lagi tertinggal jauh berbanding kemajuan dalam bidang teknologi. Dengan ini, cerita rakyat yang telah menjadi khazanah negara seharusnya diutamakan untuk mengekalkan cerita yang terdahulu.

Selanjutnya, *Keberkesanan Unsur Watak Dan Perwatakan Dalam Cerita Rakyat Dalam Kalangan Kanak-Kanak Dan Remaja Melalui Media Animasi* disediakan Tuan Siti Nurul

Suhadah Tuan Adnan, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nur Samsiah Mazlan (2021). Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat merupakan sebuah penceritaan yang disampaikan melalui lisan dan boleh dijadikan sebagai medium pendidikan kepada golongan kanak-kanak. Dalam hal ini, pengkaji memfokuskan kajian terhadap kanak-kanak dan remaja iaitu melalui animasi berkaitan dengan keberkesanan cerita rakyat. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis keberkesanan media animasi kepada golongan kanak-kanak melalui cerita rakyat. Kajian ini terbatas terhadap teks cerita rakyat yang terpilih dalam *Koleksi 366 Cerita Rakyat di Malaysia* yang boleh diadaptasi dalam bentuk animasi iaitu *Si Luncai dengan Labu-Labunya*, *Sombong Membawa Padah*, *Ayam Dogol Membuat Jasa*, *Bersikap Jujur dan Kasih Sayang*. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Selain itu, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan gunaan untuk mengkaji dengan lebih lanjut. Secara keseluruhannya berdasarkan kajian ini, pengkaji meyakini bahawa bidang animasi sangat penting dan harus digiatkan untuk dijadikan sebagai medium pembelajaran kerana banyak pembelajaran yang dapat diambil sepanjang melakukan kajian terhadap animasi mengaitkan tentang perwatakan yang terdapat dalam cerita rakyat terpilih.

Kajian Adaptasi *Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan oleh Hazrul Mazran Rusli (2020)*. Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan untuk mengkaji adaptasi cerita *Si Luncai* iaitu kisah yang dipersembahkan dalam bentuk teks kepada visual. Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif dalam kajian ini, antaranya ialah membaca, mentafsir dan mengupas cerita rakyat dalam kedua-dua bentuk yang dihasilkan. Penyelidikan ini dibataskan terhadap sastera rakyat yang berjudul *Si Luncai*. Untuk menghasilkan kajian, pengkaji menggunakan pendekatan adaptasi longgar dan pendekatan eksplorasi visual. Tambahan lagi, pengkaji menggunakan dua teori yang sesuai untuk menghasilkan analisis iaitu teori Adaptasi

dan Eksplorasi Visual. Hasil akhir kajian mendapati bahawa pengkaji telah merumuskan bahawa karya kesusasteraan rakyat ini mampu diolah ke dalam bentuk visual kerana golongan kanak-kanak lebih mudah untuk memahami sebarang penceritaan yang ingin disampaikan.

Seterusnya, kajian yang bertajuk *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini telah dilakukan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat merupakan sebuah jalan penceritaan yang banyak memaparkan nilai-nilai murni. Dalam hal ini, pengkaji memfokuskan untuk mengkaji nilai baik hati yang terpapar dalam cerita rakyat Melayu yang merangkumi golongan masyarakat Melayu. Pengkaji telah memilih untuk menggunakan 4 cerita rakyat dari *Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat* untuk dijadikan sebagai sumber utama dalam melakukan kajian nilai baik hati ini. Kajian yang dihasilkan dengan penggunaan kaedah kualitatif berserta Teori Pengkaedahan Melayu dalam melakukan analisis kajian kerana ia sangat sesuai dengan konteks kajian yang dilakukan. Secara keseluruhannya, nilai baik hati ini ditonjolkan oleh perwatakan yang wujud dalam teks cerita rakyat pilihan mampu untuk melahirkan insan yang lebih baik di masa akan datang sekiranya seseorang itu menanamkan sikap yang positif dalam diri mereka.

Cerita rakyat yang pernah dikaji oleh pengkaji sebelum ini yang seterusnya ialah *Penemuan Nilai-Nilai Islam Dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak*. Kajian ini disediakan oleh Mohd Firdaus Bin Yaacob dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021). Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat sememangnya memiliki unsur yang positif yang boleh dijadikan sebagai konteks pembelajaran terhadap kalangan pembaca. Kajian ini dilakukan kerana pengkaji ingin menangkis persepsi sesetengah golongan masyarakat yang menganggap cerita rakyat tidak bermutu dan berpotensi untuk dijadikan sumber pendidikan kepada golongan masyarakat. Selain itu, pengkaji menetapkan objektif

kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai yang terdapat dalam cerita lisan Melayu. Kajian ini terbatas terhadap *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* iaitu *Raja Kuyuk, Raja Bertukar Emas, Bawang Merah Bawang Putih, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping* dan *Kalimah Bismillah*. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan rujukan teks dan kaedah kepustakaan. Selain itu, kajian ini menggunakan teori takmilah yang bertepatan dengan kajian yang mengkaji nilai Islam. Pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat nilai Islam yang terdapat dalam teks cerita rakyat terpilih untuk dijadikan sebagai sumber pendidikan dan membentuk khalayak ke arah lebih baik.

Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci merupakan kajian yang disiapkan oleh Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob (2018). Kita sedia maklum bahawa Orang Asli Temiar seringkali dikaitkan dengan masyarakat yang agak ketinggalan dari masyarakat lain terutama sekali dalam era teknologi yang semakin moden. Tidak dapat dinafikan bahawa walaupun mempunyai kehidupan yang agak mundur, mereka mempunyai pelbagai cerita rakyat, budaya dan pemikiran yang kreatif berbanding masyarakat lain. Pengkaji lebih berfokus untuk mentakrifkan kesan tersirat cerita masyarakat yang dikaji. Kajian ini adalah terbatas terhadap cerita rakyat bagi masyarakat tempatan yang terlibat sahaja sahaja. Untuk menghasilkan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kerja lapangan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan teori Konseptual untuk menjayakan kajian ini. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengeluarkan satu fakta baharu iaitu cerita rakyat yang dimiliki telah mempengaruhi kehidupan mereka walaupun ia merupakan tinggalan dari khazanah yang terdahulu kerana ia telah dijadikan amalan sehingga kini.

Kajian cerita rakyat seterusnya ialah *Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Kepada Kanak-Kanak* yang disediakan oleh Lily Salwani Razali (2011). Kita sedia

maklum bahawa medium pendidikan dalam cerita rakyat sememangnya benar. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengeluarkan kebenaran tentang keberkesanan medium pendidikan yang terkandung dalam cerita rakyat. Pengkaji menggariskan persepsi dari konteks kanak-kanak itu sendiri dalam medium pendidikan yang terdapat dalam teks cerita rakyat melalui 3 bentuk iaitu perubahan sosial, ekonomi dan pembentukan moral. Pengkaji memfokuskan pemerhatiannya terhadap 3 bentuk perubahan ini terhadap kanak-kanak. Tambahan lagi, kajian ini juga dihasilkan dengan penggunaan kaedah analisis teks untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan pendidikan terhadap kanak-kanak. Bukan itu sahaja, pengkaji juga turut melakukan kaedah lapangan dan borang soal selidik untuk melihat dengan lebih lanjut berkaitan persepsi kanak-kanak. Pengkaji juga turut menggunakan teori resepsi untuk mengkaji persepsi perubahan dalam diri kanak-kanak selepas medium pendidikan melalui cerita rakyat dilakukan. Akhir kajian ini. Pengkaji mendapati unsur-unsur pendidikan yang terdapat dalam teks cerita rakyat dapat membantu kanak-kanak untuk mendapat pendidikan secara tidak langsung melalui pembacaan.

Kajian yang seterusnya ialah *Unsur Kebudayaan Dalam Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dihasilkan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Kita sedia maklum bahawa budaya sesuatu tempat itu berbeza beza kerana ia merupakan suatu tinggalan orang dahulu untuk dijadikan sebagai ikutan generasi akan datang. Kajian ini dihasilkan berfokus untuk melihat tentang kebudayaan yang terkandung dalam naratif lisan. Pengkaji telah meletakkan batasan kajian kerana untuk membantu pengkaji lebih fokus terhadap apa yang ingin dikaji. Dalam hal ini, kajian ini terbatas terhadap sembilan buah cerita. Pengkaji menghasilkan kajian ini dengan penggunaan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan rujukan teks yang berkaitan. Dalam persediaan untuk menghasilkan hujahan yang berkaitan dengan kajian, pengkaji telah menetapkan untuk pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Secara keseluruhannya, pengkaji

mendapati bahawa unsur budaya adalah meluas kerana ia merangkumi budaya dari segi kemasyarakatan, ilmu agama atau kepercayaan, teknologi dan kesenian.

Kajian yang dilakukan oleh sarjana terdahulu berkaitan cerita rakyat yang seterusnya dilakukan oleh Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2019). Kajian yang telah dihasilkan bertajuk *Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat Melayu Tradisi Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional*. Kita sedia maklum bahawa mitos masih menjadi perdebatan mengenai kesahihannya. Dalam hal ini, mitos ialah sebuah kisah yang merangkumi berkaitan makhluk halus. Kajian ini dilakukan pada dasarnya bertujuan untuk melihat sejauh manakah kepercayaan masyarakat Melayu lama berkaitan mitos yang wujud. Dengan ini, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti fungsi mitos dalam sastera Melayu tradisional. Kajian ini telah dibataskan terhadap 3 teks sastera yang dipilih untuk mengkaji dengan lebih meluas berkaitan mitos. Selain itu, pengkaji juga menerapkan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis teks yang berkaitan dengan kajian. Analisis kajian ini dilakukan dengan menggunakan teori sosiologi kerana ianya sesuai dengan konteks kajian iaitu berkaitan dengan masyarakat. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa kepercayaan masyarakat Melayu lama terhadap unsur mitos adalah benar-benar berlaku dalam konteks kehidupan masyarakat.

Polemik Dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-kanak yang dihasilkan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, Mohd Firdaus Bin Che Yaacob, Siti Fatimah Abd Rashid dan Siti Aishah Jusoh (2021). Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat sememangnya tidak lari dari konteks pendidikan kerana ia banyak memaparkan unsur pendidikan yang boleh diambil contoh dan dijadikan sebagai panduan hidup. Namun, kita juga tidak dapat menafikan bahawa ada unsur polemik dalam cerita rakyat yang akan mendorong ke arah perkara yang negatif terhadap kanak-kanak pada umumnya. Kajian ini menggariskan beberapa objektif iaitu mengenal pasti dan membincangkan polemik yang terdapat dalam beberapa cerita

rakyat terpilih kepada pembentukan moral kanak-kanak. Pengkaji telah membataskan kajiannya terhadap beberapa cerita rakyat iaitu *Puteri Sejinjang Dan Puteri Santubong, Menuntut Bela, Kapak Emas, Melanggar Janji, Bawang Merah Bawang Putih dan Pemburu Yang Tidak Tahu Bersyukur* menerusi teks *366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Tambahan lagi, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kajian terhadap teks yang dipilih. Analisis kajian pada umumnya menggunakan teori takmilah untuk mendapat hasil kajian yang diinginkan iaitu asas memberikan pengajaran moral kanak-kanak melalui pengajaran yang terdapat dalam cerita rakyat.

Kajian yang seterusnya disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) iaitu *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu, Kelantan*. Dapat kita lihat bahawa cerita rakyat sudah tidak asing lagi bahawa bentuk penyampaiannya merupakan kaedah lisan iaitu mulut ke mulut. Pelbagai pengajaran yang diterapkan dalam cerita rakyat ini kerana selain dijadikan sebagai hiburan, ia juga turut dijadikan sebagai medium pendidikan. Pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini berobjektif dan terbatas terhadap mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini menggunakan metode kaedah kepustakaan iaitu mengumpul teks, jurnal, buku, tesis untuk mengkaji dengan lebih mendalam. Pengkaji juga menggunakan kaedah temubual dengan mencari dan mengenal pasti panglipur lara yang berpotensi untuk menceritakan kembali cerita rakyat yang ada di kawasan itu. Selain itu, pengkaji menggunakan teori takmilah kerana sesuai untuk diaplikasikan sepanjang menghasilkan kajian. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa karya sastera rakyat seperti cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan sememangnya mempunyai nilai murni yang dapat dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat Melayu.

Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian telah dikaji oleh Fifi Anak Rinyuk (2017). Pengkaji telah memfokuskan kajian ini pada moral yang terkandung dalam cerita rakyat Kaum Bidayuh tertentu. Ini disebabkan oleh keinginan pengkaji untuk mengumpulkan cerita rakyat Kaum Bidayuh yang belum ditulis oleh pengkaji lain. Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga matlamat yang telah ditetapkan iaitu mengklasifikasikan, menghuraikan dan menghubungkan nilai moral kaum Bidayuh. Pengkaji membataskan cerita rakyat terhadap kaum Bidayuh sahaja berdasarkan konteks cerita rakyat yang ingin dikaji. Pengkaji ingin mendapatkan maklumat tentang nilai moral kaum Bidayuh melalui kaedah kualitatif iaitu rujukan teks, kepustakaan dan lapangan. Selain itu, pengkaji memilih untuk menganalisis kajian dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral untuk mengkaji nilai moral yang digambarkan dalam beberapa cerita rakyat. Pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat kaum Bidayuh mengandungi banyak nilai moral yang boleh diambil sebagai pelajaran dan pengajaran untuk hidup.

Kajian cerita rakyat seterusnya tertumpu terhadap cerita kanak-kanak iaitu *Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan* yang disediakan oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2016). Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat sememangnya popular dalam kalangan kanak-kanak kerana ia merupakan salah satu platform untuk mendidik serta mempunyai jalan penceritaan yang tidak rumit dan mudah difahami. Objektif utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengklasifikasikan dan menganalisis nilai-nilai sosiobudaya yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat pilihan. Batasan yang telah ditetapkan oleh pengkaji ialah terhadap cerita kanak-kanak yang dipilih iaitu *Si Tanggung, Batu Belah Batu Bertangkup, Sumpahan Sang Keldai, Puteri Gunung Ledang, Orang Kaya Yang Kedekut* dan *Puteri Santubung Puteri Sejinjang*. Bagi metodologi kajian, pengkaji menghasilkan kajian ini dengan menggunakan kaedah soal selidik, kepustakaan dan rujukan teks untuk mengumpulkan data-data yang diperlukan untuk melengkapkan kajian terhadap nilai

sosiobudaya. Dengan ini jelaslah bahawa nilai sosiobudaya yang diterapkan dalam teks cerita rakyat untuk pembacaan bagi kanak-kanak secara tidak langsung dapat mendidik kanak-kanak untuk berakhlak baik dalam kehidupan.

Peristiwa Aneh Dalam Cerita Rakyat Hikayat Nakhoda Muda: Analisis Semantik Inkuisitif dihasilkan oleh Nur Ezatull Fadtehah Hedel dan Mary Fatimah Subet (2020) merupakan kajian cerita rakyat yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu. Kita sedia maklum bahawa aspek cerita rakyat merangkumi banyak jenis bentuk penceritaan. Dalam hal ini, pengkaji ingin mengeluarkan peristiwa-peristiwa aneh yang berlaku di luar jangkaan yang terdapat dalam teks pilihan iaitu *Hikayat Nakhoda Muda* yang masih belum mendapat perhatian sebelum ini. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti peristiwa aneh sepanjang jalan penceritaan teks terpilih iaitu *Hikayat Nakhoda Muda*. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif dalam menghasilkan kajian ini. Hasil kajian pengkaji telah merumuskan bahawa terdapat 10 peristiwa aneh yang berlaku dalam cerita rakyat tersebut.

Polemik Dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Suatu Pengaplikasian Teori Takmilah disediakan oleh Syarah Aqilah Zulfakar (2023). Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat merupakan sebuah karya warisan yang disampaikan secara turun temurun. Cerita rakyat sememangnya banyak mendatangkan impak yang positif kepada golongan khalayak terutamanya dalam bidang pendidikan. Namun, kita juga tidak dapat menafikan bahawa cerita rakyat juga mengandungi unsur polemik yang mendatangkan impak yang negatif kepada pembaca terutama sekali bagi golongan yang mudah terpengaruh. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti dan membincangkan polemik dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini dibataskan terhadap 36 teks terpilih dalam *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Dalam hal ini, pengkaji memilih untuk melakukan kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan rujukan teks untuk meneliti bahan-bahan yang boleh

dijadikan sebagai sumber kajian. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan teori takmilah sebagai landasan untuk membentuk analisis yang tepat. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengeluarkan unsur polemik yang terdapat dalam 36 buah cerita rakyat yang terdapat dalam teks terpilih.

Kajian cerita rakyat yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah *Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat* disediakan oleh Abdul Halim Bandan (1999). Cerita rakyat sememangnya meluas kerana setiap negeri mempunyai cerita rakyat tersendiri. Pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian ke atas cerita rakyat yang berasal dari kaum Bajau di daerah Semporna. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengeluarkan cerita rakyat kaum Bajau, Semporna untuk dianalisis dengan lebih mendalam. Pengkaji telah berjaya mengumpulkan 15 buah cerita rakyat yang wujud bagi kaum Bajau, Semporna sebagai batasan kajiannya. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu menemuduga beberapa orang yang berasal dari Kaum Bajau, Semporna untuk mendapatkan cerita rakyat bagi kaum itu. Kaedah kepustakaan juga digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tepat. Untuk menganalisis kajian ini dengan lebih mendalam, pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian dengan menggunakan teori sosiologi kerana ia sangat sesuai dengan konteks kajian yang ingin dilakukan. Akhir dari penelitian dan kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa masyarakat kaum Bajau dan kaum Melayu mempunyai banyak persamaan. Secara tidak langsung, ia dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat bahawa kaum Bajau adalah mereka yang berbangsa Melayu Jati.

Seterusnya, kajian berkaitan cerita rakyat ialah *Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah versi Malaysia dan Indonesia: Perbandingan Latar Budaya*. Kajian ini telah disediakan oleh Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, Mohd Affiq Affandy Azlizan, Muhd Norizam Jamian (2022). Cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* tidak lagi asing bagi masyarakat pada waktu kini kerana cerita rakyat ini pernah popular pada

masa dahulu. Bahkan cerita rakyat ini pernah diadaptasi dalam bentuk drama pada masa dahulu. Berdasarkan pemerhatian yang dibuat, pengkaji berfokus untuk mengeluarkan latar budaya yang terdapat dalam cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* versi Malaysia dan Indonesia. Dalam hal ini, pengkaji telah meletakkan dua objektif kajian iaitu menganalisis latar budaya dan membuat perbandingan latar budaya di antara 2 versi yang terdapat pada cerita rakyat ini. Batasan kajian ini adalah terhadap cerita rakyat yang terdapat dalam 2 versi berbeza iaitu dari Malaysia dan Indonesia. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan teks untuk mendapatkan data-data yang diperlukan untuk dianalisis menggunakan teori budaya. Data yang diperlukan adalah sesuatu yang merangkumi bahasa, agama dan kepercayaan. Hasil dari kajian ini, pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat *Bawang Putih Bawang Merah* mempunyai keunikannya tersendiri kerana ia memaparkan perbezaan dan persamaan dari segi budaya.

Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Semua orang tahu bahawa cerita rakyat adalah harta karun yang perlu dijaga. Dalam hal ini, cerita rakyat mempunyai nilai ketamadunan yang harus ada dalam setiap masyarakat Melayu apabila bercakap tentang khazanah tinggalan. Tujuan kajian ini adalah untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan cerita rakyat kerana ia boleh berfungsi sebagai platform pendidikan dan boleh menyemaikan nilai ketamadunan dalam masyarakat Melayu. Seterusnya, peneliti telah menggariskan dua matlamat penyelidikan: mencari dan menilai nilai ketamadunan dalam cerita rakyat Tumpat, Kelantan. Batasan kajian ini juga dilaksanakan kerana pengkaji ingin menumpukan perhatian mereka terhadap kajian dijalankan. Oleh itu, penyelidikan ini terhad kepada beberapa cerita rakyat seperti *Puja Berubat, Sungai Ketapang, Tujuh Bersaudara dan Semangat Laut*. Pengkaji memilih kaedah kualitatif untuk mengkaji nilai ketamadunan dalam cerita rakyat tertentu. Teori pendekatan moral pengkaedahan Melayu adalah asas kajian ini.

Ini menunjukkan bahawa cerita rakyat di Tumpat, Kelantan mempunyai nilai ketamadunan.

Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2017). Pada era yang serba canggih ini, kita mulai sedar bahawa teknologi yang semakin berkembang menguasai semuanya. Dalam arus kemodenan yang semakin berkembang, pemanfaatan cerita rakyat untuk memperkasakannya dalam bentuk multimedia juga tidak ketinggalan. Fokus utama kajian ini adalah multimedia yang dapat memartabatkan cerita rakyat masyarakat Melayu dengan lebih berkesan. Pengkaji telah menggariskan objektif utama dalam kajian ini iaitu menganalisis budaya berfikir dan akal budi masyarakat Melayu serta membincangkan penggunaan perisian teknologi multimedia. Kajian ini mempunyai batasan kajian untuk menghasilkan kajian yang berfokus terhadap apa yang ingin dikaji. Dalam hal ini, kajian ini dibataskan terhadap penggunaan kesan multimedia dalam cerita rakyat. Pengkaji telah menggunakan kaedah pengumpulan data iaitu pembacaan dari teks cerita rakyat terpilih. Hasil kajian mendapati bahawa aplikasi teknologi maklumat sangatlah berkesan dan berpotensi tinggi dalam mengekalkan khazanah yang harus kita jaga ini. Selain itu, kita juga dapat membentuk budaya berfikir positif dan akal budi yang mendatangkan impak yang baik dalam kehidupan seseorang masyarakat. Dengan ini, selain dapat memberikan kehidupan yang positif kepada masyarakat, secara tidak langsung khazanah Melayu juga dapat diangkat dan terus diperkenalkan dalam kalangan masyarakat.

Kajian berkaitan personaliti juga terkait dalam cerita rakyat dilakukan Minah Sintian (2015) iaitu *Personaliti Ibu Bapa Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun*. Bersesuaian dengan tajuk, kajian ini berfokuskan terhadap perwatakan ibu bapa yang ditonjolkan dalam *Cerita Rakyat Kadazan Dusun*. Kajian ini juga dibataskan terhadap cerita rakyat bagi kaum Kadazan Dusun iaitu enam buah cerita rakyat yang dipilih. Antara teks yang

dipilih untuk dijadikan sebagai fokus kajian ialah *Buaya Menjadi Manusia, Poinuun dan Poundapu, Rakian dan Bulontoj, Batu Besar dan Telur Ayam, Ikan Menjadi Manusia* dan akhir sekali *Sugaring Si Hati*. Pengkaji telah memilih untuk melakukan kaedah kajian kualitatif iaitu kajian ke atas teks. Seterusnya, analisis kajian ini dilakukan dengan berteraskan dua teori yang dipilih oleh pengkaji iaitu Hieraki keperluan Maslow dan Psikoanalisis Sigmund Freud untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat berdasarkan fokus kajian yang dilakukan. Akhir dari kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa imej yang terpapar bagi personaliti ibu bapa adalah bersifat neurotic iaitu keadaan kecemasan yang tinggi dari segi moral dan emosional yang disebabkan oleh kehilangan keinginan untuk melakukan sesuatu yang menyeronokkan. Oleh itu, kajian ini boleh memberi maklumat secara tidak langsung, seperti memahami mengapa tingkah laku yang dibawa oleh ibu bapa berlaku dalam *Cerita Rakyat Kadazan Dusun*.

Sementara itu, *Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2016) merupakan salah satu kajian yang berkaitan dengan cerita rakyat. Fokus utama kajian ini adalah untuk memberi pentakrifan berkaitan dengan kesan budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Melayu. Kita sedia maklum bahawa era teknologi yang semakin berkembang ini amat mencabar bagi mengangkat kedudukan cerita rakyat Melayu kerana pemikiran seseorang masyarakat yang semakin kreatif. Oleh itu, kemajuan dalam bidang multimedia haruslah diambil peluang untuk mengangkat kedudukan cerita rakyat Melayu. Objektif penyelidikan ini adalah untuk melihat kesan seni budaya berfikir masyarakat Melayu. Pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk menghasilkan hasil analisis yang tepat. Secara keseluruhan kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa impak cerminan seni budaya berfikir dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi cerita rakyat merupakan satu cabang yang membantu dalam

memperkenalkan khazanah cerita rakyat ini. Justeru itu, cerita rakyat harus diperkenalkan lagi dengan lebih berkesan dan menarik.

Selain itu, Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhammad Effendi (2018) telah melakukan kajian terhadap cerita rakyat iaitu *Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif*. Kita sedia maklum apabila bercakap tentang cerita jenaka, sudah pasti ramai berpendapat bahawa ianya merupakan sebuah cerita yang lucu dan tidak dapat dinafikan bahawa ada sesetengah masyarakat yang menganggap bahawa ia merupakan cerita yang bodoh. Oleh itu, pengkaji berinisiatif untuk menepis persepsi masyarakat bahawasanya cerita jenaka yang terkandung dalam cerita rakyat merupakan cerita yang memberikan rasa lucu ketika membacanya sahaja. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa setiap jalan penceritaan yang dipaparkan dalam cerita rakyat semestinya akan memberikan pengajaran kepada seseorang pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita jenaka yang dikeluarkan adalah bertujuan untuk menjadi medium pembelajaran kepada masyarakat. Pengkaji telah membataskan kajian terhadap lima buah cerita jenaka Melayu. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah rujukan teks dan kaedah kepustakaan untuk mengumpul data-data yang diperlukan. Kajian ini juga dihasilkan berdasarkan teori Psikologi Humanistik iaitu berdasarkan lima prinsip daripada teori tersebut. Hasil akhir kajian ini menunjukkan bahawa pengkaji memaparkan fakta bahawa cerita jenaka Melayu ini mengandungi nilai positif yang ingin disampaikan dalam bentuk karya.

Kajian penyelidikan yang seterusnya pula dilakukan oleh Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2015) yang bertajuk *Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan*. Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk menelusuri dengan lebih jauh berkaitan aspek kepimpinan yang terkandung dalam cerita lipur lara yang dipilih. Kita sedia maklum bahawa batasan kajian adalah perlu untuk meneliti dan mendalami apa yang ingin dikaji dengan lebih

baik. Dalam kajian ini, pengkaji telah membataskan kajiannya terhadap satu teks yang dipilih sahaja iaitu *Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Kajian ini juga diteruskan dengan penggunaan pendekatan pengurusan iaitu kepimpinan kerana pendekatan yang dipilih ini sangat sesuai dengan konteks kajian yang ingin dilakukan. Selain itu, kaedah kajian yang diterapkan ialah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis dokumen. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa cerita lipur lara yang dipilih sememangnya mempunyai kandungan yang memaparkan prinsip kepimpinan. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat *Hikayat Awang Sulung Merah* ini memaparkan jalan cerita iaitu pemimpin yang berjiwa rakyat, mempunyai wawasan, bijak dalam kepimpinan dan berpandangan jauh sebelum mengambil sesuatu keputusan.

Tambahan lagi, Sesilia Seli (2016) juga telah melakukan kajian terhadap cerita rakyat yang berkaitan dengan *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik*. Pada umumnya, kita sedia maklum bahawa cerita rakyat sememangnya wujud dalam setiap kaum kerana setiap kaum mempunyai kepercayaan yang berbeza. Namun, cerita rakyat bagi kaum Dayak Kanayatn dilihat masih belum mendapat tempat dalam perspektif masyarakat. Dalam erti kata lain, sebahagian masyarakat masih belum didedahkan tentang cerita rakyat bagi kaum Dayak Kanayatn. Jadi, pengkaji memilih untuk mendalami kajian berkaitan *Cerita Rakyat Dayak Kanayatn* kerana cerita rakyat bagi kaum ini masih belum dijalankan dengan giat. Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian untuk menjayakan kajian ini iaitu memperlihatkan kewujudan kearifan cerita rakyat milik kaum Dayak Kanayatn. Kajian ini dibataskan terhadap 16 buah buku cerita yang dipilih agar pengkaji lebih fokus terhadap kajian yang ingin dilakukan. Kajian ini diteruskan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kajian lapangan untuk mendapatkan data-data yang diperlukan. Selain itu, pengkaji juga telah menetapkan untuk menggunakan pendekatan Hermeneutik untuk melakukan analisis kajian ini. Hasil dari

analisis yang dilakukan, pengkaji dapat merumuskan bahawa kearifan tempatan yang dikaji adalah merangkumi pengetahuan tempatan, nilai-nilai tempat dan teknologi.

Di samping itu, kajian yang berikutnya bertajuk *Students' Perception Towards Malay Folklore Songs* oleh Normaliza Abd Rahim & Nik Ismail Harun (2016). Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat juga boleh dikaitkan dengan lagu cerita rakyat. Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan untuk mendalami tentang lagu lagu cerita rakyat. Selain itu, pengkaji juga melakukan kajian ini untuk melihat tanggapan pelajar kepada lagu-lagu rakyat. Objektif bagi penyelidikan ini adalah untuk mendasari dengan lebih jauh berkaitan tanggapan pelajar dan bagaimana pendapat berkaitan lagu cerita rakyat Melayu. Pengkaji telah menetapkan kaedah kajian ini menggunakan kaedah soal selidik terhadap 200 orang dari Universiti Putra Malaysia. Kajian ini turut dibataskan dengan 5 buah lagu. Hasil akhir kajian berdasarkan soal selidik yang telah dilakukan oleh 200 orang pelajar terpilih memperlihatkan hasil yang memberangsangkan kerana majoriti bersetuju bahawa lirik digunakan mudah difahami dan dihafal, muzik yang sesuai. Dengan ini, kajian yang dilakukan terhadap lagu rakyat ini secara tidak langsung mendatangkan impak positif kepada golongan masyarakat kerana dapat menghayati dan mendalami lagu rakyat.

Pada waktu yang sama, kajian yang dilakukan oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) bertajuk *Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19*. Pada umumnya, konflik telah didefinisikan oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) ialah merupakan situasi yang berlaku dikaitkan dengan perselisihan dan persengketaan. Sastera Nusantara merangkumi sebuah cerita yang telah lama kerana ia telah berlaku berabad lalu. Kajian ini dijalankan untuk mendalami tentang pengurusan konflik yang terkandung dalam *Cerita Rakyat Nusantara* berkaitan dengan cerita rakyat. Tidak hanya itu, pengkaji telah membataskan kajian dengan menggunakan sembilan buah cerita rakyat nusantara yang telah dipilih. Pengkaji melakukan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks

dan kepustakaan untuk mendapatkan maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian ini demi menghasilkan kajian yang relevan. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Melayu tradisi menerapkan kaedah yang tertentu untuk menangani sesuatu konflik yang terjadi dalam kehidupan mereka. Dengan ini, kita dapat lihat perbezaan cara masyarakat moden dan tradisi menangani konflik.

Kajian seterusnya dilakukan adalah berteraskan cerita rakyat negeri Kelantan iaitu hasil kajian dari pengkaji Mohd Firdaus Che Yaacob (2022). Tajuk kajian ini ialah *Nilai Murni Berdasarkan Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu Di Kelantan*. Kita sedia maklum bahawa setiap negeri mempunyai dialek yang menunjukkan perbezaan yang ada bagi setiap negeri. Dalam hal ini, pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian agar tidak terpesong dari faktor kajian ini dijalankan. Antara perkara yang telah ditetapkan oleh pengkaji ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai murni baik hati dalam cerita rakyat Melayu di Bachok berdasarkan keunikan dialek Kelantan. Pengkaji telah membataskan kajian terhadap 7 buah cerita rakyat yang dipilih. Selain itu, pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian dengan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual. Dalam hal ini pengkaji telah membataskan kaedah temu bual dilakukan di Kampung Pulau Rusa di daerah Bachok, Kelantan. Bagi menguatkan analisis kajian, pengkaji juga turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan kemasyarakatan. Apa yang pengkaji dapat merumuskan pada akhir kajian ialah terdapat nilai murni dalam sastera rakyat yang dikaji. Secara tidak langsung, kajian ini dilakukan untuk memperkenalkan dialek kelantan yang unik kepada masyarakat lain.

Sementara itu, kajian cerita rakyat Sabah juga turut dikaji oleh pengkaji bernama Mohd Nazri Abdul Rahman et al. (2017). Kajian cerita rakyat sabah yang dilakukan bertajuk *Cerita Rakyat Orang rakyat Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan*. Cerita rakyat seringkali dikaitkan dengan medium yang membantu dalam segi pembelajaran moral kanak-kanak. Namun, pengkaji berniat untuk

mengetahui sejauh manakah *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah* membantu dalam menyumbangkan medium pembelajaran asas literasi. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji bertujuan untuk mengenal pasti apakah kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pembelajaran asas literasi yang diberi fokus kepada kanak-kanak melalui *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah*. Batasan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji ialah beberapa buah cerita rakyat sabah yang sesuai untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran. Dalam hal ini, pengkaji telah memilih untuk melakukan kajian dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah soal selidik dan penggunaan pendekatan Delphi Fuzzy untuk mendapatkan pandangan dari masyarakat lain tentang kajian ini. Pengkaji telah mendapatkan hasil yang diperlukan melalui borang selidik yang telah diedarkan kepada beberapa masyarakat. Hasil kajian menunjukkan bahawa sastera rakyat Sabah menggunakan adat resam, pantang larang, nilai tradisi masyarakat dan bahasa ibunda sebagai medium pembelajaran.

Kajian cerita rakyat seterusnya adalah berkaitan mitos dalam cerita rakyat. Kajian ini bertajuk *Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastera Melayu Tradisional* yang dihasilkan oleh Norazimah Zakaria et al. (2019). Fokus utama kajian ini ialah unsur mitos yang terdapat dalam teks teks sastera Melayu tradisional. Objektif bagi kajian ini ialah mengenal pasti fungsi mitos yang terdapat dalam sastera Melayu tradisional. Pengkaji telah meletakkan batasan kajian iaitu kajian ini terbatas terhadap *teks Hikayat Merong Mahawangsa*. Kajian ini umumnya adalah berkaitan dengan mengenalpasti dan menganalisis unsur mitos. Pengkaji melakukan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan teknik menganalisis teks yang terpilih dan menggunakan kaedah kepustakaan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Dengan ini, pengkaji dapat melakukan analisis kajian dengan baik. Tambahan lagi, analisis kajian juga dikuatkan lagi dengan teori yang dipilih iaitu teori Sosiologi. Seperti kita sedia maklum bahawa mitos dikaji adalah berkaitan dengan konteks kemasyarakatan, jadi teori ini dilihat sangatlah sesuai. Akhir dari kajian ini,

pengkaji dapat mengeluarkan bahawa unsur mitos boleh dijadikan sebagai panduan kepada pemikiran masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian disediakan oleh Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin (2021) bertajuk *Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater*. Kita sedia maklum bahawa cerita rakyat ini seringkali dipersembahkan dalam bentuk penulisan dan ada juga dipersembahkan dalam bentuk lagu. Jadi pengkaji berinisiatif untuk mempersembahkan cerita rakyat dalam bentuk visual iaitu persembahan pentas khusus bagi masyarakat Melayu yang tinggal di Sabah. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti cerita rakyat Melayu Sarawak yang berpotensi sebagai satu karya. Kajian ini dibataskan terhadap cerita rakyat yang ada di kawasan tersebut. Kajian ini dihasilkan berdasarkan dua buah cerita rakyat yang terpilih. Pengkaji memilih metode kualitatif iaitu menggunakan kaedah kepustakaan untuk mencari maklumat yang berkaitan. Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temubual dari beberapa informan yang boleh memberikan maklumat tentang cerita rakyat yang diperlukan untuk melakukan analisis kajian. Kajian ini pada dasarnya dapat menilai sama ada cerita rakyat yang dipilih sesuai ataupun tidak untuk dipersembahkan dalam bentuk persembahan teater.

Lain daripada itu, kajian yang dijalankan pada tahun 2019 oleh Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud melihat *Kisah Sang Kancil dan Memerang Sebagai Penerapan Nilai Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak*. Tidak dapat dinafikan bahawa cerita binatang adalah cara yang paling biasa untuk kanak-kanak menikmati hiburan. Pada kebiasaannya kanak-kanak mendapat manfaat daripada cerita binatang. Mengenal pasti bagaimana cerita binatang berfungsi untuk mengajar nilai kepimpinan dan membincangkan bagaimana nilai kepimpinan boleh diterapkan kepada kanak-kanak adalah objektif utama kajian ini. Kajian ini hanya melihat aspek kepimpinan dalam teks *Sang Kancil dan Memerang*. Untuk mendapatkan data untuk

kajian ini, pengkaji melakukan temu bual dengan pelbagai informan. Kajian mendapati bahawa watak kancil menunjukkan sifat kepimpinan. Oleh itu, adalah jelas bahawa ia bukan sahaja boleh menyediakan hiburan kepada kanak-kanak, tetapi ia juga boleh berfungsi sebagai platform untuk membantu kanak-kanak membentuk identiti yang lebih baik.

Begitu juga dengan kajian cerita rakyat iaitu *Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat*. Kajian ini dihasilkan oleh Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa (2021). Kita sedia maklum bahawa teks cerita rakyat yang dipilih adalah bertujuan untuk mendalami berkaitan variasi makanan dan peranan jenis makanan yang ada bagi masyarakat Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti makanan dan fungsi terhadap interaksi masyarakat Melayu. Kajian ini pada umumnya berfokus terhadap cerita rakyat yang dipilih iaitu *Musang Berjanggut*. Kajian ini dilakukan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis teks cerita rakyat yang dipilih. Pengkaji mendapati bahawa terdapat dua puluh sembilan jenis makanan yang terdapat dalam cerita *Musang Berjanggut*. Dengan ini, ianya telah mempengaruhi kayu ukur kelas sosial. Dengan ini, kita dapat lihat bahawa makanan yang ditonjolkan dalam teks cerita rakyat yang dipilih adalah mempunyai pelbagai variasi.

Seterusnya, cerita rakyat yang dikaji oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) bertajuk *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat Di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral*. Kita sedia maklum bahawa selain menjadi hiburan, cerita rakyat juga berfungsi untuk mendidik seseorang untuk menjadi lebih baik. Kajian ini pada umumnya berfokus terhadap menganalisis nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam teks cerita rakyat yang terpilih sama ada ia dapat menyumbang ke arah pembentukan jati diri kanak-kanak. Dapat kita lihat bahawa pada era yang serba moden dengan teknologi, cerita rakyat semakin ketinggalan dan tidak diketengahkan. Nilai-nilai

kemanusiaan dalam cerita rakyat adalah objektif penyelidikan ini. Untuk mengumpulkan cerita rakyat yang sedia ada, penyelidik hanya melihat kawasan Tumpat. Untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi untuk menjalankan analisis kajian, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif seperti kepustakaan dan temu bual. Selain itu, kajian ini menggunakan teori yang sesuai iaitu Teori Pengkaedahan Melayu kerana ia tertumpu kepada penggunaan pendekatan moral. Akhir sekali, pengkaji akan dapat melihat nilai kemanusiaan seperti tanggungjawab, ikhlas dan belas kasihan yang terdapat dalam cerita rakyat. Selain itu, ia mempunyai keupayaan untuk membentuk identiti khalayak ke arah yang lebih baik.

Selain itu, kajian berkaitan *Hikayat Terung Pipit: Satu Kajian Umum Dari Sudut Sejarah Dan Budaya Serta Perkaitannya Antara Negeri Kedah Dan Perlis* disediakan oleh Mohd Kasturi Nor Abd Aziz & Juliana Ahmad (2015). Kita sedia maklum perkembangan teknologi yang semakin maju bagaikan memberi nyawa yang baharu untuk komunikasi dan media tradisional seperti cerita rakyat, syair, mantera, legenda, dan mitos masih memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti kesenian dan kebudayaan di satu-satu tempat. Bahkan, pada masa kini, masyarakat mula sedar bahawa komunikasi tradisional ini sebagai sebahagian lambang dan warisan Melayu yang terkenal dengan cara penyampaian yang halus dan penuh budi bahasa. Kajian ini berfokus terhadap *Hikayat Terung Pipit* iaitu salah satu cerita rakyat terkenal masyarakat tempatan dan sebagai alat komunikasi tradisional dan mempunyai kaitan dengan Negeri-Negeri Melayu Utara khususnya Kedah dan Perlis. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu rujukan ke atas teks *Hikayat Terung Pipit* dan kaedah kepustakaan. Pada hasil akhir kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapat nilai estetika yang dipaparkan dalam *Hikayat Terung Pipit* dan mengandungi maklumat penting melalui penerapan elemen sastera, budaya dan sejarah tentang negeri Kedah dan Perlis.

Kajian seterusnya bertajuk *Worldview Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu* disediakan oleh Roslina Abu Bakar dan Arbaie Sujud (2013). Kajian ini dilakukan terhadap cerita-cerita rakyat Melayu yang diperolehi menerusi penglipur lara negeri Johor iaitu Penglipur lara Ali Badron bin Haji Sabor. Kajian ini memfokuskan tentang world-view dan sistem politik masyarakat Melayu. Kajian ini dilakukan untuk melihat dengan lebih mendalam tentang tradisi nilai dan budaya bagi sesebuah masyarakat melalui tingkah laku masyarakat yang digambarkan menerusi watak dan perwatakan dalam cerita rakyat Melayu. Batasan kajian adalah terhad kepada beberapa cerita rakyat Melayu terpilih seperti *Sultan Mansur, Si Apung dengan Rambut Emas, Batu Belah Batu Bertangkup, Enam Ekor Angsa* dan *Cerita Terpanjang*. Kajian ini dihasilkan dengan penggunaan kaedah kaedah rujukan teks dan kepustakaan. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji dapat mengeluarkan berkaitan world-view dan sistem politik masyarakat Melayu yang menjurus kepada penjelasan mengenai stratifikasi tertinggi iaitu raja dan diikuti oleh golongan bawahan.

Siti Fatimah Binti Mohd Sam (2015) menghasilkan kajian yang bertajuk *Penglipur Lara Sebagai Sumber Ilmu Pendidikan*. Kita sedia maklum bahawa cerita lipur lara merupakan sebuah cerita yang disampaikan seorang tukang cerita yang menggunakan paluan gendang dan muzik tradisional sepanjang bercerita. Bukan itu sahaja, cerita lipur lara juga turut dikenali sebagai sumber yang memberikan pendidikan. Namun, kemodenan era teknologi yang semakin berkembang memberi impak kepada masyarakat tentang cerita lipur lara. Fokus utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti teknik penceritaan, teknik persembahan yang disampaikan oleh Penglipur lara di Johor. Kajian ini dibataskan terhadap cerita lipur lara yang berada di Johor Darul Takzim iaitu *Kisah Si Luncak dan Pak Kaduk*, cerita jenaka pula ialah *Hikayat Hang Tuah, Hikayat Awang Sulung Merah Muda*. Seterusnya cerita lipur lara iaitu *Bawang Putih Bawang Merah* dan *Hikayat Malim Deman* dan akhir sekali cerita binatang iaitu

Katak Membunuh Gergasi dan Cerita Janji Buaya. Kajian ini dilaksanakan dengan pemilihan kaedah kualitatif pengumpulan data dan kaedah soal selidik terhadap beberapa responden terpilih. Hasil pemerhatian mendapati bahawa Yayasan Warisan Johor perlu mengatur strategi dan teknik promosi melalui pengiklanan di media cetak dan elektronik agar meningkatkan kesedaran masyarakat dan secara tidak langsung dapat memelihara kesusasteraan prosa rakyat tradisional Melayu.

Di samping itu, *Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah* yang dihasilkan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2021). Kita sedia maklum bahawa cerita lisan merupakan satu khazanah yang meninggalkan impak positif dalam diri khalayak. Hal ini kerana pelbagai nilai yang dipaparkan dalam cerita lisan antaranya ialah nilai kemanusiaan. Dalam hal ini, pengkaji memfokuskan untuk mengeluarkan nilai terdapat dalam teks cerita lisan kerana ia merupakan gambaran masyarakat terdahulu mengenai sikap dan tingkah laku. Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian untuk iaitu mencari nilai kemanusiaan yang dipaparkan dalam cerita lisan. Kajian ini dihadkan kepada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia iaitu Perahu Bunga Emas, Tukang Besi dan Tukang Kayu, Wak Sino Tukang Gasing, Bawang Putih Bawang Merah, Ular dan Gurunya Buluh, Bukit dan Pokok, Angsa Berbulu Emas, Bertukar Menjadi Batu, Mengapa Pinggang Kerengga Ramping dan Raja Kuyuk*. Dalam penghasilan kajian ini, pengkaji memilih kaedah kaedah kepustakaan dan rujukan teks bagi memastikan data yang diperolehi tepat dan sistematik. Dalam usaha penghasilan analisis yang tepat, pengkaji menggunakan teori Takmilah. Seterusnya, pengkaji mendapati bahawa pelbagai nilai kemanusiaan yang terpapar dalam teks cerita lisan yang dipilih iaitu nilai baik hati, nilai rendah diri, nilai murah hati, nilai sedia memaafkan, nilai persahabatan, nilai taat, nilai bersyukur dan nilai percaya kepada Tuhan. Secara keseluruhannya, kajian ini dapat memberi kesedaran bahawa

pentingnya cerita lisan kepada masyarakat kerana selain dapat memberikan hiburan, ia juga dapat dijadikan sebagai sumber menimba ilmu.

Sementelahan, kajian cerita rakyat berjudul *Repertoire Cerita Menora: Dokumentasi berasaskan Cerita Lisan Masyarakat Siam di Bukit Yong, Kelantan*. Kajian ini dihasilkan oleh Mohamad Nazri Ahmad, Hanapi Dollah, Baharin Ilias dan Mohamad Anwar Omar Din (2010). Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mendokumentasikan cerita-cerita induk menora, sejenis seni persembahan yang tumbuh dalam masyarakat Siam di Segenting Kra yang masih belum dijalankan sebelum ini. Kajian ini berpaksikan untuk mengenal pasti cerita Lisan masyarakat Siam di Bukit Yong, Kelantan. Sumber kajian ini pada umumnya diperolehi oleh salah seorang penduduk yang tinggal di Kampung Bukit Yong, Pasir Puteh, Kelantan iaitu Eler a/l Cha Perat atau lebih dikenali sebagai Pak Mat Tok Nora. Beliau berumur 74 juga merupakan orang tertua dalam masyarakat Siam di Kampung Bukit Yong tetapi juga penggiat utama persembahan menora di Kelantan. Kajian ini dilakukan dengan kaedah kualitatif iaitu kaedah temubual terhadap penduduk yang berpotensi dan kaedah analisis data. Pengkaji telah mendapat pelbagai cerita rakyat dari masyarakat Siam di Bukit Yong, Kelantan iaitu *Cerita Raja Phrak Sukthon*, *Cerita Sim Mam Meang*, *Cerita Anak Raja Cahaya Bulan (Chan Thak Wong)*, *Khraie Thong*, *Cerita Empat Saudara (See Sak Hain)*, *Cerita Puteri Dua Belas*, *Raja Sakti (Phrak Rod Yad Sid)*, *Cerita King Keladi Yu (Ejhok)*, *Cerita Gondang Emas (Shang Thong)*, *Cerita Raja Sen Sina (Phrak Sen Sina)*, *Cerita Puteri Timun Muda (Nang Ten On)* dan *Cerita Tuan Puding Mas*. Apa yang pengkaji dapat rumuskan dalam kajian ini ialah Repertoire cerita menora mempunyai kemiripan dengan century penglipur lara yang merupakan warisan orang Melayu dari segi jalan cerita, watak, perwatakan dan tema.

Kajian cerita lisan seterusnya ialah *Sejarah Matang Dalam Cerita Lisan (1910-1987)* yang dihasilkan oleh Mustafa Husain (1990). Kita sedia maklum bahawa masih terdapat pelbagai sejarah ataupun peristiwa yang pernah terjadi pada waktu dahulu

yang belum diperkenalkan. Dalam hal ini, pengkaji ingin mengeluarkan sebuah fakta sejarah Matang, Perak yang menjadi sebagai tempat tumpah darahnya melalui kajian yang ingin dijalankan. Dalam hal ini, pengkaji ingin mengeluarkan tentang peristiwa yang benar-benar terjadi iaitu Kota Menteri Ngah Ibrahim. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji melalui kaedah pemerhatian iaitu kaedah lapangan dan rujukan teks untuk mengetahui tentang peristiwa sejarah yang pernah terjadi di sesuatu tempat tersebut. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa pelbagai tempat bersejarah yang berlaku di Matang, Perak adalah mempunyai keunikannya yang tersendiri.

Pada waktu yang sama, cerita lisan juga turut dikaji oleh pengkaji Syed Abdullah Syed Sulaiman (2011) iaitu bertajuk *Tradisi Lisan: Satu Penilaian Semula*. Seperti kita sedia maklum bahawa cerita lisan juga turut dijadikan sebagai amanat yang disampaikan dari generasi berikutnya. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita lisan ini merupakan ia merupakan khazanah yang diwariskan dalam bentuk lisan dan bukan tulisan. Kajian ini dibuat ke atas cerita legenda, cerita jenaka dan sebagainya untuk melakukan kajian semula terhadap tradisi lisan. Dalam hal ini, kedudukan Kesusasteraan sebagai satu subjek sangat terpinggir dalam kurikulum sama ada di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah. Kajian ini dihasilkan untuk mengenal pasti cerita lisan yang diwariskan secara lisan. Kajian ini terbatas terhadap sastera yang disampaikan melalui lisan dan bukan perkataan. Dapat kita lihat bahawa cerita lisan ini banyak mendatangkan dampak positif dari segi pembelajaran dan pengajaran kepada golongan masyarakat. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengeluarkan bahawa tradisi lisan merupakan satu khazanah warisan budaya bangsa yang tidak ternilai harganya kerana walaupun warisan itu dilihat dari segi pembacaan, namun sumbangannya membina dan membentuk budi fikir dan budi rasa kolektif bukan sedikit.

Selanjutnya, Anwar Ridhwan (2013) menghasilkan kajian berjudul *Genius Naratif dan Genius Pemikiran Dalam Karya Sastera Melayu Lisan*. Sastera lisan disampaikan melalui percakapan penglipur lara, adalah bentuk seni yang tertua. Walau bagaimanapun, cerita lisan ini kemudiannya dicetak dalam usaha merakaman sastera lisan untuk kepentingan masyarakat hari ini. Fokus kajian ini adalah penglipur lara iaitu Pawang Ana yang menghasilkan dua karyanya iaitu *Hikayat Malim Dewa dan Hikayat Anggun Che Tunggal*. Pemerhatian adalah asas kajian ini. Dalam kes ini, kedua-dua hikayat ini tidak seperti tradisi hikayat Melayu lama. Ini dikatakan kerana penggunaan watak jin atau gergasi lebih kerap daripada watak Putera raja. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat menentukan asal-usul pemikiran yang digabungkan dalam kedua-dua cerita ini. Hal ini disebabkan oleh kebijaksanaan dan kepekaan Pawang Ana yang menjadikan hikayat-hikayatnya sebagai gambaran penderitaan penjajahan dan telah memulakan penolakan tradisi hikayat Melayu lama yang tidak berkaitan dengan keadaan zaman baru di mana masyarakat Melayu berhadapan dan berkonflik dengan bangsa asing.

Di samping itu, *Unsur Spritual Dalam Cerita Lisan Melayu* merupakan kajian dari Siti Aishah Jusoh, Mohd Fordaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021). Kita sedia maklum bahawa cerita lisan Melayu mengandungi kepelbagaian jenis genre. Jadi, kajian ini dijalankan adalah berfokus untuk mengeluarkan unsur spiritual yang terdapat dalam teks cerita lisan yang dipilih. Kajian ini dihasilkan kerana pengkaji mendapati bahawa kajian tentang unsur spiritual masih lagi kurang didalami oleh pengkaji sebelum ini. Objektif yang menjadi asas kajian ini dijalankan ialah mengenalpasti dan menganalisis ritual sumpahan yang ada dalam cerita-cerita lisan Melayu. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji telah membataskan kajiannya terhadap 12 cerita lisan Melayu berunsurkan ritual sumpahan yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* iaitu *Pokok Berdarah, Sang Gedembai, Kisah Jambul Belatuk, Puteri Tupai, Ketam Sumpahan, Gunung Bubu, Bayan Dan Puteri Kayangan, Puteri*

Durian Tunggal, Sungai Sembilang, Seruling Buluh Perindu, Batu Penyu dan Sembilang Kuala Sawah. Kajian ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan rujukan teks bersama dengan Teori Budaya untuk memperoleh hasil kajian yang sistematik. Hasil akhir kajian ini, pengkaji mendapati bahawa kisah yang mengandungi unsur spiritual ini mampu dijadikan sebagai medium pendidikan di samping mendapatkan pemikiran yang kreatif dalam kalangan pembaca.

2.3 Pengkajian Cerita Legenda

Menelusuri kajian yang telah dilakukan oleh Asniza Zakaria (2019) iaitu Legenda Negeri Kedah dan Motif Darah Putih: *Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan.* Kajian ini adalah berfokuskan ke arah legenda yang pernah berlaku pada waktu dahulu yang menjadi bualan sehingga ke hari ini. Buktinya legenda ini telah menjadi sebuah penceritaan yang diketahui oleh hampir seluruh masyarakat pada hari ini. Kajian ini dilakukan adalah disebabkan pengkaji ingin membincangkan mengapa dan punca darah putih dalam kedua-dua cerita legenda tersebut. Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah membataskan kajian terhadap dua cerita legenda terpilih. Selain itu, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis dokumen yang berkaitan dan kaedah kepustakaan untuk melakukan kajian terhadap cerita legenda ini. Pada akhir kajian ini dilakukan, pengkaji berjaya untuk mengeluarkan fakta punca motif darah putih berlaku iaitu suatu perlambangan sempurna dan suci yang dimiliki oleh watak puteri dalam cerita legenda tersebut.

Kajian berkaitan legenda yang seterusnya dihasilkan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) yang bertajuk *Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Kajian Nilai Murni.* Pada umumnya, cerita legenda ini berfokuskan untuk mencari nilai yang ada dalam cerita rakyat legenda. Objektif bagi kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita legenda di *Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan.* Seterusnya, kajian ini juga dibataskan terhadap 11 buah cerita legenda

terpilih dengan menggunakan konsep rohani. Seterusnya, kajian ini dihasilkan dengan kaedah kepustakaan dan kajian lapangan dengan merakam video dan audio sepanjang melakukan kutipan data maklumat yang diperlukan agar tidak ketinggalan. Pengkaji juga turut menggunakan pendekatan Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk menghasilkan kajian ini. Dengan ini, pengkaji berjaya untuk mengeluarkan nilai-nilai murni yang terdapat dalam teks cerita rakyat legenda yang terpilih. Secara keseluruhannya, nilai positif yang dikeluarkan dalam teks legenda dapat memupuk masyarakat untuk mempraktikkannya dalam kehidupan.

Sementara itu, kajian tentang legenda juga dihasilkan oleh Fatimah Hassan dan Hamid Mohd. Isa (2014) yang bertajuk *Mitos Dan Legenda Sebagai Produk Pelancongan Di Malaysia: Kajian kes Lembah Lenggong*. Kita sedia maklum bahawa setiap tempat mempunyai legenda dan mitos yang tersendiri sehingga menjadi sejarah sesebuah cerita. Kajian ini berfokuskan kesesuaian dalam menghidupkan kembali unsur mitos dan kisah legenda setempat yang terjadi untuk dijadikan sebagai produk pelancongan budaya yang membabitkan Lembah Lenggong sebagai kes kajian. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji unsur mitos dan unsur legenda berdasarkan *Kisah Roh Nenek Moyang, Keajaiban Pokok Kepayang, Makhluk Halus Chinoi dan Peperangan antara Raja Mawas dan Raja Siamang*. Kajian ini dibataskan oleh *kisah Gua Puteri, Batu Puteri @ Batu Gajah dan asal usul nama Lenggong*. Selain itu, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan temubual untuk mengumpulkan data-data yang diperlukan. Pengkaji mendapati bahawa unsur mitos dan legenda ini yang terdapat di Lembah Lenggong sangat menarik sehingga mampu menjadi tarikan bagi pengunjung dari luar negara yang secara tidak langsung dapat menaikkan taraf ekonomi negara.

Seterusnya, kajian bertajuk *Manifestasi Legenda Kepahlawanan Monsopiad Sebagai Identiti Etnik Kadazandusun: Citra Pribumi Penampang, Sabah* disediakan oleh Noviatin Syarifuddin (2016). Kajian ini adalah berfokus terhadap legenda

kepahlawanan iaitu Monsopiad yang telah meninggalkan kesan terhadap pembentukan identiti etnik Kadazandusun di Sabah. Objektif kajian ini adalah untuk memahami serta meneroka kefahaman informan terhadap *Legenda Kepahlawanan Monsopiad* sebagai elemen identiti etnik Kadazandusun dan mengenalpasti fungsi legenda dalam memperkasa etnik masa kini. Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis dan deskriptif. Kajian ini telah menerapkan kaedah pensampelan iaitu dilakukan terhadap 8 orang informan yang berpotensi untuk memberikan maklumat yang berkaitan demi mendapatkan data-data tentang *Legenda Kepahlawanan Monsopiad*. Hasil akhir kajian mendapati bahawa *Legenda Kepahlawanan Monsopiad* telah menjadi sebagai sebuah identiti bagi kaum Kadazandusun.

Kajian berkaitan legenda seterusnya ialah *Analisis sosiologikal terhadap makna Legenda Monsopiad: Perspektif etnik Kadazandusun* dihasilkan oleh Noviatin Syarifuddin dan Mimi Hanida Abdul Mutalib (2017). Kita sedia maklum pembentukan identiti etnik secara sosiologikal melalui legenda kepahlawanan Monsopiad yang mencorakkan identiti 'head-hunting' masyarakat Kadazandusun. Namun, amalan pemburuan kepala yang sudah sebatik bagi masyarakat Kadazandusun ini disifatkan bercanggah dengan sifat ketamadunan manusia. Kajian ini berobjektifkan untuk menganalisis makna legenda Monsopiad daripada persepektif etnik Kadazandusun. Kajian ini dibataskan terhadap daerah Penampang. Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah teknik pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian dan temubual secara mendalam telah dijalankan ke atas lapan orang informan yang terpilih untuk memperolehi pengetahuan tentang legenda Monsopiad daripada realiti sosial etnik Kadazandusun. Analisis kajian ini dikuatkan dengan penggunaan fenomenologi untuk mendapatkan hasil yang tepat. Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa Monsopiad merupakan simbol kegagahan dan keberanian bagi etnik tersebut.

Kajian tentang legenda seterusnya disediakan oleh Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris dan Mohamad Kazar Razali (2017) bertajuk

Legenda dan Mitos Tasik Chini Menjadi Produk Pelancongan. Kita sedia maklum bahawa mitos dan legenda yang wujud di sesuatu tempat merupakan salah satu tarikan yang dapat meningkatkan pelancong ke negara kita. Hal ini dikatakan demikian kerana tahap pengetahuan komuniti setempat mengenai mitos dan legenda Tasik Chini adalah tinggi menjadikan pengunjung teruja untuk melancong ke tempat tersebut. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti unsur mitos dan legenda dalam perihal pelancongan. Kajian ini dibataskan oleh tiga buah kampung iaitu Felda, Kampung Baru Salong dan perkampungan Orang Asli Kampung Gumum. Dalam hal ini, pengkaji telah menggunakan teknik pengumpulan data dengan bergerak ke tempat yang telah dipilih iaitu Tasik Chini. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa unsur mitos dan legenda haruslah digiatkan kerana pelbagai manfaat yang dapat diperolehi iaitu pengetahuan kepada pengunjung serta kemajuan ekonomi kepada negara.

Seterusnya, *Legenda Bali dan Implementasinya dalam Budaya Kehidupan dan Industri Pelancongan* yang dihasilkan oleh Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2017) merupakan antara kajian legenda yang sudah dihasilkan oleh para pengkaji terdahulu. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana ingin mendalami kejadian yang berlaku dalam cerita legenda yang terdapat di Bali. Objektif yang digariskan dalam kajian ini adalah meneliti keupayaan legenda Bali dalam implementasi budaya. Kajian ini dilakukan kerana pengkaji melihat bahawa sastera lisan Bali masih belum mendapat perhatian dan sukar ditemui. Kajian ini dibataskan terhadap cerita legenda yang terdapat di Bali iaitu *Cerita Tanah Lot*, *Cerita Tirta Empul*, *Cerita Naga Basuki* dan *Cerita Rambut Siwi*. Pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan dan rujukan teks untuk mengenalpasti cerita lisan yang berkaitan dengan legenda di Bali. Hasil akhir kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan bahawa cerita legenda dapat dijadikan sebagai penarik pelancong untuk datang melihat dengan lebih dekat tentang legenda yang pernah terjadi di sesuatu tempat.

Lain daripada itu, kajian *Mitos Dan Legenda: Disebalik Percanggahan Fakta Dalam Sejarah Asia Tenggara* merupakan sebuah kajian yang disediakan oleh Dunita Nabila A. Rahim (2019). Kita sedia maklum bahawa mitos dan legenda dianggap merupakan sebuah cerita lama yang dianggap kuno di dalam sesebuah masyarakat. Hal ini adalah disebabkan oleh percanggahan fakta dan dianggap cerita rekaan yang menakutkan masyarakat pada zaman dahulu. Jadi dengan ini, kajian ini dapat mengeluarkan faktor yang menyebabkan percanggahan fakta. Fokus utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti mitos dan legenda sejarah Asia Tenggara. Batasan kajian adalah termaktub terhadap pelbagai karya yang berunsur sejarah Asia Tenggara. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis karya-karya sejarah Asia Tenggara. Dapatan kajian mendapati mitos dan legenda penting dan dipelihara oleh masyarakat. Secara keseluruhannya, kajian dapat memberikan gambaran identiti kepada sesebuah negara.

Legenda yang dikaji seterusnya ialah berkaitan dengan *Mak Long Teh Guest House, Cherating: Di Sebalik Legenda Pengasasan Program Rumah-inapan di Malaysia* yang disediakan oleh Mohamed Anwar Omar Din dan Norazlinda Mohamed Rosdi (2009). Kajian ini pada umumnya berfokus terhadap perkembangan Mak Long Teh Guest House di Cherating. Kajian ini dihasilkan kerana kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji terdahulu. Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan dengan penglibatan masyarakat tempatan seperti Mak Long Teh dalam industri pelancongan. Dalam penghasilan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data, kaedah lapangan dan analisis data. Kajian ini mendapati bahawa pembukaan dan pengembangan Mak Long Teh Guest-House adalah didorong oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran ialah wujudnya permintaan daripada Peace Corps warganegara Amerika Syarikat semasa Perang Indonesia-China. Selain itu, faktor dalaman pula merangkumi keperibadian pada diri Mak Long Teh itu sendiri kerana berjaya dalam sektor industri layan tamu adalah kesabaran serta ramah dan

mudah menolong sesiapa saja tanpa mengira sama ada orang asing ataupun orang tempatan. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa keusahawanan besar yang ada di tempat tersebut yang meruntuhkan keusahawanan kecil tempatan sebagaimana dialami oleh Mak Long Teh.

Di samping itu, kajian berkisahkan legenda juga turut dijalankan oleh pengkaji sebelumnya iaitu Rosfazila Abd Rahman dan Abdul Razif Zaini (2016). Kajian legenda yang dijalankan bertajuk *Pembangunan Dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomologi Lagenda Mahsuri, Langkawi, Malaysia*. Dapat kita lihat bahawa kajian ini dijalankan berfokus terhadap kajian etnomologi berkisahkan kehidupan Sosial yang berpandukan legenda dari Langkawi iaitu *Mahsuri*. Pengkaji memutuskan untuk mendalami kajian ini kerana ingin mengeluarkan hakikat berkaitan sosial yang selama ini dianggap sebuah rekaan selama ini. Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan iaitu memberikan penjelasan kaedah etnomologi, menghuraikan konsep diaspora citra, latar legenda dan aspek pembangunan dan cabaran. Pengkaji membataskan kajian ini terhadap legenda *Mahsuri* yang terdapat di Langkawi. Selain itu, pengkaji memilih untuk menghasilkan kajian ini dengan menggunakan pendekatan etnologi. Dapatan akhir dari kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan pesanan serta pelbagai dugaan dalam menghidupkan diaspora citra yang terdapat pada legenda *Mahsuri*.

Kajian seterusnya bertajuk *Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah*. Kajian ini dijalankan oleh Normadiyah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim dan Supyan Hussin (2017). Fokus utama kajian ini adalah untuk mendalami legenda bagi kaedah pengubatan tradisional bagi etnik Murut Tahol di Sabah. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji ingin mendalami legenda memorat perubatan yang masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji lepas. Objektif bagi kajian ini ialah mengenal pasti unsur kepercayaan perubatan tradisional dan unsur tempatan dalam cerita rakyat etnik Murut. Kajian ini

adalah terhadap terhadap kehidupan rakyat etnik Murut. Buktinya, pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual dari 26 rakyat etnik Murut terpilih untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang perkara yang ingin dikaji. Hasil kajian mendapati, kebanyakan enik Murut percaya terhadap kaedah perubatan yang telah diperturunkan secara warisan kepada mereka,

Seterusnya, *Kajian Ikon, Indeks dan Simbol dalam Cerita Legenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik* dilaksanakan oleh Zul Pahmi Sahidin dan Norazimah Zakaria (2020). Kajian ini adalah berkisahkan kajian terhadap legenda yang terdapat di Lombok iaitu kepercayaan yang mewujudkan wanita sebagai sumber kehidupan. Kajian ini pada dasarnya dijalankan untuk mengukuhkan informasi berkaitan legenda Lombok. Dalam hal ini, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti ikon, indeks dan simbol bagi *Legenda Lombok*. Kajian ini telah dibataskan terhadap 3 buah cerita legenda terpilih. Pengkaji menerapkan kaedah kepustakaan dan teori semiotik untuk membahaskan kajian ini dalam bentuk analisis demi mendapatkan hasil yang tepat. Hasil akhir kajian ini mendapati kepercayaan masyarakat Lombok dapat dikeluarkan menjadi asas kepada kehidupan mereka.

Norashikin Hamzah dan Shaiful Bahri Md Radzi (2021) juga menjalankan kajian berkaitan legenda. Kajian tersebut bertajuk *Penampilan Mona Fandey Sebagai Legenda Urban, Menggamit Kontroversi di Dunia Siber*. Kajian ini adalah berfokuskan figura yang pernah mencetuskan kontroversi iaitu Mona Fandy sehingga dia digelar sebagai *Legenda Urban* di Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana Mona Fandy mempunyai keterampilan yang unik saat berhadapan dengan hukuman pada masa itu. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk melihat sejauh manakah perkaitan antara dunia siber, folklore urban dan legenda urban dalam kehidupan manusia pada masa kini. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis dunia siber dalam kehidupan masyarakat tentang kisah legenda. Selain itu, kajian yang dijalankan ini adalah terbatas terhadap figura *Legenda Urban* yang pernah mencetuskan nama

dalam dunia iaitu Mona Fandy. Hasil kajian mendapati bahawa dunia siber yang semakin berkembang ini mampu membuka kembali kisah yang berlaku walaupun ia terjadi dalam tempoh lampau. Dunia siber yang semakin canggih ini pada dasarnya dapat memberikan ruang kepada setiap individu untuk menyampaikan pandangannya terhadap isu yang dikemukakan.

Pada masa yang sama, Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, Hasmadi Hasan and Imaduddin Abidin (2021) juga ada menjalankan kajian legenda tentang asal usul. Tajuk kajian yang dijalankan ialah *Langit, Gunung, Sungai, Dan Cinta Pun Bersemi Di Kaki Benom*. Kajian ini dijalankan untuk mengetahui asal-usul suku kaum Che Wong yang sangat unik dan boleh dikaitkan dengan pelbagai entiti. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji telah mengeluarkan 3 objektif iaitu mengenal pasti, menganalisis dan menentukan asal-usul Che Wong berdasarkan sumber yang ada. Pengkaji menjalankan kajian ini kerana mendapati bahawa bahasa Che Wong yang digunakan oleh suku kaum orang asli dilihat semakin membimbangkan. Jadi, kajian ini dijalankan terhadap kepada suku kaum Orang Asli yang tinggal di Kuala Gandah, Pahang. Pengkaji juga menggunakan kaedah kualitatif iaitu teknik wawancara, analisis dokumen dan perbandingan teks. Hasil akhir kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan 4 versi naratif iaitu 3 naratif tulisan dan 1 naratif lisan iaitu legenda berkaitan asal-usul Orang Asli Che Wong mempunyai kaitan dengan dewa-dewa atau Tuhan, raja atau ketua masyarakat, dua orang adik beradik atau dua orang individu, lokasi penempatan dan jantina lelaki.

Seterusnya, cerita legenda yang seterusnya dikaji oleh Siti Hajar Sabri dan Muhd Norizam Jamlan (2022). Tajuk kajian yang telah dihasilkan ialah *Cerita Legenda dalam Kalangan Masyarakat Cina Peranakan Kelantan*. Pengkaji memilih untuk mendalami kajian ini adalah kerana ingin mendalami dengan lebih lanjut berkaitan legenda Cina peranakan Kelantan yang ada pada masa kini. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji telah meletakkan 2 objektif iaitu mengenalpasti dan menganalisis

perkembangan cerita legenda masyarakat Cina Peranakan yang ada di Kelantan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kepustakaan dan kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat yang sahih. Pada hasil akhir kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan peranan cerita legenda yang memberi kesan kepada masyarakat Cina Peranakan di Kelantan.

Seterusnya, cerita legenda juga turut dikaji oleh Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin dan Muhd Norizam Jamian (2021) yang berjudul *Struktur Naratologi Dan Citra Ibu Dalam Cerita Legenda Si Tenggang, Si Malim Kundang Dan Nakhoda Manis*. Kajian ini dijalankan pada dasarnya untuk melihat persamaan antara 3 jenis cerita legenda tersebut. Pengkaji telah menetapkan objektif kajian iaitu menganalisis dan menghuraikan struktur cerita dan citra ibu melalui 3 buah cerita legenda terpilih. Batasan kajian ini adalah terhadap 3 buah cerita legenda terpilih iaitu *Si Tenggang, Si Malim Kundang* dan *Nakhoda Manis*. Pengkaji menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan serta menerapkan Pendekatan Struktur Natalogi untuk mendapatkan hasil akhir yang tepat. Dengan ini, hasil akhir kajian ini mendapati citra ibu yang dapat dikeluarkan dalam 3 buah cerita legenda terpilih ialah redha dengan ketentuan yang telah Tuhan tentukan dan kisah seorang wanita yang setia.

Di samping itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) ada menjalankan kajian berkaitan cerita legenda iaitu *Nilai-Nilai Murni Dalam Cerita Legenda Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk menerapkan nilai-nilai murni terhadap kalangan masyarakat Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji mendapati nilai-nilai murni masih kurang diterapkan dalam kalangan kehidupan sesetengah masyarakat. Pengkaji menggariskan objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita legenda di *Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Selain itu, pengkaji memilih kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual sepanjang menghasilkan

penyelidikan ini. Tidak hanya itu, kajian ini dijalankan dengan menggunakan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Akhir dari kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa nilai-nilai murni yang terdapat dalam kisah legenda dapat memberikan tunjuk ajar dan pengajaran kepada masyarakat.

Sementara itu, Azimah Binti Abdul Aziz (2023) menjalankan kajian legenda yang bertajuk *Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat Legenda Bukit Bagahak Menggunakan Pendekatan Moral*. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk memperkenalkan cerita legenda yang ada di negeri Sabah. Pengkaji mendapati cerita legenda Sabah masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji terdahulu, jadi pengkaji mengambil peluang ini untuk mengemukakan cerita rakyat Sabah kepada khalayak ramai. Kajian ini adalah berlandaskan objektif iaitu membincangkan nilai moral yang terdapat pada watak dalam teks terpilih dan menganalisis nilai moral yang terdapat dalam teks *Legenda Bukit Bagahak*. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedaha kualitatif iaitu temu bual dan kepustakaan. Selain itu, pengkaji menerapkan pendekatan moral dalam kajian yang dijalankan. Akhir dari kajian ini, pengkaji dapat mengeluarkan bahawa cerita legenda Sabah ini bukan sahaja boleh dijadikan sebagai hiburan malah sebagai pendidikan nilai moral dalam diri kalangan masyarakat.

2.4 Kajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya-Karya Sastera

Kajian yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu merupakan kajian yang dihasilkan oleh Muhammad Izzat Farhan (2021) bertajuk *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Kajian ini pada umumnya dijalankan untuk mendalami dan citra masyarakat novel-novel remaja yang dipilih. Objektif yang ditetapkan oleh pengkaji dalam penghasilan penyelidikan ini ialah mengenal pasti, dan merumuskan dinamik citra masyarakat yang terdapat pada novel remaja tertentu. Pengkaji meletakkan batasan kajian menerusi cerita rakyat yang telah dipilih iaitu *Bening Mata Seorang Dia*

karya Adnie Bahiah, *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani dan Sunita Sahidin. Dalam hal ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif iaitu kajian teks dan analisis untuk mendapatkan hasil yang tepat. Tambahan lagi, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai sokongan kepada analisis yang dilakukan terhadap kajian. Pada akhirnya, pengkaji dapat merumuskan bahawa buku-buku yang terpilih dapat membentuk pengajaran kepada masyarakat pembaca.

Kajian seterusnya disediakan oleh Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid (2021) iaitu *Suku Kimaragang, Sabah: Nilai Kepahlawanan Dalam Tangoni*. Kajian ini pada umumnya adalah berkaitan kisah sastera rakyat melalui *Suku Kimaragang* berdasarkan kepada bentuk falsafah, sosiobudaya dan cerminan identiti kepahlawanan masyarakat itu sendiri. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis elemen kepahlawanan ditemui dalam cerita rakyat tangon. Untuk menjalankan kajian ini dengan lebih mendalam, pengkaji telah meletakkan batasan kajian iaitu cerita rakyat *Suku Kimaragang* seperti *Si Ganuk, Ih Sambarak Om Tasu dan Si Dampayak Pakou* untuk menghasilkan analisis. Dalam usaha untuk menghasilkan kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kuantitatif yang merangkumi kajian lapangan dan temubual. Pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis nilai kepahlawanan yang terdapat dalam cerita rakyat *Suku Kimaragang* di Sabah. Pengkaji dapat merumuskan pada akhir kajian bahawa nilai kepahlawanan yang ada dapat mendatangkan impak yang positif dalam kehidupan seharian.

Dalam masa yang sama, kajian berkaitan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu yang seterusnya disediakan oleh Nur Shahirah Othman (2020) iaitu bertajuk *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Seperti mana tajuk yang telah ditetapkan, kajian ini adalah berdasarkan cerita rakyat yang diperkenalkan pada zaman

dahulu yang memberi pelbagai fungsi seperti pengajaran dan hiburan. Dalam hal ini, pengkaji dapat melihat bahawa cerita rakyat sememangnya meninggalkan nilai-nilai murni yang harus dicontohi oleh masyarakat. Kajian ini bertitik tolakkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu membincangkan serta menganalisis akal budi orang Melayu menerusi cerita rakyat terpilih iaitu teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kaedah kualitatif iaitu kaedah rujukan teks dan kepustakaan merupakan satu bentuk kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini dengan jayanya. Seterusnya, pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu untuk menyokong analisis yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa teks cerita rakyat yang dipilih banyak memperihalkan akal dan budi masyarakat Melayu.

Kajian yang seterusnya dihasilkan oleh Abdul Rahim & Nurul Safiah (2020) yang bertajuk *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Fokus utama Kajian ini ialah memaparkan nilai pengajaran melalui seorang pahlawan melalui sajak-sajak terpilih. Objektif kajian ini ialah Objektif kajian yang telah digariskan dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kepahlawanan berikutan daripada sajak *Suara Wirawan Negara Bangsa*. Pengkaji telah menetapkan batasan kajian terhadap sajak-sajak yang dipilih dalam teks *Analogi Suara Wirawan Negara Bangsa* untuk lebih fokus terhadap kajian. Pengkaji memilih kaedah kualitatif untuk menjalankan kajian yang ingin dilakukan serta memilih Teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989) untuk menghasilkan analisis yang yang tepat. Hasil akhir kajian merumuskan bahawa terdapat nilai-nilai kepahlawanan yang dapat dikeluarkan melalui sajak terpilih.

Kajian *Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I* dihasilkan oleh Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Kajian ini

terutamanya bertujuan untuk menunjukkan hubungan antara tatasusila dan akal budi dalam kehidupan orang Melayu. Kajian ini bertujuan untuk menemui dan menganalisis elemen dakwah dalam cerpen Rejab F.I. Pengkaji juga telah meletakkan batasan kajian terhadap cerpen "*Papaverine*" yang ditulis oleh Rejab F.I. Pengkaji memilih kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan atau teks untuk menghasilkan kajian ini. Tambahan lagi, pengkaji juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori Hashim Awang dipilih pengkaji bagi menguatkan analisis kajian yang dilakukan. Pada hasil akhir kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat empat tema yang terlihat dalam cerpen terpilih yang dikaji iaitu keadilan, ilmu, taubat dan taqwa yang digambarkan dalam watak perwatakan yang ada.

Selain itu, *Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu merupakan kajian yang dihasilkan* oleh Zaitun Hassan (2015). Kajian ini berfokuskan untuk mendalami unsur citra yang terdapat dalam novel yang pilihan pengkaji. Pengkaji telah meletakkan beberapa objektif kajian dalam penghasilan kajian ini. Antaranya ialah untuk mengkaji dan menganalisis pengaplikasian firasat Melayu yang digambarkan dalam novel *Ombak Bukan Penghalang* (2007) merujuk kepada elemen unsur alam. Batasan kajian juga diletakkan dalam kajian ini iaitu kajian dibataskan dengan penggunaan Novel *Ombak Bukan Penghalang*. Seterusnya, kajian ini disempurnakan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat. Hal ini dikatakan demikian kerana ia bertujuan untuk menganalisis maklumat dengan lebih tepat dan bernas. Hasil akhir kajian merumuskan bahawa berlaku kepincangan dalam masyarakat bagi melahirkan individu yang mempunyai nilai yang positif.

Kajian yang seterusnya pula bertajuk *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Melayu* yang dilakukan oleh Nur Syazwani Bederohisam & Zubir Idris (2020). Kajian ini pada umumnya berkisah tentang penglibatan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam syair yang dipilih. Kajian ini bertitik tolakkan objektif

yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu mengenalpasti dan menganalisis nilai-nilai yang terdapat *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* merujuk kepada elemen dakwah. Disebabkan nilai-nilai Islam merupakan suatu bidang yang meluas, jadi pengkaji meletakkan batasan kajian iaitu melakukan kajian terhadap teks yang terpilih. Selain itu, pengkaji melakukan kajian dengan memilih kaedah kualitatif dan Teori Pengkaedahan Melayu yang merangkumi pengkaedahan keagamaan iaitu pendekataan dakwah. Hasil akhir kajian mendapati bahawa terdapat beberapa nilai yang dikaji secara tidak langsung yang boleh dianggap sebagai medium dakwah yang mengangkat keagungan Allah SWT.

Seterusnya, kajian disediakan oleh Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) bertajuk *Dakwah Islamiah Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob: Dakwah Islamiah: Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini dilakukan untuk menjelaskan dengan lebih lanjut tentang apa yang pernah berlaku dalam kehidupan melalui dakwah yang terkandung dalam cerpen yang menjadi bahan kajian. Pengkaji telah menggariskan beberapa objektif kajian ini iaitu mengenal pasti dan menganalisis unsur dakwah dan kebenaran melalui cerpen yang terpilih iaitu *Melamar Rindu*. Pengkaji telah membataskan kajian ini terhadap buku *Kumpulan Cerpen Melamar Rindu* iaitu cerpen *Gangguan*, *Menimba Penawar* serta *Doanya Termakbul*. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menghasilkan kajian dengan lebih tepat. Tambahan lagi, pengkaji juga turut menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menghasilkan analisis yang berkaitan dengan sistematik dan mempunyai bukti untuk menyokong hujahannya. Pada akhir kajian, pengkaji dapat merumuskan bahawa teks yang terpilih mempunyai elemen dakwah Islamiah yang dapat memupuk masyarakat untuk berubah menjadi insan yang lebih baik dari sebelumnya.

Selanjutnya, kajian dihasilkan oleh Johari Yahaya (2015) yang bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini pada umumnya

berfokus terhadap mengenalpasti peranan pantun kerana setiap pantun mempunyai fungsi yang tersendiri. Kita sedia maklum bahawa pantun boleh dijadikan sebagai sindiran, medium untuk bergurau, tentang hidup, dorongan dan banyak lagi nilai berguna. Objektif yang telah ditetapkan untuk kajian ini ialah mengenal pasti gaya peribahasa Melayu berdasarkan teks *Pantun Peribahasa Melayu* (1968). Kajian ini mempunyai batasan iaitu *Pantun Peribahasa Melayu* ditulis oleh Lo Mun. Kajian ini dihasilkan dengan pengaplikasian kaedah kualitatif. Selain itu, pengkaji juga menganalisis dengan penggunaan Teori Pengkaedahan Melayu. Secara keseluruhannya, kajian ini dilakukan termasuklah merangkumi cara untuk memperkenalkan tradisi Melayu yang terhasil melalui nilai-nilai yang terdapat dalam masyarakat.

Dalam masa yang sama, Noraini Abd. Shukor (2016) juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajiannya yang bertajuk *Tanda Padi Dalam Peribahasa Melayu: Pendekatan Firasat*. Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan elemen alam yang digunakan dalam peribahasa Melayu. Objektif kajian ini telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu mengkaji simbol alam dan manfaat air dan padi kepada kehidupan masyarakat Melayu. Batasan kajian ini ialah terhadap teks *Peribahasa Melayu*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menjalankan kajian ini dengan jayanya. Selain itu, pengkaji juga memilih Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat untuk menguatkan fakta analisis yang dihasilkan. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengenalpasti tujuan dan makna di sebalik penggunaan elemen alam dalam peribahasa yang dihasilkan

Sementelah itu, kajian yang dihasilkan oleh Fadzil Yusoff (2017) bertajuk *Makna Kosmologi Biotik dalam Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan: Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tujuan utama kajian ini adalah untuk membincangkan makna yang terkandung dalam pendidikan, akhlak, kesetiaan, kepimpinan, jati diri, konflik, kecelaruan ideologi dan kemanusiaan. Dalam kajian ini, bangsa Melayu sedar bahawa

pentingnya seni sastera kerana ia dijadikan sebagai wadah dalam memupuk diri, kemajuan negara dan masyarakat untuk mencapai kebaikan dalam kehidupan manusia secara keseluruhan. Pengkaji memilih kaedah kualitatif dan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan alamiah dan keagamaan untuk mengkaji kumpulan puisi yang dipilih agar dapat menghasilkan kajian yang tepat. Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua komponen. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan kajian yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu ini secara tidak langsung dapat mengeluarkan satu fakta bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa yang sarat dengan keindahan.

Kajian yang seterusnya dihasilkan oleh Norzatul Iqma Mohd Noor (2020) bertajuk *Nilai Melayu Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih Di Malaysia: Teori Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini mempunyai fokus utama iaitu berkaitan dengan nilai seni yang terdapat dalam drama-drama yang dipilih. seperti kita sedia maklum bahawa seni merupakan suatu keindahan. Pengkaji menggariskan beberapa objektif kajian iaitu mengkaji nilai-nilai kemelayuan menerusi drama-drama Melayu dan mengkaji perkaitan nilai Melayu. Kajian ini dibataskan terhadap nilai Kemelayuan dalam drama terpilih iaitu *Setia Hujung Nyawa* dan *Teduhan Kasih*. Tambahan lagi, dalam penghasilan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah kepustakaan dan kaedah perpustakaan. Untuk menguatkan analisis kajian, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis data dan menguatkan hujahan. Pada akhir penelitian, pengkaji mendapati bahawa terdapat nilai Melayu yang terpapar dalam drama yang dikaji iaitu nilai yang perlu ada pada seorang pemimpin, nilai pemeliharaan dalam adat dan budaya.

Selain itu, kajian dijalankan oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) bertajuk *Akal dan Budi Dalam Sastera Lisan Warga Kota Bharu, Kelantan: Penelitian Kemasyarakatan*. Kita sedia maklum bahawa naratif lisan sememangnya banyak memperihalkan tentang pelajaran dan pengajaran yang

terkandung di dalamnya. Hal ini secara tidak langsung menjadikan naratif lisan ini sebagai medium pendidikan. Oleh itu, ia juga haruslah digunakan dengan baik misalnya memperkenalkan naratif kepada kanak-kanak. Pengkaji telah memperihalkan objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis akal budi berdasarkan naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Batasan kajian ini adalah termaktub terhadap naratif lisan bagi penduduk Kota Bharu, Kelantan. Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang memerlukan kepada kaedah kepustakaan dan kaedah lapangan yang merangkumi temubual terhadap beberapa individu bagi mencapai objektif kajian dalam cerita rakyat di Kota Bharu, Kelantan. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan merupakan pendekatan kajian yang digunakan untuk menghasilkan analisis yang tepat dan menyokong. Pada akhirnya, kajian ini mencapai kesimpulan bahawa sifat-sifat rasional, berani kerana benar, usaha dan ikhlas boleh dihasilkan melalui akal dan budi.

Sementara itu, kajian yang bertajuk *Kajian Nilai Islam Berdasarkan Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* merupakan kajian daripada pengkaji Nur Safiah (2020). Seperti kita sedia maklum bahawa nilai-nilai Islam ini sepatutnya dipraktikkan dalam diri setiap umat Islam agar dapat melahirkan individu yang bertaqwa. Kajian ini berobjektifkan untuk mengenal pasti, membincangkan dan merumuskan nilai Islam menerusi cerpen yang terpilih iaitu dalam teks *Seuntai Rindu Firdaus* karya Ana Balqis. Pengkaji memilih kaedah kualitatif dalam penghasilan kajian ini. Selain itu, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu bagi menyokong analisis kajian yang dilakukan. Pada akhir kajian ini, pengkaji memandang tinggi tentang didikan agama menjadi sumber ketaatan seorang hamba kepada Allah SWT.

Seterusnya, kajian dijalankan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) bertajuk *iaitu Punca dan Implikasi Murtab Masyarakat Melayu Berdasarkan Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani:*

Penelitian Takmilah. Kajian ini pada umumnya bertujuan untuk mendalami isu yang berlaku dalam masyarakat Melayu. Perkara ini telah memberikan imej yang buruk serta negatif terhadap orang luar terutamanya orang bukan Islam. Ini kerana perbuatan murtad bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan kerana ia berkait rapat akhlak dan akidah seseorang. Pengkaji telah menggariskan objektif kajian sepertimana yang berikut iaitu mengkaji punca seseorang murtad. Kajian ini pada umumnya untuk memberikan penjelasan berkaitan Islam. Dalam hal ini, kaedah kualitatif diaplikasikan dengan merangkumi kaedah kepustakaan dan merujuk sumber teks. Teori Takmilah dipilih dalam kajian ini kerana ianya sesuai untuk mengungkap kepada prinsip-prinsip Islam. Secara keseluruhannya, kita dapat lihat bahawa kajian ini dapat memberi pengajaran serta menegur sikap sesetengah masyarakat yang memandang ringan terhadap agama Islam.

Di samping itu, kajian yang menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang seterusnya dijalankan oleh Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah (2019). Kajian yang telah dihasilkan bertajuk *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani*. Kajian ini pada umumnya mengetengahkan tentang penindasan kepada golongan fakir miskin yang berleluasa dalam konteks masyarakat berpunca dari kemelesetan ekonomi dan ketidaksamarataan hasil ekonomi. Pengkaji meletakkan objektif kajian ini ialah untuk mengkaji pemikiran Islam melalui berdasarkan *Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani*. Kaedah kualitatif dan Teori Pengkaedahan Melayu digunakan dalam menghasilkan analisis ini. Pelbagai penceritaan yang dapat dikeluarkan antaranya ialah berkaitan dengan ketidakadilan yang diketengahkan melalui cerpen *Aku Belum Mati*. Pada hasil akhir kajian ini, pengkaji membuat kesimpulan berkaitan dugaan yang berlaku terhadap warganegara Palestin sangatlah tidak wajar kerana ia memberi kesan buruk dan masa yang panjang dalam kehidupan individu yang dizalimi.

Selain itu, kajian bertajuk *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral* dijalankan oleh Md Sabri & Siti Norsyahira (2022). Kajian ini dijalankan untuk memaparkan unsur didaktik dalam Teks *Seuntaiian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Objektif yang digariskan dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis unsur didaktik dalam Teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Pengkaji telah membataskan kajiannya terhadap 24 cerita rakyat Melayu terpilih. Selain itu, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan teks serta mengaplikasikan pendekatan moral sepanjang menghasilkan kajian ini. Pada akhir kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa unsur didaktik yang terdapat dalam Teks *Seuntaiian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* membantu dalam meningkatkan nilai moral dalam kalangan masyarakat.

Sejajar dengan itu, kajian tentang *Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu* dihasilkan oleh Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin (2019). Kajian ini adalah berfungsi untuk mengeluarkan aspek dakwah yang timbul disebabkan oleh konflik kekeluargaan berfokuskan kepada tema keagamaan. Kajian ini berobjektifkan beberapa perkara iaitu mengenal pasti dan menganalisis perjuangan dakwah dan melakukan kebaikan untuk mendapatkan ketenangan. Pengkaji telah meletakkan batasan kajian iaitu melakukan penelitian terhadap karya Azizi Haji Abdullah. Pengkaji juga memilih bentuk kualitatif bersama dengan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pendekatan Dakwah. Teori ini dipilih kerana ia sesuai dengan konteks kajian yang ingin dijalankan iaitu berkaitan keagamaan. Secara keseluruhannya, pengkaji dapat mengeluarkan fakta bahawa dengan menyebarkan dakwah melalui jalan yang benar dan meninggalkan perkara batil dan mungkin mampu mendorong masyarakat untuk mempelajari dan mendalami agama Islam secara menyeluruh.

Sementelahan pula, kajian yang telah Wan Khairul Faiz (2019) lakukan bertajuk *Analisis Kumpulan Cerpen Bidadari Burung: Teori Pengkaedahan Melayu* Kajian ini bertitik tolak untuk mendalami bentuk cerita yang terkandung dalam cerpen hasil karya Syed Mohd Zakir. Pengkaji menggariskan beberapa objektif kajian iaitu mengenal pasti dan merumuskan permasalahan masyarakat menerusi cerpen yang dipilih iaitu kemungkaran merangkumi keganasan dan salah faham liberal. Seterusnya, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan Teori Pengkaedahan Melayu yang merangkumi pendekatan kemasyarakatan untuk menghasilkan analisis yang tepat dan sistematik. Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan perspektif Islam iaitu untuk mendalami dan mengetahui isu sosial yang mewakili masyarakat masa itu. Pada penghujung kajian ini, pengkaji mendapat hasil yang diinginkan iaitu masyarakat memahami sesuatu dengan lebih baik bersandarkan pengalaman mereka sendiri.

Kajian yang berkaitan dengan cerita rakyat yang seterusnya adalah *Nilai-Nilai Islam dalam teks 366 Cerita Rakyat Malaysia: Pendekatan Takmilah*. Kajian ini disediakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah (2021). Setelah penelitian dilakukan, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa nilai Islam dalam cerita rakyat merupakan fokus utama yang perlu diambil perhatian yang serius. Kajian ini dihasilkan kerana cerita rakyat merupakan suatu konteks pembacaan yang dapat menyebarkan ilmu seperti nilai-nilai Islam yang seharusnya dicontohi oleh masyarakat beragama Islam. Pengkaji telah menggariskan kajian ini berobjektifkan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Pada batasan kajian pula, pengkaji mendapati kajian ini dibataskan kepada 4 buah buku cerita rakyat yang dipilih dalam teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kajian ini menerapkan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk mengkaji dengan lebih mendalam perihal nilai-nilai Islam yang terdapat dalam teks terpilih. Dalam konteks ini, Teori Takmilah yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar telah dipilih untuk menjayakan kajian ini kerana

teori ini bersangkutan dengan nilai-nilai Islam. Seterusnya, Pengkaji merumuskan 4 nilai Islam yang diperoleh dalam kajian ini. Dengan ini, pengkaji berharap dengan kajian ini dapat mengubah persepsi masyarakat dan mengambil pengajaran dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam diri dalam hidup.

Seterusnya, kajian yang menggunakan teori pengkaedahan Melalui pernah dikaji oleh pengkaji sebelum ini ialah *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* yang disediakan oleh Othman dan Nur Shahirah (2020). Kajian ini dilakukan adalah berfokus kepada akal dan budi yang berkait rapat dengan cerita rakyat. Penyelidikan ini dihasilkan untuk mengkaji tentang perihal akal budi dalam konteks masyarakat terutamanya kaum Melayu. Batasan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji adalah berdasarkan *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* untuk melihat sejauhmanakah nilai-nilai murni orang Melayu melalui cerita rakyat yang dipilih. Tambahan lagi, pengkaji juga berminat untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang perkaitan antara akal budi dengan cerita rakyat yang dapat membentuk hasil kajian yang diinginkan. Metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah melibatkan tinjauan ke arah satu gambaran sistem dan kegiatan budaya masyarakat lampau. Dalam hal ini, pengkaji mengaitkan dengan Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan, untuk mencapai keputusan kajian yang diharapkan. Dengan ini, pengkaji berharap kajian ini akan menghasilkan masyarakat yang mempunyai jati diri tinggi dalam kehidupan seharian.

Selain itu, kajian yang dihasilkan oleh Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) ialah *Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu*. Kita sedia maklum bahawa citra masyarakat didefinisikan sebagai makna gambaran tingkah laku dan sebagainya yang ditonjolkan oleh masyarakat. Oleh itu, fokus utama kajian ini dijalankan ialah untuk menetengahkan gambaran masyarakat menerusi teks naratif lisan yang terpilih

kerana ia berkait rapat dengan kebudayaan masyarakat. Selain itu, pengkaji ingin mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terdapat dalam naratif lisan. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji telah membataskan kajian terhadap 10 buah teks melalui teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat*. Selain itu, pengkaji memilih untuk melakukan kajian dengan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan rujukan teks untuk mendapatkan hasil yang diinginkan bersesuaian dengan konteks kajian iaitu gambaran terhadap masyarakat. Pengkaji juga menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu kerana ia sangat bersesuaian dengan kajian yang telah dilakukan. Hasil akhir kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa masyarakat mengamalkan kepercayaan kepada tuhan, bekerjasama dan kasih sayang.

Dapat kita lihat bahawa Teori Pengkaedahan Melayu juga turut digunakan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim (2014) dalam kajiannya. Kajian yang berjudul *Cerita Rakyat Membentuk Nilai Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. Fokus kajian ini adalah untuk mengetahui sama ada cerita rakyat boleh dinobatkan sebagai sebuah medium pendidikan nilai moral terhadap kanak-kanak. Objektif kajian yang digariskan dalam kajian ini ialah mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat. Pengkaji telah meletakkan batasan sebagai had dalam menjalani kajian dengan lebih tepat. Oleh itu, kajian ini terbatas terhadap buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Kajian ini juga turut dianalisis menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Dalam penghasilan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis teks terhadap buku yang telah dipilih. Hasil akhir kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa cerita rakyat mampu membawa kepada wadah membina nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak kerana menampilkan pendidikan seperti kasih sayang, kejujuran, keberanian, bermuafakat, kerajinan, tolong menolong dan hormat-menghormati.

Kajian yang menggunakan pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu yang seterusnya ialah *Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan Menggunakan Teori*

Pengkaedahan Melayu. Kajian ini dijalankan oleh Naizalaila Mustapha (2019). Fokus kajian ini adalah untuk mengeluarkan nilai kemasyarakatan dalam cerpen terpilih. Oleh itu, pengkaji telah meletakkan dua objektif kajian iaitu mengenal pasti nilai kemasyarakatan dan menganalisis cabaran yang ada dalam cerpen terpilih. Pengkaji telah membataskan kajiannya terhadap cerpen yang dihasilkan oleh Zurinah Hassan iaitu bertajuk *Dari Hari Ke Hari* dan *Pulangnye Pemuja Ombak*. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dan menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan kemasyarakatan. Akhir dari kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa pengkarya banyak menerapkan nilai-nilai kemasyarakatan dalam karyanya. Hal ini secara tidak langsung dapat pengkarya dapat membentuk dan melahirkan masyarakat yang menerapkan nilai-nilai positif dalam menjalani kehidupan.

2.5 Penutup

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati sepanjang proses pemerhatian dan tinjauan terhadap artikel-artikel yang pernah dihasilkan oleh para pengkaji yang lepas berkaitan cerita rakyat dan legenda. Penyelidikan pernah dilakukan oleh pengkaji lepas menunjukkan kajian berkaitan cerita rakyat sememangnya diberi perhatian pelbagai isu yang dikeluarkan oleh pengkaji lepas antaranya ialah, nilai murni, nilai moral, aspek pendidikan dan sebagainya. Kajian yang pernah dilakukan secara tidak langsung memperlihatkan bahawa cerita rakyat pada dasarnya masih mendapat tempat di hati pengkaji untuk mendalami dengan lebih meluas tentang apa yang ingin disampaikan dalam setiap karya sastera. Selain itu, kita sewajarnya percaya bahawa cerita rakyat sememangnya banyak mendatangkan impak positif dalam diri terutamanya bagi mereka yang cakna dan mengambil iktibar tentang apa yang ingin disampaikan dalam setiap penceritaan. Sebagai contohnya, selain dapat memberi hiburan kepada golongan kanak-kanak khususnya, ia juga dapat memberikan sumber pembelajaran secara tidak langsung. Namun begitu, sepanjang membuat pemerhatian berkaitan kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji lepas, pengkaji mendapati bahawa masih terdapat kelompondan berkaitan dengan kajian terhadap unsur-unsur legenda yang terwujud dalam teks cerita rakyat. Dengan ini, pengkaji mengambil inisiatif untuk menganalisis berkaitan legenda yang terdapat dalam cerita rakyat.

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan sebuah kaedah yang telah pengkaji gunakan untuk mengumpulkan data sepanjang melakukan kajian. Dalam bab tiga ini, pengkaji menjelaskan dengan lebih mendalam berkaitan kaedah dan teknik kajian yang digunakan untuk menyiapkan kajian ini demi memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan. Selain itu, bab tiga menjelaskan tentang teknik, kaedah dan teori yang digunakan demi menyempurnakan kajian ini. Dalam hal ini, pengkaji membahaskan dengan teliti berkaitan reka bentuk kajian, kaedah kajian dan teori yang telah dipilih untuk menghasilkan penyelidikan ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kita sedia maklum bahawa reka bentuk kajian merupakan asas utama kerana ia dapat mengeluarkan suatu kaedah kajian yang bersesuaian dengan konsep kajian. Hal ini dikatakan demikian reka bentuk kajian merupakan sumber utama dalam penentuan hasil kajian. Kajian ini dihasilkan dengan kita sedia maklum bahawa reka bentuk kajian dibahagikan merangkumi tiga bentuk pecahan iaitu kualitatif, kuantitatif dan kedua-dua jenis metode kajian iaitu kualitatif dan kuantitatif. Dalam hal ini, pengkaji telah menetapkan bahawa bentuk kajian yang dipilih dan digunakan sepanjang menghasilkan kajian terhadap cerita rakyat ini merupakan kaedah naratif atau turut dikenali sebagai kaedah kualitatif.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah Kualitatif merupakan kaedah yang dipilih untuk mendapatkan hasil kajian yang diinginkan. Seperti yang kita sedia maklum, kaedah kualitatif merupakan proses dimana pengkaji mengumpulkan maklumat berkaitan tajuk kajian yang telah dipilih. Dalam konteks ini, metode pengumpulan data dan analisis dilakukan ke atas Unsur Legenda yang terdapat dalam Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*.

3.3.1 Kajian Kepustakaan


Kita sedia maklum bahawa kaedah kepustakaan merupakan salah satu kaedah yang terdapat dalam kaedah kualitatif. Kaedah Kepustakaan juga turut dikenali sebagai library research merupakan kaedah yang sering kali digunakan dalam kajian. Hal ini disebabkan oleh kaedah ini digunakan untuk mendapatkan sumber maklumat dari pelbagai jenis bahan bacaan yang berhubung kait dengan tajuk kajian utama. Dalam hal ini, kajian perpustakaan bukan hanya termaktub kepada teks cerita rakyat sahaja. Namun ianya merangkumi bahan bacaan yang meluas seperti jurnal, artikel serta kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Data-data maklumat

yang diambil hanyalah berfokus kepada fokus utama kajian sahaja untuk mendapatkan hasil yang diinginkan. Dengan ini, antara perpustakaan yang dijadikan sebagai sumber maklumat ialah Universiti Malaysia Kelantan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan.

3.3.2 Teks

Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, rujukan teks sudah pasti berkait dengan bahan bacaan untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang hal berkaitan dengan apa yang ingin dikaji. Dalam hal ini, pengkaji melakukan proses menganalisis, membaca dan meneliti unsur legenda yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang disediakan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusof dan Fatimah Abdul Nasir. Untuk makluman, teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* ini telah menjadi sumber bacaan utama untuk menganalisis unsur legenda yang terdapat di dalam teks ini. Cerita rakyat yang terkandung dalam teks terpilih merupakan sebuah teks yang sesuai kerana mempunyai pelbagai genre yang berbeza yang sudah disusun mengikut negeri. Unsur legenda yang menjadi fokus utama kajian ini juga turut dipaparkan dalam teks cerita rakyat yang dipilih. Secara keseluruhannya, unsur legenda yang terdapat dalam teks ini dikumpulkan dan di analisis pada bab bahagian keempat.

3.4 Teori Pengkaedahan Melayu



Rajah 1: Teori Pengkaedahan Melayu


Pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu sepanjang melakukan kajian ke atas *Unsur-Unsur Legenda dalam teks 366 Cerita Rakyat Terkenal*. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji dapati bahawa teori ini sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam menghasilkan projek penyelidikan ini.

Dapat kita lihat bahawa teori merupakan sebuah gagasan penting yang menjelaskan dengan tepat tentang hal berkaitan definisi, konsep, prinsip sesuatu karya sastera tersebut. Dalam erti kata lain, teori merupakan suatu pertimbangan yang menjadi sumber utama yang akan mentakrifkan prinsip mengenai penciptaan hasil sastera.

Justeru itu, teori merupakan gagasan penting untuk melihat sama ada sesuatu kajian itu berjaya dijalankan ataupun sebaliknya. Selain itu, teori juga merujuk kepada panduan terhadap sesuatu kajian. Oleh itu, secara tidak langsung dapat membuka mata tentang kepentingan penggunaan teori yang betul dalam melakukan sesuatu penilaian dan menganalisis sesebuah hasil karya yang sedia ada.

Seterusnya, kita sedia maklum bahawa Teori Pengkaedahan Melayu merupakan satu gagasan teori yang telah diperkenalkan seorang sarjana dan pengkritik yang terkenal di Tanah air iaitu Hashim Awang (1994). Teori Pengkaedahan Melayu ini mentakrifkan setiap sisi kehidupan masyarakat secara menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana teori ini berlandaskan cara dan sikap, kepercayaan serta kebudayaan masyarakat dalam mengkaji karya. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu merupakan teori yang sesuai untuk digunakan berdasarkan kenyataan hidup masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu adalah sebuah teori yang berfungsi sebagai cara, sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan. Dalam pada itu, Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada 2 jenis iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang masing-masing mempunyai fungsi dan maksud tersendiri dalam menganalisis karya yang telah dihasilkan.

3.4.1 Pengkaedahan Alamiah



Rajah 2: Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan Alamiah pada dasarnya bererti menganggap Alam Semesta sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan. Kita sedia maklum bahawa Alam Semesta merupakan salah satu ciptaan Allah SWT yang indah. Dalam hal ini, pendekatan ini adalah berlandaskan ciptaan Allah SWT yang merangkumi kehidupan manusia. Hal ini disebabkan oleh kerana alam adalah sesuatu yang memberikan manusia pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Dalam erti kata lain, alam merupakan subjek utama dalam karya sastera. Bagi pandangan seorang pencipta karya, unsur alam merupakan sebuah inspirasi utama bagi menghasilkan karya kerana pengarang adalah sebahagian alam seperti bumi, pokok, binatang dan sebagainya

Sebagai analoginya, Kitab *Tajul-muluk* merupakan kitab yang memaparkan panduan hidup masyarakat terutamanya bagi generasi yang terdahulu. Kitab ini pada umumnya membicarakan tentang enam perkara berkaitan dengan manusia, bidang perubatan yang merangkumi kesihatan, makhluk yang hidup iaitu manusia, sikap dan tingkah manusia, alam di bawah sedar dan firasat. Pengkaedahan alamiah terbahagi kepada tiga iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Ketiga-tiga

pendekatan ini mempunyai fungsi yang tersendiri dalam menghasilkan analisis sesuatu karya.

3.4.1.1 Pendekatan Gunaan

Pendekatan gunaan pada dasarnya digunakan dalam analisis kajian berdasarkan kewujudan sesuatu objek alam yang terdapat dalam karya. Hal ini dapat dilihat terdapat persamaan antara pendekatan moral dan pendekatan gunaan. Dalam hal ini, pengkaedahan gunaan sesuai untuk diaplikasikan dalam karya sastera yang melibatkan objek alam semula jadi dan bukan termaktub ke atas objek rekaan hasil dari tangan manusia. Justeru itu, karya sastera dan alam merupakan sesuatu yang berkaitan antara satu sama lain. Dengan ini, kajian yang ingin menggunakan pendekatan gunaan ini haruslah mengandungi unsur-unsur kesyukuran yang mengagungkan kebesaran Allah SWT.

3.4.1.2 Pendekatan Moral

Seterusnya, pendekatan moral didefinisikan sebagai pendekatan yang berkaitan dengan pengalaman hidup seseorang. Dalam hal ini, moral ditakrifkan sebagai pengetahuan yang terdapat pada sesebuah karya sastera. Pada dasarnya, pengalaman yang diciptakan oleh pengarang adalah merangkumi dua hal iaitu menyentuh berkenaan peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh seseorang manusia itu. Dalam hal ini, melalui peristiwa yang terjadi juga mengambil kira tentang maklumat dan persekitaran yang terjadi sepanjang ia berlaku. Pengalaman yang berlaku adalah berkaitan dengan ragam dan perlakuan manusia yang dinilai berdasarkan aspek positif yang boleh diambil sebagai pengajaran dan aspek negatif yang harus di jauhi. Selain itu, sastera dianggap sebagai sumber ilmu dan pengetahuan.

3.4.1.2 Pendekatan Firasat

Pendekatan firasat pada umumnya berkaitan kejadian alam semesta yang berkaitan dengan penglibatan peristiwa dalam kehidupan. Dalam hal ini, ia juga dapat diertikan sebagai pengalaman yang berkaitan dalam diri seseorang itu sama ada dalam mimpi ataupun benar-benar berlaku dalam realiti. Hal ini dikatakan demikian kerana mimpi akan mengalami proses tafsiran iaitu mencari makna untuk mendalami apa makna disebalik mimpi yang dialami. Dengan ini, karya yang menggunakan pendekatan ini pada dasarnya memaparkan realiti dari kisah yang berlaku.

3.4.2 Pengkaedahan Keagamaan



Rajah 3: Pengkaedahan Keagamaan

Bersesuaian dengan konteks agama, pengkaedahan keagamaan merangkumi keimanan yang berpaksikan akidah agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaedahan Keagamaan adalah merujuk kepada kepercayaan terhadap agama Islam. Dalam hal ini, pengkaedahan keagamaan ini lazimnya menggunakan al-Quran dan hadis sebagai sumber utama. Lebih-lebih lagi pembentukan pengkaedahan keagamaan adalah bersandarkan sifat-sifat keagungan Allah SWT.

Berdasarkan pendekatan keagamaan, Hashim Awang (1999) telah mentakrifkan bahawa terdapat tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Pendekatan ini dijalankan pada dasarnya adalah bertujuan untuk meningkatkan nilai ketaqwaan terhadap Allah. Dalam hal ini, analisis kajian sastera yang ingin mengaplikasikan pendekatan ini haruslah memenuhi kriteria-kriteria yang telah

ditetapkan. Hal ini kerana, sesebuah karya haruslah mengandungi sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah SWT. Tidak hanya itu, kaedah analisis kajian yang ingin menggunakan pendekatan ini juga haruslah menerapkan kemurnian dan kelebihan agama Islam di dalam sesebuah karyanya. Analisis kajian yang dilakukan bukanlah termaktub ke atas isi kandungannya sahaja, malahan ia juga turut mengambil kira aspek watak dan perwatakan.

Dengan ini, insiatif yang ada dapat menarik masyarakat pembaca untuk lebih mendalami agama Islam. Sebagaimana kita sedia maklum, karya yang mampu menggunakan pendekatan ini sudah pastinya sarat dengan ilmu agama Islam.

3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan


Pendekatan kemasyarakatan ini pada kebiasaannya mementingkan unsur positif seperti dalam setiap karya. Hal ini kerana sastera yang sering dijadikan sebagai wadah pembacaan dan tempat menimba ilmu melalui pembacaan. Namun, tanpa kita sedar bahawa sastera juga mampu menjadi sumber maklumat yang secara tidak langsung dapat mensejahterakan dan membahagiakan umat manusia, Tambahan lagi, wujudnya unsur amanat dalam karya sastera iaitu dari segi bentuk, teknik penceritaan, gaya bahasa dan sebagainya yang merangkumi unsur keindahan dalam berbahasa.

Justeru itu, pendekatan kemasyarakatan dianggap dekat dengan jiwa dan kehidupan masyarakat. Hal ini kerana pendekatan kemasyarakatan turut memaparkan hal-hal negatif yang terjadi dalam konteks masyarakat. Secara dasarnya, pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai gambaran kehidupan masyarakat secara realiti. Sebagai contohnya, ada sesebuah karya yang memaparkan sisi kehidupan yang negatif seperti berlakunya sikap tidak adil, kemunafikan, keresahan, kekejaman, rasuah penipuan, konflik, penindasan dan permusuhan dalam konteks kehidupan masyarakat. Perkara perkara negatif ini secara tidak langsung mampu mempengaruhi kepincangan dalam konteks kehidupan setiap golongan masyarakat.

3.4.2.3 Pendekatan Seni

Pendekatan seni biasanya disesuaikan dengan karya yang memaparkan estetika dalam penghasilannya. Dalam hal ini, keindahan estetika yang terdapat dalam teks ini seharusnya berlandaskan agama Islam yang tidak menentang ajaran akidah serta pegangan umat Islam. Namun, penggunaan nilai-nilai estetika bukanlah termaktub kepada imaginasi yang terhasil dari seseorang pengkarya sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana karya yang menggunakan pendekatan seni haruslah memaparkan kesedaran ilmiah dan menjadikan seseorang itu lebih baik dari diri mereka yang sebelumnya. Dalam erti kata lain, sesuatu karya itu haruslah sesuai untuk menjadi platform yang boleh menyebarkan sesuatu ilmu kepada golongan pembaca. Keindahan dalam berkarya haruslah tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

3.5 Kerangka Konseptual



Rajah 4: Kerangka Konseptual

3.6 Penutup

Pada bab 3, pengkaji menjelaskan berkaitan kaedah-kaedah yang diaplikasikan sepanjang menyiapkan kajian ini. Hal ini dikatakan demikian kerana cara-cara menghasilkan kajian dan teori yang diterapkan sepanjang melakukan kajian ini adalah sangat penting kerana ia memangkin ke arah pembentukan kajian yang baik dan sistematik. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengikuti aspek piawaian yang diperlukan dalam menghasilkan projek penyelidikan yang teratur dan tepat. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa kaedah kajian yang dipilih sangat penting untuk mengumpulkan data yang diperlukan dalam menghasilkan kajian. Selain itu, pengkaji juga menerapkan Teori Pengkaedahan Melayu kerana ia dilihat sesuai dengan konteks kajian yang dilaksanakan. Tambahan lagi, Pengkaji juga mencari unsur legenda dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* melalui kaedah kualitatif yang merangkumi teks dan kaedah kepustakaan.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji telah melampirkan hasil kajian yang telah diperolehi sepanjang melakukan kajian ke atas unsur legenda yang terdapat dalam cerita rakyat terpilih. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji akan menelusuri dengan lebih mendalam berkaitan dengan unsur-unsur legenda yang terdapat dalam teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* iaitu hasil nukilan beberapa pengkarya yang bernama Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusof dan Fatimah Abdul Nasir. Pada dasarnya, bahagian ini juga menunjukkan unsur legenda yang dikaji adalah berdasarkan *Teori Pengkaedahan Melayu*. Secara keseluruhannya, pengkaji telah memperolehi sebanyak lima jenis unsur legenda yang terdapat dalam teks cerita rakyat yang terpilih. Antaranya ialah unsur legenda tokoh, unsur legenda amanat, unsur legenda asal usul tempat, unsur legenda peristiwa dan unsur legenda tradisi.

4.2 Unsur Legenda Tokoh

Seperti yang telah kita sedia maklum bahawa untuk mendapatkan gelaran tokoh bukanlah sesuatu yang boleh diperolehi dengan mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang itu haruslah mencapai sesuatu kejayaan mengagumkan sebelum mendapat gelaran tersebut. Dalam hal ini tokoh dimaknakan sebagai orang yang terkenal dalam masyarakat. Tokoh juga diertikan sebagai orang kenamaan yang mempunyai tempat dan jasa dalam bidang politik, kebudayaan, agama dan sebagainya. Pada pandangan Aminudin Jusuh (2002) yang menyatakan tokoh merupakan seorang pelaku yang bertanggungjawab terhadap terjadinya sesebuah penceritaan sehingga wujudnya cerita yang mengandungi unsur fiksyen dan sebagainya. Dapat kita lihat bahawa tokoh sememangnya memiliki peranan yang tersendiri seperti sifat dan watak yang berbeza dalam menaikkan sesuatu cerita. *Kamus Dewan* (2007) mendefinisikan tokoh sebagai orang yang mempunyai nama dan terkenal serta mempunyai kebolehan yang melebihi individu lain. Individu ini sememangnya layak dinobatkan sebagai tokoh.

Tambahan lagi, tokoh juga sering diertikan sebagai pahlawan. Dalam hal ini, pahlawan membawa erti orang yang berani dan gagah dalam mempertaruhkan diri demi negara. Perjuangan yang dilakukan oleh pahlawan ini adalah bertujuan untuk memberikan keamanan dari segi keselamatan dan kesejahteraan kepada orang lain. Dalam hal ini, *Kamus Dewan* (2005), pahlawan diertikan sebagai seorang pejuang yang berani maju ke hadapan demi mempertahankan sesuatu sama ada milik negara dan sesuatu yang sepatutnya dipertahankan. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat keberanian yang ada pada diri seseorang pahlawan seharusnya dipuji. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap yang ada pada seseorang pahlawan boleh diertikan sebagai seseorang tidak berundur dan tetap melangkah walaupun menghadapi pelbagai risiko yang menjejaki ambang kematian.

Dapat kita lihat bahawa unsur legenda mempunyai pelbagai jenis unsur yang bersangkutan dengan masa lampau dan masih menjadi bualan kini. Dalam hal ini, unsur legenda juga turut menyelitkan unsur tokoh dalam penceritaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat teks cerita rakyat yang mengangkat kisah-kisah berkaitan pengorbanan, jasa dan keperibadian seseorang tokoh dalam sesebuah cerita sehingga dikenali ia sehingga ke hari ini. Buktinya, tokoh tersebut masih lagi hangat dalam bualan masyarakat hari ini. Selain itu, kita juga dapat melihat bahawa sejarah terwujudnya sesebuah cerita berkaitan tokoh ini juga turut dibukukan agar tidak hilang dalam ingatan masyarakat sehingga ke hari ini.

Unsur legenda tokoh ini dapat dilihat dari cerita rakyat yang berjudul *Puteri Santubong Puteri Sejinjang* melalui kenyataan di bawah:

Petikan 1

Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang adalah dua sepupu. Mereka ialah anak Dewa yang turun dari kayangan. Kedua-kedua puteri ini memiliki paras yang sangat cantik. Puteri Santubong diturunkan di Pasir Kuning manakala Puteri Sejinjang di Pasir Putih. Mereka ditugaskan untuk mengembalikan keamanan di kedua-dua buah kampung itu.

...Disebabkan cemburu, mereka menggunakan kuasa sakti yang ada dan bergaduh sehari-hari lamanya. Puteri Sejinjang menghayunkan aluk lalu terkena pipi Puteri Santubong sehingga berlekuk. Dengan kudrat terakhirnya, Puteri Santubong meninamkan batang belida ke kepala Puteri Sejinjang yang menyebabkan kepalanya bersepai dan bertaburan. Ayahanda dewa sangat murka dengan perilaku dua Puterinya itu lalu menyumpah mereka. Puteri Santubong disumpah menjadi Gunung Santubong. Manakala Puteri Sejinjang pula disumpah menjadi beberapa buah pulau, iaitu Pulau Talang-talang, Pulau Satang dan beberapa buah pulau kecil yang lain.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:17)

Kisah ini menggambarkan tentang ketokohan yang bertunjangan dua watak puteri iaitu *Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang*. Permulaan cerita ini menunjukkan bahawa kedua-dua puteri ini yang mempunyai kuasa yang luar biasa dari manusia biasa sehingga mereka telah dipercayai untuk menjalankan tugas sebagai penjaga keamanan dan keselamatan. Namun, insiden yang tidak baik berlaku apabila terjadinya perbalahan yang mencetuskan kemarahan bapa mereka sehingga terjadinya peristiwa sumpahan iaitu Puteri Santubong yang menjadi Gunung yang tidak asing

namanya iaitu Gunung Santubong. Manakala Puteri Sejinjang pula disumpah menjadi pulau-pulau kecil iaitu Pulau Talang-talang, Pulau Satang dan beberapa buah pulau kecil yang lain. Dengan ini, kedua-dua puteri ini telah mencetuskan legenda pada masa dahulu.

Kisah *Puteri Santubong Puteri Sejinjang* merupakan kisah yang mengangkat unsur ketokohan. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah ini mengangkat keperibadian tokoh yang mempunyai rupa yang menarik. Hal ini bersamaan dengan aktiviti yang bererti seseorang berani melibatkan diri dalam melakukan perjuangan secara aktif dan agresif demi memperjuangkan sesuatu keamanan. (*Kamus Dewan*, 2005). Selain itu, tokoh juga memainkan peranan penting untuk mengembalikan keamanan dan menjaga keselamatan terhadap kedua-dua buah negeri tersebut. Sikap kepahlawanan yang ditonjolkan dalam kisah ini membuktikan kebijaksanaan dan keberanian yang ada dalam setiap watak sehingga mampu mengembalikan keharmonian yang ada pada kedua-dua buah negeri tersebut. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang layak digelar sebagai tokoh yang membawa legenda suatu masa dahulu kerana telah menabur jasa demi mendapatkan ketenangan yang ada pada suatu masa dahulu. Namun, disebabkan oleh kejadian yang tidak diingini, kedua-dua puteri ini disumpah membentuk gunung dan pulau. Kisah dua puteri ini akhirnya dibukukan dan diketahui umum sehingga ke hari ini.

Sehubungan dengan itu, Teori pengkaedahan Melayu iaitu pengkaedahan alamiah sesuai diaplikasikan dalam menghasilkan analisis ini secara tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana melihatkan perkaitan antara alam dan manusia yang dilihat sangat erat. Dalam hal ini, pendekatan gunaan dipilih untuk digunakan kerana kisah Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang ini merupakan kisah yang dikarang menggunakan sumber alam dan masyarakat. Justeru itu, pengarang juga turut menggunakan unsur alam dalam menceritakan sesuatu kisah tokoh dengan lebih mendalam. Dapat kita lihat bahawa penggunaan unsur alam dalam legenda tokoh seperti gunung dan pulau

menampakkan seseorang pengarang itu peka terhadap setiap sesuatu yang ada di persekitaran. Pada umumnya, gunung dan pulau-pulau itu tercipta hasil olahan yang dibuat oleh kedua-dua puteri. Secara umumnya, pengarang ingin mengangkat sifat ketokohan dan kelebihan yang ada dengan mengaitkan unsur alam sebagai sumber utama.

Unsur legenda tokoh yang seterusnya bertajuk *Badang*. Dapat kita lihat bahawa kisah *Badang* masih lagi menjadi buah mulut masyarakat sehingga ke hari ini. Teks penceritaan di bawah telah menjelaskan tentang bagaimana *Badang* memperoleh kekuatannya yang luar biasa.

Petikan 2

Pada zaman dahulu, ada seorang pemuda bernama Badang. Setiap petang, Badang akan menahan bubu di anak sungai. Keesokan harinya, pagi-pagi lagi dia akan pergi mengangkat bubu itu. Ikan yang ditangkap akan dimakan bersama ibunya dan dijual selebihnya. Sudah tiga pagi berturut-turut Badang tidak memperoleh ikan. Dia sangat kecewa dan ingin pulang ke rumah. Dalam perjalanan pulang, Badang ternampak sisik-sisik ikan berselerak di tebing sungai. Dia berasa sangat terkejut lalu berkata, "Binatang apa pula yang memakan ikan sebegini rupa?" Badang lalu bersembunyi di sebalik seponon pokok untuk melihat siapakah yang memakan ikan-ikannya.

Pada tengah malam, dia melihat satu lembaga bertubuh besar dan berbulu muncul. Lembaga itu mengeluarkan semua ikan yang ada di dalam bubunya lalu makan dengan gelojoh.

"Oh, kau rupanya yang memakan ikan aku! Aku bunuh kau!" kata Badang.

"Janganlah bunuh aku! Aku boleh jadikan kamu gagah," kata lembaga itu ketakutan. "Kamu akan menjadi gagah jika kamu makan muntah aku."

Badang ragu-ragu namun lembaga itu mengatakan bahawa dia berkata benar. Akhirnya, Badang bersetuju untuk memakan muntah lembaga itu. Selepas itu, Badang betul-betul menjadi gagah. Dia pergi ke sebuah hutan dan mencabut pokok-pokok besar di situ. Sekejap sahaja hutan itu menjadi terang. Berita tentang kegagahan Badang tersebar luas sehingga sampai ke pengetahuan raja. Raja pun melantik Badang menjadi hulubalanganya.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:7)

Kita dapat lihat bahawa watak *Badang* dalam cerita rakyat ada mengisahkan tentang ketokohan yang berlaku pada zaman dahulu. Kisah *Badang* yang dikatakan tiba-tiba kuat adalah disebabkan sesebuah peristiwa yang berlaku terhadapnya. Pada mulanya, Badang hanyalah seorang manusia biasa yang tidak mempunyai kelebihan. Namun kisahnya berubah apabila ia mulai mencurigai kehilangan ikan yang ditangkapnya

sejak tiga hari berturut-turut malahan sisa-sisa ikan bergelimpangan. Disebabkan oleh kecurigaannya itu, *Badang* berhasrat untuk mencari tahu misteri kehilangan ikan hasil tangkapannya. Lalu *Badang* nekad bersembunyi di sebalik pohon untuk mencari tahu siapakah yang membuat onar itu. Hal ini kerana *Badang* mendapati terdapat kelibat Lembaga yang mencuri ikannya akibat kelaparan. *Badang* yang marah itu mengambil keputusan untuk membunuh lembaga tersebut namun dijanjikan bahawa apabila *Badang* memakan muntahnya, *Badang* akan memperoleh kekuatan yang luar biasa. Walaupun ragu pada awalnya, *Badang* tetap mengambil keputusan untuk mencubanya. Hasilnya, *Badang* sememangnya memperoleh kekuatan yang luar biasa sehinggakan mampu mencabut pokok-pokok yang terdapat di hutan itu. Berita tentang kekuatan yang ada pada *Badang* akhirnya sampai pada pengetahuan raja sehingga menjadikan *Badang* sebagai hulubalanganya.

Dapat kita lihat bahawa *Badang* merupakan seorang manusia biasa sahaja pada umumnya. Namun, kehidupan *Badang* seratus peratus berubah disebabkan oleh suatu peristiwa yang terjadi sepanjang hidupnya. Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa tokoh yang dikeluarkan dalam watak *Badang* yang hanyalah seorang manusia biasa tanpa mempunyai kelebihan apapun. Namun, disebabkan oleh kebijaksanaan dalam mencari peluang dan keberanian dalam mencuba sesuatu yang mencabar boleh menjadikan watak *Badang* itu sebagai tokoh. Hal ini dikatakan demikian kerana tokoh penceritaan ini mempunyai strategi yang bijak untuk menangkap pelaku yang telah mencuri hasil tangkapannya. Akhirnya, kebijaksanaan *Badang* dapat merubah kehidupannya yang memperoleh kelebihan dari segi kekuatan sehingga mampu mengangkat kisah *Badang* sebagai sebuah legenda. Untuk makluman legenda *Badang* merupakan individu yang tinggal di Batu Pahat, Johor yang kisah yang benar-benar berlaku pada suatu masa dahulu.

Dapat kita lihat sifat ketokohan yang terdapat dalam diri watak seorang *Badang* ialah memangkin ke arah pengaplikasian pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan moral.

Hal ini kerana pengaplikasian pendekatan moral dikatakan sangat sesuai disebabkan ia berteraskan pengalaman seseorang watak untuk mendapatkan kebolehan yang lebih dari manusia normal. *Badang* dalam mendapatkan kekuatan yang berkait dengan kejadian alam. Dalam hal ini, pengarang mengambil kisah yang benar-benar berlaku dalam konteks masyarakat dan dijadikan sebagai wadah pembacaan. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah kekuatan *Badang* adalah peristiwa yang telah berlaku pada masa dahulu namun terjadinya tokoh tambah dalam penceritaan menyebabkan cerita itu sedikit berubah. Secara keseluruhannya, pengarang mempercayai kisah *Badang* yang mendapat kekuatan ini sememangnya kisah masyarakat yang terjadi suatu masa dahulu dan diceritakan kembali.

Seterusnya, unsur legenda tokoh juga menceritakan tentang kebolehan yang ada seseorang tokoh yang bernama *Puteri Saadong*. Kisahnya dapat dilihat melalui petikan di bawah.

Petikan 3

Raja Kelantan iaitu Cik Siti Wan Kembang menemui buih di tepi kolam. Buih itu rupanya seorang puteri yang sangat sangat cantik. Namanya Puteri Saadong. Cik Siti Wan Kembang pun mengambil puteri itu sebagai anak angkatnya. Apabila puteri dewasa, ia dikahwinkan dengan Raja Abdullah. Mereka berdua kemudian tinggal di daerah Kota.

Kecantikan Puteri Saadong diketahui maharaja Siam. Ia pun menyerang daerah Kota kerana mahukan puteri itu. Berjuanglah Raja Abdullah dan rakyatnya mempertahankan permaisuri dan negeri mereka. Akibatnya, ramai rakyat terkorban. Baginda, permaisuri dan rakyat yang lain terpaksa berpindah ke kota Mahligai.

Di kota Mahligai juga berlaku hal yang sama. Puteri Saadong pun berkata kepada suaminya, "Tuanku benarkanlah hamba mengikut maharaja Siam. Tapi janganlah tuanku dan rakyat bimbang, hamba berjanji akan kembali,"

Berangkatlah Puteri Saadong bersama maharaja Siam ke Siam. Namun selepas beberapa lama, Puteri Saadong tidak juga pulang. Raja Abdullah lalu menikahi anak Penghulu Ngah Jembal. Puteri Rokiah.

Di Siam, maharaja Siam tidak dapat mengahwini Puteri Saadong. Sebaliknya baginda terkena penyakit kedal. Puteri Saadong boleh menyubati penyakit itu tetapi dengan syarat, baginda hendaklah membenarkannya kembali ke Mahligai. Maharaja Siam bersetuju.

Sekembalinya Puteri Saadong ke Mahligai, ia diberitahu bahawa suaminya telah berkahwin semula. Puteri Saadong sangat kecewa lalu membawa diri dan tinggal di Gua Kambing, Bukit Marak. Di sana, ia beribadat mendekati diri kepada Allah.

Puteri Saadong sangat baik. Ia meminjamkan barang-barangnya kepada rakyatnya tetapi, mereka tidak memulangkannya semula. Puteri Saadong

merajuk lalu menuju ke Gunung Ayam di Hulu Kelantan. Semua barang kepunyaan *Puteri Saadong* yang dipinjam rakyat akhirnya bertukar menjadi batu.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:182)

Puteri Saadong boleh dikategorikan sebagai tokoh keagamaan kerana memaparkan kehidupan yang mementingkan agama walaupun setelah diuji dengan ujian yang berat. Kisahnya bermula apabila *Puteri Saadong* yang dikatakan seorang puteri yang indah paras rupanya telah ditemui oleh Cik Siti Wan Kembang. Cik Siti Wan Kembang mengambil keputusan untuk menjadikan *Puteri Saadong* sebagai anak angkatnya. Seiring waktu, apabila menginkat dewasa *Puteri Saadong* mengahwini Raja Abdullah. Namun, maharaja Siam telah menyerang tempat tinggal mereka berdua disebabkan oleh mahu merebut *Puteri Saadong* yang rupawan itu. Akibat daripada penyerangan ini, ramai rakyat yang terkorban akibat mempertahankan *Puteri Saadong* daripada terus jatuh ke tangan maharaja Siam. Sejurus itu, *Puteri Saadong* mengambil keputusan untuk bersama maharaja Siam kembali ke negerinya. Maharaja Siam tidak dapat mengahwini *Puteri Saadong* disebabkan oleh penyakit yang dialaminya namun dengan perjanjian bahawa *Puteri Saadong* dibenarkan kembali ke pangkuan Raja Abdullah jika ia dirawat sehingga sembuh. Namun, *Puteri Saadong* sangat sedih kerana sekembalinya ia kepada Raja Abdullah, baginda mendapati Raja telah berkahwin dengan orang lain. Akibatnya, *Puteri Saadong* sangatlah kecewa dan mengambil keputusan untuk membawa diri ke Gua Kambing yang terletak di Bukit Marak. Di sana, *Puteri Saadong* mendekati diri kepada Allah bahkan membenarkan rakyat meminjam barangannya. Kekecewaan *Puteri Saadong* bertambah apabila barang kepunyaannya tidak dipulangkan kembali. Oleh itu, *Puteri Saadong* merajuk dan membawa diri ke Gunung Ayam yang terletak di Kelantan.

Dapat kita lihat bahawa *Puteri Saadong* merupakan sebuah watak yang sesuai untuk dinobatkan sebagai tokoh pada suatu ketika dahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengalaman dan kehidupan yang dilalui oleh *Puteri Saadong* bukanlah semudah yang

disangka walaupun berasal dari seorang yang mempunyai nama. Dalam hal ini, *Puteri Saadong* dikatakan seorang yang meninggalkan impak seperti nama dan kisah yang menyayat hati sehingga ia dikenali sehingga kini. Tambahan lagi, sikap tolong menolong yang ada pada diri *Puteri Saadong* seperti merelakan hati untuk membantu dalam menyembuhkan penyakit musuhnya serta seorang yang berpegang kepada janji seharusnya mendapat pujian. Namun, *Puteri Saadong* sangatlah hampa kerana usahanya yang langsung tidak dihargai membuatkan dia membawa diri ke tempat yang lebih jauh. Walaupun begitu, sikap *Puteri Saadong* yang layak digelar tokoh keagamaan boleh dipuji kerana disebalik ujian yang menimpa, beliau sentiasa mengutamakan Allah SWT dalam setiap apa yang dilakukannya. Dalam hal ini, berdasarkan Kamus Dewan (2007), tokoh keagamaan ataupun sinonimnya agamawan diertikan sebagai orang yang mempunyai ketaatan, pegangan dan ajaran agama Islam yang kuat dijadikan sebagai pegangan hidup.

Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa pengkaedahan keagamaan iaitu pendekatan dakwah sesuai untuk diaplikasikan dalam teks ini. Hal ini dikatakan demikian kerana watak tokoh *Puteri Saadong* dilihat lebih mengutamakan PenciptaNya dalam setiap perkara yang dijalani dalam hidupnya. Selain itu, watak tokoh juga dilihat mengangkat Kebesaran dan Keagungan Allah SWT. Dalam hal ini, kita dapat melihat bahawa walaupun seseorang itu diuji dengan berat sekali, dia tidak pernah patah semangat dan menjauhi Sang Pencipta sebaliknya semakin mendekatkan diri kepada Allah SWT. Buktinya, pengarang mencuba untuk mengetengahkan nilai ketaqwaan yang ada pada diri seseorang. Selain mendapat pengetahuan baru dari kisah ini, pengarang juga ingin mengetengahkan sikap-sikap yang harus dicontohi oleh semua golongan masyarakat. Secara tidak langsung, kita dapat memberikan pelajaran kepada semua golongan masyarakat bahawa ujian bukanlah tanda Allah tidak sayang tetapi itulah cara untuk mendekatkan diri kepada Yang Maha Esa.

Dalam hal ini, unsur legenda tokoh boleh diklasifikasikan sebagai tokoh yang menceritakan tentang keistimewaan sesuatu dari segi rupa paras, kebijaksanaan, kekuatan, keperibadian dan sebagainya. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur legenda tokoh ini menjelaskan dengan lebih mendalam tentang setiap tokoh yang diketengahkan dalam teks cerita rakyat merupakan tokoh yang mempunyai kuasa yang di luar kemampuan kalangan masyarakat biasa pada umumnya. Tambahan lagi, tokoh-tokoh yang terdapat dalam teks cerita rakyat ini terdiri dari masyarakat yang terlahir sebagai rakyat biasa sahaja. Sifat tokoh-tokoh ini diperlihatkan mempunyai sifat kepahlawanan sehingga kisah mereka diangkat sebagai Sejarah dan masih menjadi bualan sehingga kini. Namun, dapat kita lihat bahawa alur cerita yang mengisahkan unsur legenda tokoh merupakan hasil campuran dari fantasi dan unsur Sejarah yang ada. Buktinya, pelbagai legenda yang mengaitkan ketokohan dibukukan dan mempunyai tokoh tambah untuk dijadikan sebagai bahan bacaan yang harus diketahui oleh segenap golongan masyarakat. Pada umumnya, perwatakan mereka seringkali mendapat pujian dan diketahui sehingga ke hari ini.

Dengan ini, keistimewaan yang ada pada tokoh ini seharusnya dipandang dengan sudut yang positif melalui sifat-sifat yang ingin diketengahkan dalam sesebuah penceritaan serta dijadikan sebagai pengajaran hidup. Oleh itu, setiap golongan masyarakat haruslah melihat dan mengamalkan sifat-sifat yang ada pada seseorang yang layak digelar sebagai tokoh. Sebagai contohnya, seseorang yang digelar tokoh telah melakukan pengorbanan, mempunyai keperibadian yang baik. Hal ini dikatakan demikian kerana sifat-sifat yang ada pada diri tokoh dan seharusnya dicontohi ini sememangnya akan mendatangkan impak yang baik pada diri sendiri dan masyarakat. Dengan ini, Teori Pengkaedahan Melayu dipilih kerana unsur legenda ini adalah berkaitan dengan kepercayaan masyarakat pada zaman dahulu tentang apa yang berlaku sehingga meninggalkan kesan pada hari ini.

4.3 Unsur Legenda Amanat

Dapat kita lihat bahawa amanat sering kali disampaikan oleh seseorang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi. Hal ini dikatakan demikian kerana amanat boleh ditakrifkan sebagai sebuah pesanan yang berbentuk nasihat iaitu pesanan moral dari generasi dahulu ke generasi akan datang. Hal ini kerana pesanan amanat yang disampaikan adalah bertujuan untuk sesebuah masyarakat itu mengambil iktibar dan berubah menjadi insan yang mempunyai pekerti yang lebih baik. Tambahan lagi, amanat juga boleh disama ertikan dengan wasiat kerana ia menjadi tanggungjawab untuk disampaikan kepada golongan tertentu. Pada pandangan Rusiana (1982) yang mentakrifkan bahawa amanat merupakan suatu bentuk ajaran moral ataupun sebuah pesanan yang harus disampaikan. Selain itu, menurut *Kamus Dewan* (2007), amanat didefinisikan sebagai sebuah kepercayaan yang diserahkan dari individu kepada individu yang lain. Jadi, dapat kita lihat bahawa amanat bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan apabila telah dipertanggungjawabkan untuk menyampaikannya. Dalam erti kata lain, sudah menjadi tanggungjawab untuk menyampaikan amanah ini.

Dalam hal ini, amanat boleh diketengahkan kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk pada umumnya, hal ini dikatakan demikian kerana setiap amanat yang ingin disampaikan boleh dilakukan melalui bentuk kiasan, umum dan berbentuk subjektif. Namun, amanat bukanlah hanya boleh disampaikan dalam bentuk ucapan secara bersemuka sahaja kerana ia boleh disampaikan dengan pelbagai cara pada umumnya. Sebagai contohnya, amanat ini boleh disampaikan dalam bentuk pembacaan seperti cerita pendek, cerpen, novel dan cerita rakyat. Hal ini bertepatan dengan usaha pengarang untuk mengetengahkan sesuatu pengetahuan itu kepada golongan lain. Bukan itu sahaja, amanat juga boleh disampaikan melalui tontonan sesebuah cerita seperti drama dan teater. Dengan ini, pelbagai pesanan yang ingin disampaikan akan dapat diluahkan dengan baik kepada golongan pembaca dan penonton.

Kita dapat melihat dengan lebih mendalam berkaitan dengan unsur legenda amanat yang disampaikan dalam bentuk cerita rakyat yang berjudul *Bawang Putih Bawang Merah, Tuhan Maha Adil dan Nasi Menjadi Bunga*. Petikan di bawah menunjukkan petikan yang terdapat dalam cerita rakyat yang bertajuk *Bawang Putih Bawang Merah*.

Petikan 4

Pada suatu hari Bawang Putih bermain buaian. Seorang Putera Raja yang sedang berburu terpegun mendengar suara Bawang Putih yang sangat merdu. Putera dan pengiringnya mengekori Bawang Putih pulang. Di rumah, baginda menyuruh Mak Kundur membawa anak gadis bersuara merdu itu ke hutan esok. Baginda akan menunggu mereka di sana. Setelah Putera itu beredar, Mak Kundur memaksa Bawang Putih menunjukkan tempat buaian itu. Putera dan pengiringnya sudah sedia menunggu. Apabila Bawang Merah menyanyi, suaranya kedengaran sangat aneh. "Kamu telah menipu beta ya? Beta akan hukum kamu berdua sekarang juga!". "Maafkan mak cik, gadis itu sebenarnya ialah anak tiri mak cik yang bernama Bawang Putih. Sekarang dia ada di rumah". Kata Mak Kundur.

Bawang Putih pun dipanggil lalu disuruh duduk di atas buai dan menyanyi. Bawang Putih menyanyi merdu sekali. Putera berasa sangat gembira.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:20)

Cerita rakyat yang bertajuk *Bawang Putih Bawang Merah* menceritakan tentang amanat yang ingin disampaikan. Bawang Putih merupakan anak tiri kepada ibu Bawang Merah iaitu Mak Kundur. Bawang Putih merupakan seorang anak yang dilayan secara tidak adil disebabkan oleh gelaran anak tiri. Hal ini menyebabkan Bawang Putih gemar untuk pergi ke hutan dan menyanyi untuk menghilangkan kesunyian yang dialami. Namun, nyanyian Bawang Putih yang merdu telah menarik perhatian seorang Putera raja. Akhirnya, Raja mengikuti Bawang Putih pulang secara bersembunyi dan bertemu dengan Mak Kundur. Mak Kundur diminta untuk membawakan Bawang Putih keesokan harinya namun akibat ketamakan Mak Kundur, dia telah membawakan Bawang Merah untuk menyanyi seperti Bawang Putih. Hal ini telah mengundang kemarahan Putera raja kerana nyanyiannya tidak merdu dan kedengaran aneh. Pada akhirnya, Mak Kundur jujur akan pembohongannya dan membawakan Bawang Putih kepada Putera raja.

Dapat dilihat bahawa panglipurlara ingin mengetengahkan amanat yang terdapat dalam Kisah *Bawang Putih Bawang Merah* kepada khalayak umum seperti masyarakat pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat dilihat bahawa perbezaan taraf sosial dan keturunan seringkali menjadi asbab bagaimana seseorang itu selayaknya dilayani. Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa kehidupan watak yang dibawa oleh Bawang Putih sangatlah menyayat hati disebabkan oleh gelaran anak tiri berbanding anak kandung sendiri iaitu Bawang Merah. Dapat kita lihat bahawa Bawang Putih seringkali dilayan dengan layanan yang tidak sepatutnya dan adil. Layanan yang diberikan oleh ibunya terhadap Bawang Putih dan Bawang Merah sangatlah mempunyai perbezaan yang ketara. Justeru itu, amanat yang ditinggalkan dapat dilihat bahawa kita seharusnya menerapkan dalam diri bahawa setiap masyarakat layak diperlakukan sama rata dan dilayan dengan adil walaupun terlahir dari golongan yang mempunyai perbezaan sosial.

Dalam hal ini, kebejatan masalah yang dihadapi oleh kisah *Bawang Putih dan Bawang Merah* seharusnya dipandang tinggi. Berdasarkan masalah yang dikemukakan oleh kisah di atas memperlihatkan bahawa pendekatan kemasyarakatan sangatlah sesuai untuk diaplikasikan untuk mendapatkan analisis yang sistematik. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan kemasyarakatan ini adalah bertujuan untuk mengeluarkan isu tentang keadilan yang seharusnya diterima oleh setiap golongan masyarakat walaupun terlahir sebagai hieraki yang berbeza. Oleh itu, pengarang mengeluarkan masalah kebejatan sehingga mewujudkan layanan tidak adil terhadap segelintir golongan yang berlaku adalah merupakan amanat yang ingin disampaikan kepada khalayak pembaca. Tambahan lagi, kisah ini adalah bertujuan untuk memperlihatkan kepada masyarakat tentang sebab dan akibat yang bakal diterima apabila seseorang itu tidak dilayan seadilnya. Dapat kita lihat bahawa setiap cerita rakyat mempunyai peranan yang tersendiri dalam menyampaikan pesanan yang penuh dengan moral kepada golongan pembaca.

Cerita rakyat yang berjudul *Tuhan Maha Adil* juga turut mempunyai pesanan amanat yang ingin disampaikan kepada khalayak. Berikut merupakan petikan berkaitan dengan unsur legenda amanat yang terdapat dalam cerita *Tuhan Maha Adil*.

Petikan 5

Suatu hari, Lela berjalan-jalan dan melihat sebatang pokok labu. Buahnya sangat besar tetapi batangnya kecil. “Tuhan tidak adil!. Adakah patut batang pokok Labu yang sebesar jari itu, buahnya sebesar buyung?” rungut Lela.

Kemudian dia terus berjalan sehingga tiba di bawah pokok Keranji. Lela bersandar pada perdu pokok itu lalu merungut lagi, “Memang Tuhan tidak adil, adakah patut Keranji besar begini buahnya kecil?”.

Tiba-tiba sebiji buah Keranji jatuh di atas kepala Lela. Sambal mengusap kepalanya, Lela berkata “Mujur buah Keranji ini kecil. Jika sebesar Labu, habislah kepalaku pecah!”.

Ketika itu barulah Lela sedar bahawa Tuhan Maha Adil. Setiap yang dijadikan ada hikmahnya. Lela Insaf dan berjanji untuk membaiki hidupnya. Sejak itu, Lela tidak lagi malas bekerja.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:152)

Berdasarkan kisah *Tuhan Tidak adil* yang terdapat dalam cerita rakyat di atas, ianya merupakan kisah seorang watak utama iaitu Lela yang sering mempersoalkan ciptaan Sang Ilahi. Hal ini disebabkan oleh kekurangan yang dihadapi olehnya iaitu hidup dalam kemiskinan menjadikan perspektifnya iaitu *Tuhan Tidak Adil*. Dapat kita lihat bahawa Lela seringkali mengutuk dan mempersoalkan setiap ciptaan yang Maha Berkuasa. Sebagai contohnya, mempersoalkan dan meragui mengapa batang pokok yang kecil berbuah besar tetapi batang pokok yang besar pula berbuah kecil. Namun, perspektifnya mulai berubah dan tidak lagi mempersoalkan kejadian Tuhan apabila buah keranji jatuh ke kepalanya. Dia bersyukur bahawa buah keranji yang berada di pohon yang besar itu berukuran kecil sahaja kerana jikalau buah tersebut mempunyai ukuran yang besar kemungkinan kepalanya akan pecah. Semenjak kejadian itu, Lela berubah menjadi lebih baik dan tidak lagi mempersoalkan setiap ciptaan Tuhan yang telah ditetapkan.

Berdasarkan kisah *Tuhan Maha Adil* yang terdapat dalam teks cerita rakyat, ianya dapat membuka mata masyarakat yang sering mempersoalkan kehidupan mereka. Kisah yang dilihat menunjukkan bahawa Lela seringkali mempersoalkan dan sering

tidak berpuas hati tentang ciptaan yang telah ditetapkan oleh Yang Maha Berkuasa. Sudah terang lagi bersuluh bahawa setiap ketetapan yang berlaku terhadap kehidupan dan persekitaran sudah pasti mempunyai sebab yang tersendiri kerana Allah lebih mengetahui setiap sesuatu. Hal ini kerana bukan menjadi tugas kita dalam mempersoalkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Justeru itu, dapat dilihat bahawa sebuah perkataan Tuhan tidak adil seharusnya tidak terluah dari mulut kerana setiap yang berlaku semestinya mempunyai hikmah sebaliknya. Tidak hanya itu, kita sebagai hambaNya haruslah percaya dan yakin bahawa Allah SWT adalah sebaik-baik Pencipta.

Sehubungan dengan itu, dapat dilihat bahawa pendekatan dakwah merupakan satu pengaplikasian yang sangat sesuai untuk digunakan terhadap kisah yang dikemukakan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap yang berlaku mempunyai asbab sebaliknya. Sebagai umatNya, seseorang tidak layak bahkan tidak mempunyai hak untuk mempersoalkannya. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa pengarang sangatlah menekankan tentang kebesaran dan keagungan Allah SWT. Kisah yang diceritakan ini sesuai untuk dijadikan sebagai wadah pembelajaran dan akhirnya membuka mata masyarakat tentang asbab dan sebab tentang sesuatu perkara itu berlaku. Tambahan lagi, kisah yang terjadi dalam teks *Tuhan Tidak Adil* mampu menjelaskan dengan lebih mendalam bahawa setiap apa yang terjadi dalam kehidupan ini adalah bertujuan untuk menuntut masyarakat menyelami serta melihat setiap keagungan yang ada pada Sang Maha Pencipta. Oleh itu, keraguan dan ketidakyakinan seharusnya tidak timbul dalam diri setiap umatNya.

Amanat yang seterusnya yang ingin disampaikan oleh masyarakat dahulu adalah larangan untuk melakukan pembaziran. Unsur legenda amanat ini disampaikan melalui cerita rakyat yang bertajuk *Nasi Menjadi Bunga*.

Petikan 6

Pada suatu masa dahulu, ada seorang wanita tua. Dia tinggal bersama dengan cucu perempuannya. Bagi menyara hidup dia dan cucunya, wanita tua itu

bekerja menjual kuih-muih. Suatu hari ketika dia sedang sibuk menjaja kuih, dia terdengar suara tangisan. Dia pun mencari mana datasnya suara tangisan itu sehinggalah tiba di belakang sebuah rumah di rumah itu didapat nasi yang bertaburan di atas tanah. Rupa-rupanya nasi itulah yang sedang menangis.

Maka, wanita tua dan cucunya memungut nasi yang bertaburan itu dan dikarang menjadi bunga. Bau bunga itu harum semerbak. Keesokan harinya, apabila dibawa ke pekan ramai yang tertarik untuk membelinya.

Wanita tua itu hendak mempersembahkan bunga daripada nasi itu kepada raja lalu dia pun ke istana. Sampainya di pintu istana, dia diperiksa dari pengawal. Apa yang didapati pengawal hanyalah nasi yang telah basi lalu dilemparkan ke tanah.

Pada masa yang sama tuan puteri sedang berada di taman. Tuan puteri terhidu bau yang sangat harum. Tuan puteri mencari-cari mana datangnya bau itu, namun tidak ditemukan. Rindunya tuan puteri terhadap bau harum itu sehingga tuan puteri jatuh sakit.

Raja sangat masygul. Baginda berjanji akan mencari bau harum itu untuk anakandanya baginda pun berkelana sehingga baginda tiba di rumah wanita tua itu. Raja sungguh terkejut apabila melihat cucu wanita tua itu mengarang nasi menjadi bunga. Maka raja tahu dari mana datangnya bau yang harum itu.

Wanita tua itu pun menceritakan semuanya kepada raja. Wanita tua dan cucunya dibawa tinggal di istana bersama-sama raja. Tuan puteri pun kembali sihat setelah terhidu bau bunga yang harum itu. Demikianlah sehingga sekarang orang-orang tua sering mengendahkan agar tidak tidak menumpahkan nasi dan membiarkan nasi bertabur-tabur.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:208)

Kisah ini bermula apabila terdapat keluarga yang miskin menjadikan mereka terpaksa membuat dan menjual kuih muih demi kelangsungan hidup. Namun, ketika sedang leka menjual kuih, dia terdengar suara tangisan yang datang dari belakang rumah yang tidak dikenali. Apa yang mengejutkan ialah suara tangisan itu tidak datang dari manusia sebaliknya nasi yang bertaburan. Tidak menunggu lama, mereka pun mengutip dan mengarang nasi-nasi tersebut menjadi bunga. Bunga-bunga hasil karangan menggunakan nasi itu mengeluarkan bau yang sangat harum sehinggakan ramai yang membelinya. Oleh kerana itu, mereka pun cuba ke istana untuk menjualnya kepada raja namun dilarang oleh penjaga istana kerana ia mengira itu hanyalah nasi yang basi. Namun, haruman karangan bunga nasi itu telah menjengah ke rongga hidung Tuan Puteri yang kebetulan sedang bersantai di taman. Tuan Puteri akhirnya jatuh sakit disebabkan oleh ingin mencium lagi haruman bunga nasi tersebut. Dengan ini, raja akhirnya membuat keputusan untuk mencari dimana letaknya rumah wanita itu

untuk diberikan kepada Tuan Puteri. Akhirnya, mereka dibawa tinggal di istana dan penyakit Tuan puteri sembuh seperti sediakala.

Kita sedia maklum bahawa setiap masyarakat seringkali melakukan pembaziran tidak kiralah dari segi pemakanan, barangan dan sebagainya. Kisah tentang *Nasi Menjadi Bunga* yang terdapat dalam teks cerita rakyat merupakan teks yang sesuai untuk digunakan sebagai unsur legenda amanat. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat amanat yang ingin disampaikan kepada golongan masyarakat tentang sebab dan akibat sekiranya seseorang itu melakukan pembaziran secara berterusan. Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa kisah nasi yang menangis disebabkan perangai segelintir masyarakat yang sering membazir. Dengan ini, kisah ini juga dapat memberi kesedaran bagi mereka yang masih tidak sedar terhadap kesan negatif sekiranya pembaziran ini berlaku.

Sehubungan dengan itu, kita dapat lihat bahawa pendekatan moral merupakan sebuah pendekatan yang sesuai untuk digunakan dalam menghuraikan unsur legenda amanat ini dengan lebih sistematik. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa pengarang memasukkan elemen pengalaman yang mungkin terjadi terhadap diri sendiri dan masyarakat sekeliling terhadap sesuatu karya. Tambahan lagi, amalan pembaziran dapat dilihat telah berlaku terhadap segenap masyarakat pada hari ini. Hal ini tidak lain tidak bukan adalah bertujuan untuk memberikan pengajaran dan pembelajaran kepada golongan pembaca. Dengan ini, kita dapat lihat bahawa pengarang merupakan masyarakat yang peka terhadap masalah yang berlaku di sekelilingnya. Dengan ini, amanat tentang mengelakkan melakukan pembaziran dapat disampaikan melalui teks cerita rakyat *Nasi Menjadi Bunga*.

Dengan ini, sudah terang lagi bersuluh bahawa setiap amanat yang telah disampaikan oleh masyarakat pada zaman dahulu seharusnya dipandang tinggi dan diambil sebagai ikhtibar dalam hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat pada zaman

dahulu lebih mengetahui akan akibat dan impak yang bakal berlaku sekiranya setiap amanat yang disampaikan ini dilanggar dan dipandang remeh. Tambahan lagi, sebuah frasa dimana orang yang lebih berusia dan pada zaman dahulu 'lebih makan garam' iaitu lebih mempunyai pengetahuan serta berpengalaman luas sememangnya wajar digunakan kerana setiap dari mereka telah melaluinya. Secara umumnya, dapat dilihat amanat yang disampaikan ini tidak lain tidak bukan adalah sebuah pengharapan daripada masyarakat dahulu agar tidak mengulangi kesilapan yang sama.



4.4 Unsur Legenda Asal Usul Tempat

Kita sedia maklum bahawa asal usul merupakan tonggak utama dalam pembentukan sesuatu. Hal ini bertepatan dengan permulaan pertama bagaimana sesuatu itu terwujud. Dalam hal ini, asal usul tempat merujuk kepada bagaimana sesuatu kejadian itu terjadi sehingga meninggalkan kesan sehingga ke hari ini terutamanya bagaimana sesebuah nama tempat itu dibangunkan. Ianya bertepatan dengan bagaimana sesuatu kisah itu tercipta dan mulai berkembang sehingga diketahui umum. Begitu juga yang ditakrifkan dalam Kamus Dewan (2007) yang menyatakan bahawa asal-usul merupakan salasilah asal terwujudnya sesebuah perkara. Dalam erti kata lain, asal usul tempat ini mengaitkan tentang cerita di sebalik terwujudnya nama tempat tersebut. Hal ini dapat dilihat dari cerita rakyat legenda yang berkaitan dengan asal usul.

Unsur legenda asal usul bagi sesuatu tempat dapat dilihat dalam teks yang berjudul *Seri Menanti*. Kisah ini menunjukkan dengan lebih mendalam tentang bagaimana sesuatu tempat itu boleh tercipta dan kekal sehingga ke hari ini.

Petikan 7

Datuk Lela merupakan pembesar Minangkabau. Suatu hari, dia mahu mengembara. Pengembaraannya disertai oleh anaknya, seorang rakan anaknya, dua orang lelaki dari Tanah Melayu dan dua orang lelaki dari perkampungan Tok Batin. Mereka mengembara sehingga tiba di sebuah rumah yang terletak di hujung kampung. Rumah itu milik seorang wanita bernama Seri. Datuk Lela lalu memperkenalkan diri dan memberitahu tujuan perjalanan mereka. Sebagai tuan rumah, Seri mempelawa mereka bermalam di rumahnya. Keesokan pagi, ketujuh-tujuh pengembara mengucapkan terima kasih kepada Seri lalu meneruskan semula perjalanan. Di pertengahan jalan, Datuk Lela memberitahu dia tertinggal pedang di rumah Seri lalu berpatah balik. Apabila menemui Seri, Datuk Lela berkata.

“Sudikah puan menjadi isteri hamba?”

“Tidak boleh. Hamba menanti kepulangan suami hamba,” balas Seri.

Datuk Lela kecewa lalu beransur pergi. Perkara yang sama dilakukan oleh enam orang sahabatnya. Tetapi Seri tetap memberikan jawapan yang sama. Mereka kemudiannya meneruskan perjalanan sehingga tiba di persisiran pantai.

Di persisiran pantai, sekumpulan burung camar mengelilingi gumpalan buih. Datuk Lela lantas membelah gumpalan buih itu dengan pedangnya. Tiba-tiba muncul seorang lelaki kacak. Lelaki itu adalah putera raja yang mahu menemui isterinya, Seri. Datuk Lela dan sahabat-sahabatnya membawa putera itu ke rumah Seri. Seri yang telah menanti sekian lama sangat gembira apabila

melihat suaminya. Kini, mereka dapat hidup bersama. Tempat itu kemudian dinamakan Seri Menanti.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:26)

Kisah bagi legenda *Seri Menanti* ini bermula apabila pengembaraan yang dilakukan oleh pembesar Minangkabau iaitu Datuk Lela bersama pengikutnya termasuklah Tok Batin. Pengembaraan mereka terhenti apabila mereka tiba di sebuah rumah yang terletak di hujung kampung yang dimiliki oleh Seri. Setelah diberi tahu tentang tujuannya, akhirnya Seri menjemput Datuk Lela beserta pengikutnya naik ke rumahnya untuk bermalam. Keesokan harinya, usai mengucapkan terima kasih kepada tuan rumah, mereka meneruskan perjalanan ke tempat yang ingin dituju. Namun, di pertengahan jalan, Datuk Lela berpatah balik ke tempat Seri tinggal atas alasan tertinggal pedang. Niatnya adalah untuk menyunting Seri sebagai isterinya. Oleh disebabkan Seri yang setia menanti kepulangan suaminya, permintaan Datuk Lela ditolak mentah-mentah. Hal ini tidak hanya dilakukan oleh Datuk Lela sahaja bahkan pengikutnya turut sama, namun jawapan yang diterima tetap sama sahaja. Penungguan Seri membuahkan hasil apabila suami yang ditunggu akhirnya pulang ke pangkuan. Hal ini telah mewujudkan tempat yang bernama *Seri Menanti*.

Dapat kita lihat bahawa penciptaan sesebuah tempat semestinya mempunyai Sejarah di sebaliknya. Hal ini dikatakan demikian kerana *Seri Menanti* yang kini terletak di Negeri Sembilan mempunyai pemilik iaitu seorang wanita pada suatu ketika dahulu. Wanita itu pada umumnya dikenali sebagai Seri merupakan orang yang sangat setia dalam penungguan. Kesetiaan yang ada pada Seri boleh dipuji kerana ia akhirnya menolak dengan baik semua permintaan-permintaan mereka yang ingin menjadikannya sebagai isteri. Penungguan si isteri terhadap suaminya yang dinanti dengan penuh kesetiaan tidaklah mendatangkan sia-sia kerana pada akhirnya sang suami pulang ke pangkuannya. Namun, Seri juga layak mendapat pujian kerana bijak melayani tetamu yang hadir ke tempatnya. Dalam hal ini, kita dapat melihat bahawa Seri yang mempunyai kesantunan dalam melayan tetamu serta tidak menolak apabila

rumahnya didatangi tetamu. Seri memperlakukan para tetamunya dengan baik dan sopan sekali sehingga ada yang berminat untuk menjadikannya sebagai isteri.

Justeru itu, kisah penceritaan yang terdapat dalam teks cerita rakyat *Seri Menanti* sesuai untuk mengaplikasikan pendekatan kemasyarakatan. Pendekatan kemasyarakatan ini dilihat sesuai untuk diaplikasikan kerana pengarang telah berjaya untuk mengeluarkan beberapa kebaikan yang ada dalam diri masyarakat dan seharusnya diamalkan dalam menjalani kehidupan harian. Hal ini dikatakan demikian kerana penceritaan di atas menunjukkan bahawa watak utama mempunyai budi bahasa dan sopan santun yang tinggi dalam melayani tetamu. Dapat dilihat bahawa watak telah memperlakukan tetamu sama seperti yang dituntut dalam agama Islam. Tambahan lagi, kisah ini juga dapat memberikan impak yang positif kepada golongan pembaca kerana ia dapat memberikan pembelajaran yang baharu tentang bagaimana cara yang sepatutnya dalam melayani tetamu yang datang berkunjung ke rumah.

Seterusnya, unsur legenda asal usul bagi permulaan awalnya sesuatu tempat juga dapat dilihat dalam teks cerita rakyat yang bertajuk *Kampung Rembau*.

Petikan 8

Dahulu, manusia gemar mengembara dan meneroka kawasan baharu. Di Negeri Sembilan, ada sebuah kampung kecil yang terletak di Gunung Datuk. Terdapat sekumpulan pemuda yang ingin mengembara. Mereka sepakat untuk turun dari gunung tersebut.

Pelbagai rintangan dan cabaran yang dilalui namun mereka berjaya mengatasinya. Akhirnya mereka tiba di sebuah kawasan yang rata. Batin yang merupakan ketua mereka mengajak untuk berehat di situ.

Ketika sedang berehat, mereka terpandang sebatang pokok kayu merbau yang tinggi dan kuat. Batin mencadangkan agar mereka menebang pokok itu dan dijadikan sebagai negeri di situ. Mereka pun mula berganding bahu menebang pokok merbau itu. Namun pokok itu tetap kukuh di situ. Akhirnya, mereka berdoa memohon pertolongan Yang Maha Berkuasa.

Dengan kehendak-Nya, pokok itu tumbang juga. Kemudian, Kawasan yang rata itu dibina negeri. Mereka menamakan kampung itu Kampung Merbau Tua. Lama-kelamaan, kampung itu bertukar menjadi Kampung Rembau.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:19)

Kisah *Kampung Rembau* menceritakan dengan lebih mendalam bagaimana nama tersebut digunakan sehingga kini. Untuk makluman, Merbau pada awalnya merupakan

nama sebuah pokok yang digunakan sebagai nama tempat sehingga ke hari ini. Kisahnya bermula apabila pada zaman dahulu pengembaraan dan penerokaan kawasan baharu sudah menjadi sesuatu yang harus. Setelah melalui pelbagai rintangan dan cabaran sepanjang penerokaan hutan, ketua mereka iaitu Batin mengambil keputusan untuk berehat. Ketika duduk beristirahat, mereka semua terpandang pokok kayu Merbau yang sangat tinggi dan besar sehinggakan walaupun ditebang secara beramai-ramai ia tetap kukuh di tempat. Namun berkat pertolongan yang Maha Berkuasa, pokok itu akhirnya tumbang jua. Dengan ini, kawasan yang bertempat di Negeri Sembilan itu dinamakan Kampung Merbau Tua namun kini ia bertukar sebagai *Kampung Rembau* yang terletak di Negeri Sembilan.

Berdasarkan kisah penceritaan di atas, kita dapat lihat bahawa mereka seringkali mengutamakan Allah SWT dalam setiap perkara yang dilakukan. Buktinya, dalam menghadapi kesusahan dan kepenatan juga mereka sempat meminta pertolongan dari Yang Maha Berkuasa kerana mereka yakin bahawa Allah SWT adalah sebaik-baik penolong yang akan membantu dikala kesusahan. Tambahan lagi, mereka telah meletakkan keyakinan yang tinggi terhadap Maha Pencipta. Hal ini menunjukkan bahawa mereka meletakkan sepenuh-penuhnya keyakinan bahawa Allah SWT tidak akan meninggalkan hambanya yang berada di dalam kesusahan. Jadi, dapat kita lihat bahawa mereka sangatlah yakin bahawa permintaan mereka akan dikabulkan bahkan mereka mendapat lebih dari apa yang telah mereka minta.

Sehubungan dengan itu, pendekatan dakwah merupakan satu pendekatan yang sesuai digunakan dengan kisah teks cerita rakyat ini untuk menjalankan analisis dengan lebih mendalam. Dalam hal ini, dapat dilihat bahawa pengarang ingin menunjukkan tentang masyarakat yang mengutamakan Allah SWT dalam setiap yang telah mereka lakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah penceritaan awal bagaimana *Kampung Rembau* tercipta nama ada menunjukkan mempunyai elemen-elemen dimana mereka sangat mendahulukan Allah SWT dalam setiap perkara.

Sebagai contohnya, mereka berdoa memohon pertolongan di atas setiap kesulitan yang dihadapi. Secara tidak langsung ia dapat menjadi medium yang dapat memberikan pengajaran bahawa Allah itu adalah sebaik-baik penolong di atas kesulitan dan kepayahan yang dialami. Dengan ini, kita dapat meningkatkan keimanan dan percaya bahawa Allah SWT akan selalu membantu umatNya yang ada dalam kesusahan hidup.

Seterusnya, petikan teks yang menunjukkan legenda asal usul tempat ini telah dipetik dari cerita rakyat yang berjudul *Asal Usul Nama Bota*. Dalam hal ini, Bota Kanan dan Bota Kiri merupakan sebuah tempat yang mempunyai kisah disebalik kewujudannya.

Petikan 9

Dahulu, ada seekor binatang yang sungguh besar. Penduduk kampung menggelarnya Hantu Bota. Sebelah kakinya diletakkan di tebing kiri sungai manakala sebelah kakinya lagi diletakkan di tebing kanan Sungai. Ekornya pula Panjang sampai ke hulu sungai.

Suatu hari, Hantu Bota jatuh sakit. Badannya menjadi lemah dan dia tidak berdaya untuk bergerak. Akhirnya, Hantu Bota pun mati. Selepas itu, penduduk kampung menamakan Bota Kanan dan Bota Kiri yang terletak di tebing Sungai Perak bersempena dengan kaki kanan dan kiri Hantu Bota. Sehingga kini, kedua-dua tempat ini masih wujud.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:74)

Asal-usul terjadinya nama Bota ini adalah disebabkan oleh seekor binatang yang mempunyai ukuran yang besar serta berbeza dari haiwan-haiwan yang lain. Binatang ini digelar sebagai hantu Bota disebabkan oleh ukuran yang besarnya itu membawa kepada kaki kanan dari kirinya masing-masing terletak di tebing sungai kiri dan kanan. Namun, tidak lama kemudian, hantu Bota ini jatuh sakit dan mati di tempat tersebut. Hal ini telah menjadikan penduduk tersebut menamakan tempat itu sebagai Bota Kiri dan Bota Kanan yang berada di tebing Sungai Perak disebabkan kaki haiwan Bota ini yang merupakan di kedua-dua tempat tersebut.

Untuk makluman, masyarakat percaya akan kewujudan Bota iaitu menjadi nama bagi tebing Sungai Perak pada zaman dahulu. Bota merupakan sejenis haiwan yang sangat besar ukurannya. Pada umumnya, mitos ada mengatakan bahawa haiwan Bota ini

merupakan haiwan yang aneh kerana lebih gemar memakan kanak-kanak menjadikan ianya dipanggil sebagai hantu Bota. Kelebaran tubuhnya dikatakan sangatlah berbeza dengan ukuran tubuh manusia pada umumnya. Hal ini membuatkan kakinya mampu diletakkan di kanan dan kiri sungai dan akhirnya dinamakan sebagai Bota Kanan dan Bota Kiri selepas kematiannya.

Dengan ini, dapat dilihat bahawa penggunaan pendekatan gunaan sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam menganalisis cerita rakyat yang berkisahkan asal usul yang menjadikan nama Bota Kanan dan Bota Kiri yang terdapat di tebing sungai Perak terwujud. Dalam hal ini, kita dapat melihat bahawa pengarang ada mengaitkan unsur alam dengan manusia dalam cerita tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa perkaitan antara unsur alam dengan kehidupan sangatlah berkait rapat. Sebagai contohnya, kisah asal usul ini menyelitkan tentang unsur alam seperti binatang dan sungai yang menjadi asbab terciptanya nama yang masih digunapakai sehingga kini.

Dapat kita lihat bahawa asal usul *Pulau Tioman* juga dapat diklasifikasikan melalui legenda asal usul tempat. Petikan yang mengaitkan tentang asal usul tempat yang seterusnya berjudul *Asal Usul Pulau Tioman*.

Petikan 10

Kononnya dahulu di dalam Laut Cina Selatan, tinggal Puteri Naga dan suaminya. Suatu hari, Puteri Naga dan suaminya berenang ke arah seberang laut. Dalam perjalanan, Puteri Naga teringat akan selendangnya lalu berkata, "Kanda, selendang adinda tertinggal. Kanda tunggu adinda di sini. Adinda mahu mengambil selendang Adinda".

Puteri Naga pun berenang semula ke utara laut. Ia berenang dengan laju kerana tidak mahu suaminya menunggu lama. Setelah menyambar selendangnya, dia pun berenang ke arah sekatan tempat suaminya. Apabila tiba, ia tidak menjumpai suaminya. Puas sudah dia berenang di sekitar itu, namun tetap juga tidak menjumpai suaminya.

Setelah menunggu beberapa lama di situ, Puteri Naga berubah menjadi sebuah Pulau. Di pulau itu ada seekor burung tiom. Burung itu sering menyanyikan kisah sedih Puteri Naga agar orang ramai tidak melupakan kisahnya. Akhirnya, pulau itu dinamakan Pulau Tioman dan bentuknya seperti seekor naga tidur.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023: 79)

Kisah terwujudnya nama *Pulau Tioman* apabila masyarakat dahulu percaya bahawa terdapat Puteri Naga dan suaminya yang tinggal di Laut Cina Selatan tersebut. Kisah ini bermula apabila Puteri Naga dan suaminya mengambil keputusan untuk berenang ke seberang laut yang memberikan pengalaman sedih kepada Puteri Naga. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila di pertengahan jalan, Puteri Naga teringat bahawa ia tertinggal selendang sehingga mengambil keputusan untuk berpatah balik tanpa suaminya. Puteri Naga sempat berpesan kepada suaminya untuk menunggu ia di tempat yang sama sebelum bergerak ke tempat asalnya. Namun, sekembalinya Puteri Naga ke tempat yang dijanjikan sebelum meninggalkan suaminya, ia mendapati suaminya hilang. Puteri Naga turut mengambil keputusan untuk mencari suaminya namun tidak kelihatan bahkan ia tidak dapat menjejaki punca kehilangan suaminya. Akibat terlalu lama memendam kesedihan, lama-kelamaan Puteri Naga berubah menjadi pulau dan dinamakan sebagai *Pulau Tioman* disebabkan bentuknya terlihat seperti seekor naga yang sedang tidur.

Kisah terwujudnya *Pulau Tioman* merupakan kisah yang dikatakan menyayat hati kerana kehilangan belahan jiwanya. Pada suatu masa dahulu, masyarakat percaya bahawa terdapat dua ekor naga yang berpasangan tinggal di Laut Cina Selatan. Namun, suatu hari Puteri Naga telah kehilangan suaminya menyebabkan ia bersedih seumur hidupnya sehingga terjadinya *Pulau Tioman* yang terletak di Rompin, Pahang dan telah menjadi tempat tarikan pengunjung pada masa kini. Tambahan lagi, pelbagai kemudahan dan kemajuan yang semakin dinaiktaraf seiring berjalannya waktu semakin menambahkan lagi keistimewaan dan kelebihan *Pulau Tioman* ini.

Kita sedia maklum bahawa disebalik keindahan yang terpapar di *Pulau Tioman* pada masa kini sememangnya mempunyai sebuah kisah sedih yang berlaku sejak berabad tahun yang lalu. Kisah ini justeru telah dibukukan dan dijadikan sebagai sebuah cerita rakyat. Dapat kita lihat bahawa berdasarkan cerita rakyat tersebut menceritakan kembali kisah disebalik terwujudnya *Pulau Tioman* ini. Dengan ini, pengaplikasian

pendekatan gunaan sangatlah berkait rapat dengan kisah yang diceritakan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai unsur alam yang diterapkan dalam kisah tersebut. Pengarang telah mengeluarkan unsur alam sebagai isi yang dapat menjamin kisah yang terjadi. Terdapat pelbagai unsur alam yang telah diterapkan dalam cerita rakyat ini. Antaranya ialah penggunaan unsur alam seperti laut, pulau dan sebagainya yang diterapkan dalam penghasilan cerita rakyat yang bertajuk *Pulau Tioman*.

Asal usul Nama Pahang merupakan antara yang termasuk dalam golongan legenda asal usul tempat. Hal ini dikatakan demikian kerana Negeri Pahang tidak terlepas dari mempunyai kisah disebalik terwujudnya nama Negeri Pahang. Petikan di bawah menjelaskan lagi bagaimana negeri Pahang tercipta.

Petikan 11

Suatu hari, sekumpulan orang asli merayau-rayau di tebing Sungai. Tiba-tiba mereka terjumpa sebatang pokok yang besar. Pucuknya tinggi seolah-olah menggapai awan. Mereka ingin menebang pokok itu untuk membuat perahu. Apabila pokok itu ditebang, batangnya besar sehingga menggalang Sungai yang lebar itu. Mereka boleh menyeberang tanpa menggunakan perahu. Mereka pun mengadakan kenduri di atas tunggul pokok kayu itu. Di situ, boleh diletakkan hidangan untuk empat puluh orang makan. Salah seorang daripada mereka pun bertanya, "Apa nama pokok ini?". Tiada sesiapa yang menjawab. Akhirnya seorang tua berkata, "Pokok ini Namanya Mahang". Perkataan itu akhirnya bertukar menjadi Pahang. Demikianlah bagaimana Pahang beroleh namanya.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:86)

Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa terbentuknya nama Pahang adalah disebabkan oleh kisah yang berlaku sebelumnya. Kisah ini bermula apabila masyarakat orang asli yang sedang berjalan di tebing sungai. Suatu hari, mereka telah menjumpai sebatang pokok Mahang yang sangat besar dan tinggi. Jadi mereka mengambil peluang untuk menebang pokok tersebut untuk dijadikan sebagai perahu demi memudahkan urusan mereka menyeberangi sungai yang lebar itu. Namun, setelah pokok itu ditebang, ia mendapati pokok itu telah menjadi perantaraan antara tempat mereka ke seberang sungai. Tambahan lagi, tunggul pokok tersebut juga mampu menampung empat puluh orang sekaligus. Tercetusnya nama negeri Pahang adalah disebabkan dari pokok yang bernama Mahang.

Setiap penciptaan nama bagi sesuatu negeri sudah pasti mempunyai kisah dibaliknya. Begitu juga nama bagi Negeri Pahang. Dapat kita lihat bahawa nama Negeri Pahang merupakan sebuah nama yang diambil berdasarkan kepada sejenis pokok yang berukuran besar iaitu pokok Mahang. Dalam hal ini, pokok Mahang merupakan sebuah pokok yang boleh dikategorikan sebagai pokok tertua yang semakin dilupakan. Namun, pokok ini telah meninggalkan satu sejarah yang mengaitkan tentang nama sesuatu tempat iaitu negeri Pahang. Tidak hanya itu, pokok Mahang dikatakan mempunyai ukuran yang lebih besar dari pokok-pokok yang lain.

Dapat kita lihat bahawa penggunaan unsur alam sememangnya terdapat dalam teks cerita rakyat yang bertajuk *Asal-Usul Negeri Pahang*. Hal ini justeru itu dapat menunjukkan bahawa pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan dalam teks ini ialah pendekatan gunaan. Hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai unsur alam diterapkan dalam cerita rakyat yang menyebabkan nama Negeri Pahang digunakan sehingga kini. Dalam hal ini, terdapat pelbagai unsur alam yang digunakan dalam petikan cerita rakyat. Buktinya, pelbagai unsur alam seperti pokok iaitu Pokok Mahang dan sungai yang menjadi sumber utama bagaimana penciptaan nama negeri Pahang mulai digunakan. Tambahan lagi, nama negeri Pahang pada awalnya disebut sebagai Mahang disebabkan oleh nama pokok yang kemudian ditukar kepada Pahang.

Selain nama negeri Pahang yang diceritakan dalam teks legenda asal-usul, legenda asal-usul *Gual Periok* juga tidak terlepas dari kisah yang dikategorikan dalam unsur legenda asal usul yang terdapat dalam buku cerita rakyat. Berikut petikan yang lebih mendalam berkaitan dengan penceritaan bagaimana terciptanya nama bagi *Gual Periok* yang terdapat di Kelantan.

Petikan 12

Dahulu, ada seorang lelaki tua yang bekerja membuat periuk. Sesiapa yang melakukan kenduri-kendara akan diberi pinjam periuk tersebut. Namun, setelah diberi pinjam mereka tidak memulangkannya. Lelaki itu sangat kecewa dan merajuk.

Suatu hari, dia meninggalkan rumahnya. Orang kampung hairan dan bertanya sesama sendiri. Apabila mereka ke rumahnya, mereka dapati rumahnya kosong. Periuk belanga dan pinggan mangkuk semuanya hancur lebur. Yang tinggal hanya sebuah periuk besar dan tiada sesiapa mampu mengangkutnya. Orang kampung membiarkan periuk itu begitu sahaja, setelah bertahun-tahun, rumah dan periuk itu pun diliputi dengan hutan belantara. Sejak itulah, Kawasan itu dinamakan Gual Periok.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:95)

Kita sedia maklum bahawa *Gual Periok* terletak di negeri Kelantan. Hal ini bermula apabila dahulu ada seorang lelaki yang sudah berumur menjalankan kerja sebagai seorang tukang pembuat periuk. Lelaki tua itu sangat dikenali penduduk pada waktu itu kerana ia sering meminjamkan periuk tersebut apabila adanya majlis kenduri-kendara. Namun, perbuatan penduduk yang meminjam periuk itu telah mendatangkan kekecewaan pada lelaki tua tersebut apabila setiap barang yang dipinjam langsung tidak dikembalikan oleh penduduk tersebut. Oleh itu, lelaki tua tersebut telah merajuk dan membawa diri meninggalkan periuk-periuk yang telah hancur lebur. Namun, terdapat periuk yang tidak hancur iaitu periuk yang mempunyai ukuran yang besar dan terlalu berat sehingga tidak mampu diangkat oleh penduduk tersebut. Akhirnya, tempat tinggal lelaki tua pembuat periuk itu dipenuhi dengan hutan belantara yang menebal. Dengan ini, nama *Gual Periok* dinamakan khas di tempat tersebut.

Berdasarkan petikan cerita rakyat di atas, dapat kita lihat bahawa terwujudnya nama *Gual Periok* yang bertempat di Kelantan adalah berpunca dari seseorang yang mempunyai jiwa yang pemurah. Hal ini dikatakan demikian kerana ia boleh dikategorikan sebagai seseorang yang tidak lokek memberi bantuan dan meringankan beban. Hal ini sangatlah bersesuaian dengan frasa amanah yang seharusnya dipegang dalam diri seseorang masyarakat. Namun, kekecewaan pula timbul kerana masyarakat tidak jujur iaitu tidak amanah serta sentiasa mengambil kesempatan terhadap bantuan yang diberikan. Dalam hal ini, amanah diertikan sebagai sebuah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh mereka yang mendapat kepercayaan tersebut (Mohd Hasrul & Mohd Fauzi, 2015). Dengan ini, telah terciptanya nama bagi

Gual Periok yang bertempat di Kelantan disebabkan peristiwa yang telah mengecewakan seseorang yang sering menghulurkan bantuan pada suatu ketika dahulu.

Sehubungan dengan itu, kisah cerita rakyat terhadap unsur legenda *Asal Usul Gual Periok* sangatlah sesuai untuk menggunakan pengaplikasian pendekatan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah yang berlaku pada masa dahulu boleh dikategorikan sebagai sebuah pengalaman setelah dibukukan dalam bentuk naskah. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa pengarang memasukkan elemen pengalaman telah terjadi terhadap diri sendiri dan masyarakat pada waktu dahulu. Secara umumnya, peristiwa tersebut telah meninggalkan kesan dan cerita sehingga hari ini seperti nama sesuatu tempat. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa kisah yang berkait rapat dengan pengalaman secara tidak langsung dapat memberikan pengajaran dan meninggalkan impak seperti mempengaruhi nama pada sesuatu tempat. Buktinya, kisah yang berlaku terhadap pembuat periok itu akhirnya meninggalkan sebuah impak iaitu nama sesuatu tempat dinamakan dengan pengalaman yang telah berlaku.

Selain itu, asal usul tempat juga dapat diperlihatkan melalui cerita rakyat yang bertajuk *Sungai Sembilang*. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat tersebut mengandungi ciri-ciri unsur legenda asal-usul tempat.

Petikan 13

Dahulu, ada di sebuah tasik yang cantik tetapi berbahaya di daerah Jeram. Sesiapa yang pergi ke tasik itu akan ditimpa bencana. Suatu hari, seorang janda berpindah ke kampung itu.

Namanya Suri dan jirannya memberitahu tentang bahaya tasik itu namun Suri sedikitpun tidak mempercayainya. Malam itu, bulan terang. Suri pun pergi ke tasik sambil membawa jala dan beras. Dia menabur beras ke dalam tasik itu.

"Ikan ditasik ini tidak boleh ditangki. Nanti cucu ditimpa celaka," kata satu suara. Namun seri tidak mengendahkannya. Dia tetap menabur jala dan menangkap ikan. Ikan-ikan itu kemudiannya dibawa balik dan dipanggangnya. Apabila siap dimasak, Suri pun memakan ikan-ikan sembilang yang ditangkapnya sehingga habis.

Tiba-tiba Suri berasa perutnya sakit. Kepalanya juga sakit. Jirannya lalu memanggil dukun di kampung itu, iaitu Embuk Mariam. Embun Mariamlah yang telah menasihatkannya pada malam semalam. Tidak lama kemudian, Suri menjelma menjadi ikan sembilang. Embuk Mariam pun melepaskan ikan

Sembilang itu ke dalam tasik. Semenjak itu, tempat itu dinamakan Sungai Sembilang yang terletak di Daerah Jeram, Selangor.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:132)

Suatu pada dahulu, terdapat tasik yang sangat cantik namun berbahaya yang terletak di daerah Jeram. Disebabkan itu, sesiapa sahaja yang menjejakkan kaki di sana pasti akan ditimpa bahaya. Kisah ini bermula apabila Suri yang merupakan penduduk yang baru berpindah di situ juga turut diceritakan perkara yang sama. Namun, Suri sama sekali tidak percaya kepada cerita tersebut dan menganggap ianya sesuatu yang karut. Pada suatu malam, Suri mengambil keputusan untuk menangkap ikan yang terdapat di tasik tersebut dengan berbekalkan jala dan beras. Sebelum Suri memulakan proses menangkap ikan, dia telah ditegur oleh satu suara di belakangnya yang memberi amaran bahawa ikan tersebut tidak boleh ditangkap kerana kelak yang mendatangkan musibah. Namun sekali lagi, Suri mengendahkan hal tersebut. Suri tetap menangkap dan membawanya pulang untuk dimasak. Akibatnya, setelah selesai memakan ikan-ikan hasil tangkapan tersebut, tiba-tiba Suri merasa sakit perut dan kepala. Maka, datanglah seorang dukun Embah yang merawat Suri namun nasib buruk menimpa Suri apabila dia telah berubah menjadi seekor Ikan Sembilang dan dilepaskan di tasik tersebut.

Kita sedia maklum bahawa *Sungai Sembilang* yang terletak di Selangor mempunyai kisah yang berlaku dibalik kewujudannya. Hal ini dikatakan demikian kerana Sungai Sembilang pada waktu dahulu dikenali sebagai tasik yang berbahaya sehinggakan tiada yang berani untuk menjejakkan kaki di sana. Namun ianya berubah apabila seseorang yang bernama Seri telah melanggar pantang larang sehinggakan ia meninggalkan kisah sehingga ke hari ini. Disebabkan pantang larang yang dilanggar, balasan yang diterima Seri sangatlah tidak masuk akal namun ia diyakini benar-benar berlaku pada zaman dahulu. Dalam hal ini, *Sungai Sembilang* dinamakan bersempena dengan nama ikan iaitu Ikan Sembilang yang ada di tasik berkenaan.

Sehubungan dengan itu, dapat kita lihat bahawa pendekatan firasat merupakan sebuah pendekatan yang sesuai dengan kisah cerita rakyat bagi *Sungai Sembilang*. Pendekatan firasat diaplikasikan dalam teks cerita rakyat ini kerana ia mengandungi pesanan yang diterima untuk tidak pergi ke tempat tersebut namun diendahkan. Tambahan lagi, ia juga menunjukkan sebuah kisah yang menjalarkan ke arah mitos dan misteri tentang sesuatu kejadian tersebut. Dalam hal ini, firasat yang dikendalikan oleh seseorang watak itu salah sama sekali kerana tidak mempercayai amaran tentang apa yang ingin disampaikan. Dalam hal ini, pengarang telah menunjukkan sebuah pesanan ataupun peringatan sebagai isi yang terkandung dalam kisah ini. Namun setiap pesanan dan peringatan langsung tidak diendahkan kerana Suri tidak yakin dan percaya tentang apa yang diperkatakan sebelum melaluinya sendiri. Pada akhirnya, pesanan dan amaran yang tidak diendahkan telah mendatangkan kemudatan kepada diri sendiri.

Petikan di bawah menunjukkan unsur legenda bagi asal usul tempat yang seterusnya.

Hal ini diceritakan dalam cerita rakyat yang berjudul *Asal Usul Pekan Tampak*.

Petikan 14

Di hulu pekan Tapak terdapat Kampung Tengkek. Di situ ada sebuah air terjun. Di bahagian atas air terjun, ada beberapa bongkah batu. Ada yang berbentuk lesung dan ada yang berbentuk tungku. Menurut cerita orang tua-tua, tempat itu asalnya sebidang tanah yang dimiliki oleh Nenek Moyang Bertam. Dahulu, Bertam berguru dengan seorang guru di Gua Cahaya. Dia menuntut pelbagai jenis ilmu dan akhirnya dia menjadi sangat handal. Gurunya berpesan agar menggunakan ilmu ke jalan kebaikan.

Selepas itu, Bertam pun pulang ke kampungnya. Dia sentiasa berbuat baik dan semakin ramai penduduk di bawah jagaannya. Akhirnya, Bertam dilantik menjadi ketua. Orang di situ memanggilnya Nenek Moyang Bertam. Apabila hidupnya sudah mewah dan senang, dia tidak lagi mahu menolong orang yang susah.

Suatu hari, gurunya datang menyerupai seorang perempuan tua lalu berkata, "Ibu haus. Boleh tolong ibu ambilkan air?"

"Sana, di bawah tangga." Kata Nenek Moyang Bertam sambil menghentakkan kakinya. Air pun memancut di bawah tangga. Perempuan tua itu pun minum. Tidak lama kemudian, perempuan tua itu hilang dari pandangan. Tidak berapa lama, turun ribut serta hujan yang dahsyat. Rumah Nenek Moyang Bertam bertukar menjadi batu. Itulah asal usul Pekan Tapak.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:140)

Kisah *Asal-usul Pekan Tampak* bermula apabila terdapat sebuah air terjun di Kampung Tengkek. Dalam hal ini terdapat beberapa bongkah kayu yang mempunyai beberapa bentuk seperti lesung dan tungku. Namun, masyarakat zaman dahulu percaya bahawa tempat mempunyai pemilik iaitu Nenek Moyang Bertam. Untuk makluman, Bertam juga mempunyai beberapa jenis ilmu hasil yang dipelajari oleh seorang guru di Gua Cahaya. Setelah memperoleh ilmu tersebut, Bertam seharusnya sentiasa berbuat baik kepada penduduk. Sehingga pada akhirnya, Bertam menjadi orang kepercayaan dan telah dilantik sebagai ketua. Lama-kelamaan, Bertam menjadi seorang yang tamak dan tidak mahu membantu penduduk lagi setelah dia dilimpahkan dengan kekayaan dunia. Hal itu tidak bertahan lama apabila gurunya menyamar menjadi seorang wanita tua susah yang kehausan, Bertam bertindak memperlakukan wanita tersebut dengan hina sekali. Dengan itu, Rumah Bertam akhirnya dilanda ribut dan akhirnya menjadi batu. Akhir sekali, wujudlah nama Pekan Tampak bagi tempat tersebut.

Dapat kita lihat bahawa Pekan Tampak merupakan sebuah tempat yang terletak di Negeri Sembilan. Menurut kepercayaan masyarakat pada zaman dahulu kala, terdapat seorang lelaki yang bernama Bertam yang mempunyai ilmu luar biasa sehingga ia dikenali oleh segenap pelusuk masyarakat. Dalam hal ini, pelbagai ilmu yang ada pada diri Bertam telah menjadi syarat bahawa dia harus sentiasa berbuat baik kepada masyarakat sekeliling. Dalam erti kata lain, Bertam tidak seharusnya mempunyai sifat angkuh dan sombong disebabkan kelebihan yang ada pada dirinya. Namun, pantang-larang itu semakin hari semakin dilanggar disebabkan oleh kemewahan berlimpah ruah yang dirasakannya. Hal ini bermula dari seorang guru yang pernah mengajarkan tentang ilmu luar biasa itu melakukan penyamaran menjadi seorang fakir miskin. Perbuatan Bertam menunjukkan sikap angkuh sehingga mengundang kemurkaan gurunya pada akhirnya menjadikan rumah bertam dirubah menjadi batu dan nama Pekan Tampak dicipta.

Dapat dilihat bahawa kisah legenda asal usul terciptanya nama Pekan Tampak ingin menunjukkan bahawa setiap individu itu haruslah sentiasa melakukan amal kebaikan walau dimana sahaja ia berada. Hal ini bertepatan dengan penggunaan pendekatan kemasyarakatan yang sesuai untuk diaplikasikan melalui kajian analisis ini. Dalam hal ini, pengarang ingin mengeluarkan bahawa setiap manusia dicipta untuk sentiasa melakukan hal yang telah dituntut oleh ajaran agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana individu yang mengikut ajaran agama Islam yang betul sudah semestinya akan menerapkan kebaikan dan keadilan sosial dalam setiap apa yang dijalankan. Buktinya, pengarang dalam *Kisah Asal-Usul Pekan Tampak* di atas menyeru dan memberikan pengajaran kepada khalayak pembaca untuk sentiasa mengamalkan sikap yang positif dan dapat menyenangkan masyarakat yang lain sama ada dari segi sikap, perbuatan dan sebagainya.

Seterusnya, terdapat juga cerita rakyat yang menceritakan dengan lebih jelas tentang asal-usul *Kuala Kangsar*. Berikut merupakan kisah yang penuh berkaitan dengan bagaimana nama *Kuala Kangsar* itu boleh tercipta dan digunapakai sehingga ke masa ini.

Petikan 15

Raja Perak yang pertama ialah Sultan Muzaffar Shah. Baginda dan rombongannya belayar dari satu kawasan ke kawasan yang lain untuk mencari tempat yang sesuai untuk berkampung. Suatu malam, rombongan Sultan Muzaffar Shah menjumpai sebuah lubuk. Di dalamnya ada buaya. Buaya itu melibaskan ekornya ke arah perahu sultan. Salah seorang pendayung baginda tercampak ke dalam sungai. Sultan Muzaffar Shah menamakan lubuk itu sebagai Lubuk Buaya.

Baginda bertanya, "Sudah berapa banyak kuala yang kita jumpa?" "Sudah 78 kuala, tuanku." Jawab bendahara. Rombongan baginda meneruskan perjalanan sehingga tiba di sebatang anak sungai. Air sungai itu sangat dingin dan jernih seperti cermin. Ramai orang mandi-manda di situ. Baginda pun menamakan tempat itu sebagai Kuala Sungai Cermin.

Kemudian baginda terlihat sebatang anak sungai yang mengalir menuju ke Sungai Perak. "Tempat ini cantik. Kawasannya juga rata. Memang sesuai untuk kita jadikan tempat ini negeri yang baru," titah Sultan Muzaffar Shah.

"Anak sungai yang ke berapakah ini?" tanya baginda.

"Anak sungai yang 99 tuanku," jawab bendahara.

"Jadi, kuala ini kurang satulah seratus. Kalau begitu kita namakan kuala ini dengan nama Kuala Kurang Satu. Tetapi kita pendekkannya menjadi Kuala Kurang Sa," titah baginda.

Negeri itu pun membangun. Sebuah istana besar dibina di atas bukit. Penduduk di situ sukar untuk menyebut nama Kuala Kurang Sa. Akhirnya mereka menyebut Kuala Kangsar. Begitulah asal-usul nama Kuala Kangsar. (Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:159)

Kisah ini bermula apabila Sultan Muzaffar Syah iaitu Raja pertama yang menjadi Raja Perak bersama rombongannya mencuba mencari tempat yang sesuai untuk dijadikan sebagai penempatan. Namun, pencariannya terhenti pada suatu malam apabila raja telah menjumpai lubuk yang dipenuhi dengan buaya. Nama tempat tersebut telah dinamakan sebagai Lubuk Buaya disebabkan oleh suatu kejadian di mana salah seorang pengikutnya telah dilibas oleh buaya tersebut sehingga jatuh ke dalam sungai. Sepanjang perjalanan, raja mendapati bahawa terdapat 78 kuala yang telah dijumpai. Seterusnya, raja juga menjumpai sebuah sungai yang sangat jernih seperti cermin di situ akhirnya ia menamakan sebagai Sungai Cermin. Perjalanan seterusnya dijalankan sehingga baginda raja terpancang anak sungai yang mengalir ke arah Sungai Perak dan berhasrat untuk dijadikan sebagai petempatan baharu. Setelah mengambil kira, anak sungai yang dijumpai ini merupakan anak sungai yang ke 99. Jadi, tercetuslah nama Kuala Kurang Satu dan akhirnya dipendekkan sebagai Kuala Kurang Sa. Lama-kelamaan, tempat tersebut lebih betah disebut *Kuala Kangsar*.

Dalam erti kata lain, penciptaan nama *Kuala Kangsar* adalah istilah yang berasal dari perkataan Kuala Kurang Satu yang dipendekkan. Hal ini disebabkan oleh raja pertama Perak yang mencari tempat sesuai untuk dijadikan sebagai penempatan baharu. Sepanjang perjalanan rombongan raja ini telah menjumpai 99 anak sungai yang mengalir ke arah sungai Perak. Oleh itu, terbitlah suatu frasa iaitu Kuala Kurang Satu yang akhirnya dipendekkan menjadi Kuala Kurang Sa. Namun nama bagi penempatan ini berubah seiring beredarnya waktu menjadi Kuala Kangsar. Jadi, dapat kita lihat bahawa kewujudan nama bagi Kuala Kangsar yang terdapat di Perak adalah hasil dari pengembaraan yang dilakukan oleh Raja Perak yang pertama pada suatu ketika dahulu.

Dalam hal ini, pendekatan yang bersesuaian untuk melakukan analisis terhadap teks legenda asal usul ini ialah pendekatan gunaan. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah terang lagi bersuluh bahawa pengarang menggunakan unsur alam sebagai sumber penulisan ini. Dapat dilihat bahawa pengarang ingin mengeluarkan sumber alam sebagai sebuah ilham terhadap sesuatu karya yang ingin didedahkan kepada khalayak masyarakat. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa sumber alam sangatlah memberikan kepentingan kepada masyarakat. Justeru itu, kita dapat lihat bahawa sumber alam yang mempengaruhi nama sesuatu tempat dikeluarkan oleh pengarang dalam teks legenda. Dengan ini, dengan berlakunya kisah yang dikeluarkan oleh pengarang ia secara tidak langsung dapat membuktikan bahawa setiap apa yang berlaku kebanyakannya berpunca dari sumber alam yang dicipta oleh Allah SWT.

Asal-usul nama *Gua Musang* juga merupakan nama yang tercatat dan menjadi cerita yang terdapat dalam cerita rakyat. Petikan di bawah menceritakan dengan lebih terperinci bagaimana nama *Gua Musang* tercetus dan digunakan sehingga ke hari ini.

Petikan 16

Kononnya, dahulu sekumpulan musang yang pelbagai rupa dan warna tinggal di dalam sebuah gua. Meskipun musang-musang itu berbeza-beza, mereka semua tidak berkelahi dan hidup aman.

Pada waktu malam, semua musang akan keluar mencari makan. Ada musang yang ke hutan mencari ayam hutan dan beburung dan ada juga yang ke kampung-kampung lalu menangkap ayam peliharaan orang kampung.

Menjelang siang, semua musang akan pulang ke gua semula. Di dalam gua, mereka akan berehat dan tidur akibat kekenyangan.

Suatu hari, sekumpulan pemburu tiba di gua itu. Sebaik sahaja para pemburu masuk ke dalam gua, semua musang bertempiran lari. Oleh sebab pemburu-pemburu mencari rusa dan kijang, mereka membiarkan sahaja musang-musang itu lari. Walaupun begitu, mereka sempat melihat pelbagai jenis musang yang lari dari gua itu.

Akhirnya gua dan kawasan di sekitarnya dinamakan Gua Musang.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:185)

Kisah ini bermula apabila terdapat sekumpulan musang yang mempunyai pelbagai jenis tinggal di sebuah gua secara bersamaan. Intinya, pada setiap malam, musang-musang tersebut akan keluar mencari makanan masing-masing di tempat yang

berbeza. Namun, apabila terbit matahari, musang-musang tersebut akan pulang menyantap makanan yang dibawanya sehingga tidur kekenyangan. Hal ini berulang-ulang setiap hari sehingga pada suatu hari, habitat ini diganggu oleh beberapa orang pemburu rusa dan kijang yang masuk ke dalam gua tersebut. Akibat terganggu dengan kehadiran pemburu, musang-musang tersebut lari bertempiaran meninggalkan gua tersebut. Oleh itu, nama gua dan kawasan berdekatan tersebut akhirnya dipanggil sebagai *Gua Musang*.

Dapat kita lihat bahawa penciptaan nama sebuah tempat yang terdapat di Kelantan iaitu Gua Musang mempunyai kaitan rapat dengan sekumpulan haiwan iaitu musang. Hal ini dikatakan demikian kerana dapat dilihat bagaimana nama *Gua Musang* tercetus disebabkan oleh haiwan itu yang menetap di gua pada suatu ketika dahulu. Musang merupakan salah satu haiwan yang unik kerana pada dasarnya ia akan keluar mencari makanan pada waktu malam dan menghabiskan masa tidur di waktu siang. Terciptanya nama *Gua Musang* ini apabila pemburu binatang pada waktu itu memasuki gua yang dipenuhi dengan habitat musang-musang yang mempunyai pelbagai jenis.

Sehubungan dengan itu, kita sedia maklum bahawa setiap yang terjadi di sekeliling kita mempunyai kaitan rapat dengan unsur alam. Dalam hal ini, sudah jelas bahawa pendekatan gunaan sangat bersesuaian untuk diaplikasikan dalam teks ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang menggunakan unsur alam sebagai sumber ilham dalam penceritaan. Tambahan lagi, dapat dilihat bahawa pengarang juga mengaitkan haiwan terhadap penciptaan nama *Gua Musang* ini berlaku. Secara tidak langsung, pengarang dapat mengeluarkan perkaitan antara karya yang dihasilkan dengan sumber alam.

Petikan di bawah menceritakan tentang asal usul terbitnya nama *Sabak Bernam* di Selangor yang digunapakai sehingga ke hari ini.

Petikan 17

Dahulunya, enam orang pemuda yang berdagang singgah di sebuah kawasan. Penduduk di kawasan itu bekerja bercucuk tanam. Ada juga yang bersawah padi dan membuat gula daripada nira kelapa.

Keenam-enam pemuda itu membuat keputusan untuk menetap di situ. Mereka mengusahakan sawah serta membuat gula daripada nira. Para pemuda itu berjaya mengumpul banyak nira tetapi mereka tidak tahu bagaimana hendak memasak air nira kelapa sebanyak itu. Salah seorang daripada mereka mencadangkan supaya nira itu dimasak di dalam kawah. Seorang lagi mencadangkan agar kawah itu dimasak dengan dapur di dalam tanah. Dapur itu disebut sabak.

Semua pemuda pun menggali lubang untuk membuat sabak. Apabila lubang siap digali, mereka meletakkan kayu api lalu jadilah dapur. Dapatlah keenam-enam pemuda itu memasak nira mereka.

Para penduduk juga mengikut membuat sabak untuk memasak nira mereka. Jika ada kenduri, mereka akan memasak nasi dan gulai dengan dapur sabak. Kawasan itu kemudiannya dikenali sebagai Sabak Berenam iaitu, sabak yang dibuat oleh enam orang pemuda. Lama-kelamaan, kawasan itu disebut dengan Sabak Bernam sahaja.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:191)

Kisah terwujudnya nama *Sabak Bernam* apabila terdapat enam orang pemuda yang melakukan pekerjaannya sebagai pedagang dan ada di kawasan sekitarnya. Setelah melihat pekerjaan yang dilakukan oleh para penduduk di kampung tersebut seperti bersawah padi, bercucuk tanam serta membuat gula daripada nira kelapa, enam pemuda ini akhirnya mengambil keputusan untuk menetap dan memulakan hidup di situ. Pelbagai usaha dilakukan untuk meneruskan hidup antaranya ialah membuat gula dengan nira kelapa dengan kuantiti yang banyak. Namun, yang menjadi permasalahannya apabila mereka tidak tahu hendak memasaknya. Ada diantara mereka yang memberi cadangan bahawa memasak nira di dalam kawah, di dapur atas tanah dan dapur itu dipanggil sebagai sabak. Disebabkan ingin memasak nira tersebut, para pemuda itu akhirnya menggali tanah untuk membuat sabak. Akhirnya, mereka berjaya memasak nira tersebut sehinggakan cara masakan mereka ditiru oleh para penduduk tersebut bahkan bukan hanya untuk memasak nira sahaja. Mereka memasak pelbagai jenis masakan dengan menggunakan cara yang sama. Dengan ini, kawasan itu dikenali sebagai Sabak Berenam dan akhirnya dipendekkan sebagai *Sabak Bernam*.

Sabak Bernam merupakan sebuah tempat yang terletak di Selangor juga merupakan legenda asal usul yang terdapat dalam cerita rakyat. Hal ini dikatakan demikian kerana *Sabak Bernam* merupakan sebuah singkatan bagi Sabak Berenam. Dalam hal ini, sabak merupakan sebuah dapur yang digunakan untuk memasak nira pada waktu itu manakala berenam pula merupakan kuantiti pemuda yang memberikan idea dalam menghasilkan dapur yang dipanggil Sabak. Dapat kita lihat bahawa cetusan idea kreatif yang dikeluarkan pada masa tersebut berjaya memberikan cara memasak yang baharu kepada penduduk kampung pada waktu dahulu. Oleh itu, tempat itu pada akhirnya dinamakan sebagai Sabak Berenam yang pada akhirnya disingkatkan menjadi *Sabak Bernam* dan digunapakai sehingga ke hari ini.

Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa penggunaan pendekatan moral merupakan sebuah pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan dalam kisah ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah yang ditunjukkan adalah berdasarkan kisah yang benar-benar berlaku pada suatu masa dahulu. Hal ini menunjukkan ia sangat berkait rapat dengan pengalaman yang telah dialami oleh seseorang yang pada akhirnya diangkat menjadi sebuah cerita oleh seorang pengarang. Cetusan idea tentang kewujudan nama *Sabak Bernam* juga adalah berpunca dari pengalaman yang telah berlaku pada zaman dahulu sehingga ianya meninggalkan kesan sehingga ke hari ini.

Asal usul nama bagi Terengganu juga turut terkandung dalam cerita rakyat legenda asal usul. Hal ini diperlihatkan dalam petikan di bawah. Cerita rakyat yang berjudul *Tuk Raja Bertemu Taring* menjelaskan dengan lebih terperinci tentang asal-usul nama Terengganu ditubuhkan.

Petikan 18

Di negeri Johor ada sebuah desa yang didiami oleh tiga orang saudara iaitu Tuk Raja. Tuk Peter dan Tuk Bukit Tuk Raja bermimpi kampung mereka akan dipenuhi ular, kemudian dia berjalan sehingga terjumpa dengan sebatang sungai yang bercabang dua. Sungai yang bercabang dua itu terletak di arah matahari terbenam.

Keesokan harinya. Tuk Raja meminta pendapat daripada Tuk Peteri dan Tuk Bukit. Tuk Peteri dan Tuk Bukit berkata bahawa kampung mereka akan dilanda

musibah yang buruk. Khabar buruk itu telah tersebar kepada penduduk kampung, ada yang percaya dan ada sebahagiannya tidak percaya.

Tuk Raja memberitahu penduduk kampung, dia akan berpindah keluar dari kampung itu. Tuk Raja mempelawa penduduk kampung yang ingin ikut pindah bersama. Kebanyakan penduduk kampung berasa sangat terkejut dengan keputusan Tuk Raja itu. Ada sesetengah penduduk yang ingin berpindah dan ramai juga penduduk kampung yang mahu terus menetap di kampung itu. Sampai masanya, Tuk Raja, Tuk Peteri dan Tuk Bukit serta penduduk kampung yang ingin berpindah meninggalkan kampung menuju ke arah matahari terbenam. Bukit didaki mereka, ada sawah diharungi mereka, kebanyakan penduduk kampung berasa sungguh penat dan ada juga yang merajuk ingin berpatah balik. Tuk Raja pun berkata, "Bersabarlah penduduk kampung sekalian." Sampailah mereka semua di sebatang sungai yang bercabang dua setelah selama tujuh hari tujuh malam berjalan. Kemudian Tuk Raja teringat akan mimpi yang pernah dialaminya.

"Oh! Inilah tempatnya!" kata Tuk Raja kepada adik-adiknya, Tuk Peteri dan Tuk Bukit. Penduduk kampung yang penat terpaksa menggali kuala sungai yang tersumbat. Salah seorang daripada penduduk kampung yang ikut berpindah, terjamah benda keras di dalam tanah. Tuk Raja pergi melihat benda yang keras itu, dia merasa benda itu bergigi. "Taring anu! Taring anu!" teriaknya. Semenjak itu, tempat itu dinamakan dengan nama Taring Anu. Taring Anu lama-kelamaan berubah sebutannya kepada nama Terengganu.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:50)

Penubuhan nama bagi Terengganu ini bermula apabila Tuk Raja yang bermimpi bahawa kampung yang sedang didiami itu dipenuhi dengan ular menyebabkan dia berlari ke sebatang sungai yang mempunyai dua cabang. Namun, setelah tersedar dari mimpi buruk itu, Tuk Raja meminta pendapat Tuk Peteri dan Tuk Bukit tentang pandangan mereka melalui mimpi yang dialami. Oleh itu, mereka berdua berpendapat bahawa mimpi itu membawa petanda buruk akan berlaku. Sejurus itu, Tuk Raja memberitahu penduduk untuk mengikutnya berpindah ke tempat lain. Ada yang bersetuju dan ada yang masih ingin menetap di tempat yang sama. Sepanjang perjalanan yang memenatkan sehingga ada pengikutnya yang ingin berpatah balik namun dipujuk oleh Tuk Raja. Sesampai sahaja di kuala sungai, mereka semua diminta untuk menggalnya sehingga terjumpa sesuatu yang keras yang bernama taring anu. Sejurus itu, tempat itu di terus dinamakan sebagai Taring Anu dan lama-kelamaan nama itu berubah menjadi Terengganu.

Berdasarkan teks penceritaan di atas, kita dapat menyelami perkataan bagi negeri itu iaitu Taring Anu yang diubah seiring peredaran masa menjadi Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap negeri yang ada pada masa kini sudah semestinya mempunyai Sejarah tertentu sehingga meninggalkan kesan sehingga ke hari ini. Begitu juga dengan Terengganu yang menyampaikan sebuah kisah bagaimana terhasilnya negeri Terengganu ini. Hal ini bermula dengan mimpi buruk yang telah dialami oleh Tuk Raja menyakitkan mereka tidak mempunyai rasa selamat untuk terus mendiami di tempat yang sama. Jadi Tuk Raja bersama pengikutnya mengambil keputusan untuk berpindah dan mencari tempat yang lebih selamat. Dengan ini, tertubuhnya negeri baru yang diberi nama Terengganu.

Sehubungan dengan itu, pendekatan firasat dikatakan sesuai untuk diaplikasikan dalam teks analisis ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang menceritakan bahawa kisah yang berlaku adalah berpunca pengalaman dari mimpi yang dialami dan pada akhirnya seseorang watak itu berusaha mencari makna disebalik mimpi tersebut. Dapat dilihat bahawa mimpi buruk yang dialami oleh watak memberi kepercayaan bahawa ianya merupakan petanda yang harus diambil secara serius. Sebagai contohnya, mimpi buruk yang dialami menjadikan watak dalam kisah tersebut membuka penempatan baharu kerana tempat yang menjadi tempat tinggalnya suatu ketika dahulu dikatakan tidak selamat.

Kita sedia maklum bahawa setiap kisah asal-usul yang pernah ada merupakan tunjang asal bagaimana tertubuhnya sesuatu tempat. Jadi setiap kisah-kisah sejarah penempatan sudah pastinya menyimpan seribu satu makna yang membawa kepada kisah hari ini. Bahkan kisah yang berlaku pada zaman dahulu setidaknya memberi impak sehingga ke hari ini. Sebagai contohnya, dapat kita lihat bahawa kebanyakan nama sesuatu tempat masih lagi tidak diubah dan digunakan sehingga ke hari ini. Dapat kita lihat bahawa setiap kejadian yang berlaku pada zaman dahulu secara tidak langsung meninggalkan impak sehingga ke hari ini.

4.5 Unsur Legenda Peristiwa

Kamus Dewan (2010) ada mentakrifkan bahawa peristiwa merupakan sesuatu yang berlaku melalui kejadian tertentu. Pada dasarnya, peristiwa boleh dianggap sebagai sejarah-sejarah penting yang telah terjadi di sesuatu tempat. Dalam erti kata lain, peristiwa merujuk sesuatu yang berlaku sehingga meninggalkan kisah sehingga ke hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap peristiwa yang berlaku pada waktu dahulu boleh menjadi sejarah pada hari ini. Pada umumnya, setiap kejadian luar biasa yang berlaku pasti akan meninggalkan kesan pada masa akan datang. Dalam hal ini, kita dapat lihat bahawa peristiwa-peristiwa aneh ini juga turut terakam dalam Sejarah bahkan ia turut dibukukan seperti dalam cerita rakyat. Kejadian yang luar biasa ini juga sering kali menjadi buah mulut masyarakat. Pelbagai kesan dapat dilihat pada hari ini disebabkan oleh sesuatu kejadian yang berlaku pada zaman berabad lalu.

Dapat kita lihat bahawa cerita rakyat yang bertajuk *Ikan Tapah* menunjukkan unsur legenda berkaitan dengan peristiwa yang meninggalkan kesan sehingga ke hari ini terhadap golongan tertentu.

Petikan 19

Pak Itam dan isterinya tinggal di sebuah kampung di tebing Sungai Perak. Pak Itam mempunyai harta yang sangat banyak. Dia tidak perlu bekerja kerana hartanya cukup untuk menyara kehidupannya dan isterinya. Pak Itam suka bersabung ayam. Hartanya yang banyak itu lama-kelamaan habis kerana kalah berjudi. Pak Itam dan isterinya terpaksa memakai pakaian daripada kertas. Oleh kerana tidak tahan hidup susah, isteri Pak Itam pun meninggalkannya. Pak Itam terpaksa mengail ikan di sungai bagi mencari sesuap nasi. Suatu hari, Pak Itam pergi mengail ikan seperti biasa namun tiada seekor ikan pun dapat. Pak Itam pulang ke rumah dengan rasa hampa dan sedih.

Sampai di rumah, kucing kesayangannya datang menghampiri. Kucing itu mengiau beberapa kali sebelum pergi menghala ke sungai. Pak Itam pun ikut sahaja kucing kucing kesayangannya pergi. Di tebing sungai, dia ternampak seekor ikan tapah terdampar. Perut Ikan tapah itu buncit. Pak Itam berkata "mungkin di dalam perutnya ada telur." Pak Itam pun mengambil sembilu buluh lalu membelah perut ikan tersebut. Alangkah terkejutnya Pak Itam apabila melihat di dalam perut ikan tapah itu bukanlah telur tetapi seketul emas. "Wah, emas! Aku kaya!" kata Pak Itam dengan gembira.

Pak Itam mengambil daun Nanas, lalu menjahit perut ikan tapah itu dan melepaskannya semula ke dalam Sungai sambil berkata, "aku bersumpah, mulai hari ini jangan ada sesiapa daripada keturunan aku memakan ikan tapah".

Semenjak itu, Pak Itam kembali kaya. Dia tidak bersabung ayam lagi. Dia menjadi seorang yang patuh akan ajaran agama dan juga menolong orang yang dalam kesusahan. Sehingga sekarang keturunan Pak Itam dilarang makan Ikan Tapah. Jika ada keturunannya yang termakan, tangan mereka akan gatal-gatal dan berkudis.

Kononnya, sekarang emas yang didapati daripada perut ikan Tapah itu disimpan oleh salah seorang keturunan Pak Itam. Emas ini dapat mengubati gatal-gatal atau kudis pada orang yang termakan Ikan Tapah.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:210)

Pada suatu masa dahulu, terdapat satu kejadian di mana seluruh keturunannya tidak dapat memakan *Ikan Tapah* kerana akan ditimpa penyakit yang susah diubati. Dalam hal ini, ianya bermula dengan sumpahan Pak Itam yang tidak membenarkan seluruh keturunannya memakan *Ikan Tapah*. Suatu masa dahulu, Pak Itam merupakan seorang yang berduit sehinggakan dia tidak perlu bekerja lagi. Namun, nasib tidak menyebelahnya apabila Pak Itam sentiasa kalah dalam berjudi yang akhirnya menjadikan kehidupannya menjurus ke arah kemiskinan. Lebih malang lagi, isteri Pak Itam meninggalkannya akibat tidak tahan untuk hidup dalam kesusahan. Untuk meneruskan kehidupannya, Pak Itam mengambil inisiatif untuk mengail ikan untuk mendapatkan makanan sehingga hal yang tidak terduga itu terjadi pada suatu hari. Pak Itam terlihat *Ikan Tapah* yang buncit perutnya terdampar di sungai pada suatu hari semasa dalam perjalanan pulang. Namun, Pak Itam beranggapan bahawa perut Ikan Tapah itu buncit disebabkan oleh telur ikan tersebut. Usai membelah perut ikan tersebut, Pak Itam sangat terkejut kerana terdapat emas dalam perut ikan tersebut. Dengan pantas, Pak Itam menjahit kembali perut Ikan tersebut dan melepaskannya kembali ke sungai sambil bersumpah bahawa seluruh keturunannya diharamkan untuk memakan ikan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana jika hukum itu dilanggar mereka akan ditimpa penyakit kudis dan gatal yang hanya boleh diubati dengan emas yang dijumpai itu. Semenjak itu, kehidupan Pak Itam berubah menjadi lebih baik.

Berdasarkan kisah sejarah pada zaman dahulu kala, kita dapat lihat bahawa terdapat seluruh keturunan yang dilarang untuk memakan ikan Tapah. Hal ini dikatakan

demikian kerana apabila hukum ini dilanggar, keturunannya akan mendapat musibah seperti penyakit kulit yang tidak boleh disembuhkan dengan mudah. Penawar bagi penyakit yang diterima sekiranya sumpahan itu dilanggar juga hanyalah satu iaitu emas yang terdapat dalam perut seekor ikan pada suatu masa dahulu. Mengikut sumber yang boleh dipercayai, emas yang dijumpai dalam perut *Ikan Tapah* itu juga masih disimpan oleh salah seorang keturunannya. Justeru itu, kisah ini bukan hanya rekaan sebaliknya ia dikatakan benar-benar berlaku pada zaman dahulu. Kisah yang berlaku ini telah membuka mata Pak Itam untuk menjadi peribadi yang lebih baik dan mengikut ajaran agama Islam seutuhnya.

Dapat kita lihat bahawa pengaplikasian pendekatan dakwah sangat sesuai dalam konteks penceritaan ini. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah ini dilihat bertujuan untuk mengajak orang ramai untuk mematuhi ajaran agama Islam. Tambahan lagi pengarang juga menggunakan platform penulisan ini untuk menjelaskan dengan lebih mendalam tentang manusia yang pernah lalai dengan urusan duniawi akhirnya berubah menjadi seseorang yang taat kepada agama dan meninggalkan seluruh larangannya. Sebagai contohnya, kehidupan Pak Itam berubah selepas percaya bahawa Allah SWT merupakan sebaik-baik penolong dan mengakui KebesaranNya.

Kita sedia maklum bahawa kisah *Cik Siti Wan Kembang* seringkali diceritakan dalam sesuatu legenda. Dalam hal ini, petikan di bawah menjelaskan cerita rakyat yang berjudul *Cik Siti Wan Kembang*.

Petikan 20

Raja Kelantan iaitu, Sultan Ahmad dan permaisurinya, Raja Perempuan Banun sudah lama berkahwin tetapi masih belum dikurniakan cahaya mata. Suatu hari, berkat doa baginda kepada Allah, mereka dikurniakan seorang puteri yang diberi nama Cik Siti Wan Kembang. Cik Siti Wan Kembang dijaga dan dididik dengan penuh kasih sayang Semua rakyat sayang kepadanya.

Cik Siti Wan Kembang membesar menjadi seorang puteri yang sangat rupawan. Ramai anak-anak raja dari Kelantan berkenan dengannya. Tetapi Cik Siti Wan Kembang jatuh hati kepada Tengku Ahmad. Mereka pun bertunang.

Menjelang hari perkahwinan Tengku Ahmad dan Cik Siti Wan Kembang, ayahanda Tengku Ahmad diserang oleh Tengku Hamid dari selatan Siam. Tengku Ahmad terpaksa pulang ke Salor untuk mempertahankan ayahandanya.

Dalam peperangan itu. Tengku Ahmad dan pengikutnya berjaya membunuh Tengku Mansur, adinda Tengku Hamid. Tengku Hamid sangat murka dan mahu membalas dendam. Dia lalu meracun Tengku Ahmad. Maka mangkatlah Tengku Ahmad Datuk Panglima dan pengawal diraja segera mengepung Tengku Hamid lalu membunuhnya.

Cik Siti Wan Kembang berasa sangat sedih mendengar berita kemangkatan Tengku Ahmad Sebelum Tengku Ahmad meninggal dunia, baginda sempat mewasiatkan seekor kijang kepada Cik Siti Wan Kembang Kijang itulah sehingga ke hari ini menjadi lambang negeri Kelantan.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:153)

Kisah ini bermula apabila seorang raja Kelantan yang tidak mempunyai keturunan walaupun sudah lama mendirikan rumah tangga. Namun, berkat doa yang tidak putus akhirnya mereka pun dikurniakan seorang puteri yang diberi nama *Cik Siti Wan Kembang*. Puteri mereka telah diberikan didikan dan dijaga bagai menatang minyak yang penuh. Akhirnya, puteri mereka membesar menjadi anak yang sangat cantik sehinggakan anak yang meminatinya untuk dijadikan isteri. Namun, hati puteri sudahpun terpaut kepada Tengku Ahmad. Bahagia yang ingin dibina akhirnya terlebur apabila bapa kepada Tengku Ahmad telah diserang oleh Tengku Hamid dari Selatan Siam. Sepanjang menjalankan peperangan, Tengku Ahmad dan pengikutnya telah berjaya membunuh adik kepada Tengku Hamid. Perbuatan itu akhirnya mengundang kemarahan Tengku Hamid sehinggakan dia tekad dan telah meracuni Tengku Ahmad. Tengku Ahmad akhirnya telah mangkat dan ianya telah mengundang kesedihan *Cik Siti Wan Kembang*. Lambang negeri Kelantan iaitu Kijang adalah tanda yang telah diwasiatkan oleh Tengku Ahmad.

Kita dapat lihat bahawa kijang merupakan seekor haiwan yang telah dinobatkan menjadi sebuah lambang bagi negeri yang terletak di Pantai Timur iaitu Kelantan. Hal ini dikatakan demikian kerana kijang sangatlah berkait rapat dengan *Cik Siti Wan Kembang* yang merupakan seorang pemerintah wanita bagi suatu ketika dahulu. Tambahan lagi, *Cik Siti Wan Kembang* juga digelar sebagai seorang wanita legenda yang mampu memerintah negeri Kelantan sehingga menjadi negeri yang masyhur suatu ketika dahulu. Dalam menyelami sejarah dahulu, dapat dilihat bahawa *Cik Siti Wan Kembang* telah memerintah Negeri Kelantan sekitar tahun 1610 sehingga 1677.

Baginda yang juga merupakan seorang anak yang terlahir dari Sultan Kelantan iaitu Sultan Ahmad dan isterinya. Oleh itu, lambang kijang seringkali digunakan dalam pembuatan wang emas pada zaman dahulu sehingga ia diabadikan menjadi lambang kebesaran negeri Kelantan dan masyhur sehingga kini.

Justeru itu, kisah penceritaan yang menunjukkan bagaimana kijang boleh diangkat menjadi suatu lambang bagi negeri Kelantan. Secara umumnya, kita dapat menyimpulkan bahawa pendekatan moral merupakan pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan dalam menghasilkan analisis ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang telah mengeluarkan sebuah pengalaman yang dipercayai benar-benar terjadi pada suatu ketika dahulu. Dapat kita lihat bahawa pengarang mengeluarkan legenda yang ditakrifkan sebagai kepercayaan masyarakat dahulu yang terjadi terhadap *Cik Siti Wan Kembang*. Tambahan lagi, pengarang juga mengeluarkan isu tentang bagaimana seekor kijang boleh dinobatkan sebagai lambang negeri Kelantan dan ianya masih lagi digunakan sehingga hari ini.

Dapat kita lihat bahawa kisah penceritaan *Batu Belah Batu Bertangkup* seringkali didengari oleh setiap golongan Masyarakat sehinggakan ia sempat ditayang melalui siaran televisyen. Petikan di bawah menjelaskan dengan lebih terperinci tentang kisah *Batu Belah Batu Bertangkup*.

Petikan 21

Pada suatu masa dahulu, tinggal Mak Tanjung bersama dua orang anaknya iaitu, Melur dan Pekan.

Suatu hari, Mak Tanjung pergi ke sungai untuk menangguk ikan. Dia berasa sangat gembira apabila dapat menangguk seekor ikan tembakul. Dia memang sangat teringin makan telur ikan tembakul.

Dia memberikan ikan itu kepada Melur lalu berkata. "Masaklah gulai ikan tembakul ini bersama telurnya sekali. Emak hendak makan telurnya." Kemudian, dia keluar ke baruh untuk mengambil daun nipah.

Selepas siap memasak gulai ikan tembakul, Melur menyimpan separuh telur ikan tembakul untuk emaknya. Pekan yang lapar makan dengan gelojoh sekali. Sudah tiga kali dia menambah Apabila habis dia meminta pula telur yang disimpan oleh kakaknya. Dia beria-ia menangis. Melur tidak sampai hati lalu memberikan telur itu kepada adiknya.

Tidak lama kemudian, Mak Tanjung pulang. Hatinya sedih benar kerana anak-anaknya tidak mengingatnya. Dia merajuk lalu berlari menuju ke gua Batu

Belah Batu Bertangkup. Melur dan Pekan mengejar emak mereka tetapi malangnya apabila mereka sampai, batu itu sudah tertangkup. Emak mereka sudah tiada.

Melur dan Pekan menangis di depan batu belah sehingga tertidur. Esok paginya Nenek Kebayan menjumpai mereka lalu membawa mereka tinggal bersamanya. Apabila dewasa, Melur sangat cantik Suatu hari, Raja Indera Sakti ternampak Melur lalu melamarnya.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:13)

Kisah ini bermula apabila Mak Tanjung mendapat telur Ikan Tembakul lalu meminta anaknya untuk memasak gulai Ikan Tembakul. Sejurus itu, Mak Tanjung keluar sebentar untuk mengambil daun nipah. Gulai telur Ikan Tembakul itu akhirnya siap dimasak dan akhirnya disimpan oleh Melur untuk ibunya. Namun, kepulangan Pekan yang kelaparan sehinggakan melahap kesemua telur Ikan Tembakul tanpa meninggalkan satupun kepada ibunya. Mak Tanjung sangatlah hiba dan sedih dengan anak-anaknya lalu berlari ke arah gua *Batu Belah Batu Bertangkup*. Tidak sempat Pekan dan kakaknya mengejar, Mak Tanjung sudahpun ditelah oleh batu tersebut.

Kita sedia maklum bahawa kisah *Batu Belah Batu Bertangkup* merupakan kisah yang sangat popular dan diketahui oleh segenap masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana kisah ini sempat ditayangkan di kaca televisyen pada suatu masa dahulu. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa kisah ini ingin mengeluarkan kesedihan yang dialami oleh ibu terhadap anaknya sehingga sanggup meninggalkan anaknya dan masuk ke dalam batu belah batu bertangkup itu. Dengan ini, kita tidak dapat menyangkal bahawa setiap individu sudah pastinya mempunyai keinginan untuk memakan sesuatu sehingga menimbulkan rasa sedih sekiranya tidak mendapatkannya.

Sehubungan itu, pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan dalam kisah *Batu Belah Batu Bertangkup* ini ialah pendekatan kemasyarakatan. Dalam hal ini, pengarang ingin mengeluarkan sikap keadilan yang seharusnya ada dalam diri setiap individu. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap individu layak untuk dilayan secara adil terutama sekali bagi ibu. Pengarang ingin menunjukkan kesedihan yang dialami oleh seseorang

watak akibat dari rasa kurang keadilan yang diterapkan dalam diri. Sebagai contohnya, pengarang juga ingin mengetengahkan sikap anak-anak yang seharusnya memikirkan ibunya terlebih dahulu sebelum melakukan setiap perkara.

Secara keseluruhannya, dapat kita lihat bahawa terdapat peristiwa-peristiwa aneh yang berlaku pada zaman dahulu yang menyebabkan kisahnya diangkat sebagai sebuah cerita rakyat. Dalam hal ini, kisah legenda peristiwa yang berlaku pada suatu masa dahulu pada dasarnya ada memberikan impak yang berterusan sehingga ke hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap peristiwa-peristiwa aneh yang berlaku pada masa kini sememangnya mempunyai kaitan rapat dengan kejadian yang pernah terjadi kepada masyarakat terdahulu. Oleh itu, peristiwa yang berlaku pada masa dahulu wajar untuk disebut sebagai legenda peristiwa.

4.6 Unsur Legenda Tradisi

Kita sedia maklum bahawa tradisi merupakan sebuah tinggalan turun-temurun yang seharusnya diikuti oleh masyarakat sehingga ke hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sudah menjadi tanggungjawab kita bagi menjaga dan menerapkan ke dalam diri setiap masyarakat terutamanya terhadap generasi akan datang. Tradisi dapat dilihat dari segi adat perkahwinan, adat berziarah dan sebagainya. Pada dasarnya, tradisi-tradisi ini sudah sebatil dalam hidup masyarakat. Dalam hal ini, tradisi juga dapat dilihat dari segi budaya iaitu kegiatan dan kepercayaan orang zaman dahulu untuk dijadikan sebagai sebuah kebiasaan. Justeru itu, *Kamus Dewan* (2005) ada menyatakan bahawa tradisi merupakan sebuah kebiasaan yang harus dikekalkan secara turun-temurun dari generasi ke generasi. Hal ini juga boleh dipercayai merupakan suatu adat kepercayaan yang seharusnya ada ketika melakukan sesuatu perkara.

Berikut merupakan salah satu petikan bagi unsur legenda tradisi yang terdapat dalam teks cerita rakyat. Unsur legenda tradisi ini bertajuk *Adat Hantaran Daun Sirih, Gambir, Kapur dan Pinang*.

Petikan 22

Dahulunya, di sebuah negeri, tinggal Raja Embung Besar, permaisurinya, dan puteri mereka, Puteri Melur Sekuntum. Rupa paras Puteri Melur Sekuntum sangat indah dan kelakuannya juga baik-baik, Maka, ramai putera datang memining Puteri Melur Sekuntum. Tetapi malangnya, tiada siapa pun mahu mengahwininya kerana mulut Puteri Melur Kuntum berbau busuk. Suatu hari, putera raja negeri atas angin datang memining Puteri Melur Sekuntum, Raja dan permaisuri menerima pinangan tersebut. Puteri Melur Sekuntum sangat gusar lalu membawa dirinya ke taman. Di bawah sepohon pokok ia memikirkan nasibnya. Tiba-tiba muncul seekor ular putih yang boleh berkata-kata. "Mengapa puteri bermuram durja?" soalnya. Puteri Melur Sekuntum pun menceritakan masalahnya. Sesudah itu, ular putih memanggil empat ekor ular hitam dan menyuruh mereka membawakan daun sirih, gambir, kapur dan pinang. Setelah semua benda itu dibawa, Puteri Melur Sekuntum diminta memakannya. Serta-merta, bau busuk mulut puteri hilang. Puteri sangat gembira lalu berterima kasih kepada ular putih. Perkahwinan antara putera dan puteri pun dilangsungkan. Sewaktu majlis pernikahan, Puteri Melur Sekuntum meminta daun sirih, gambir, kapur dan pinang dijadikan salah satu hantarannya.

Dari situlah, bermulanya adat hantaran daun sirih, gambir, kapur dan pinang. Sehingga kini, adat itu masih lagi diamalkan
(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:102)

Kisah ini bermula apabila terdapat seorang puteri yang indah rupanya sehinggakan ia diminati oleh ramai pemuda. Puteri tersebut diberi nama Puteri Melur Sekuntum. Puteri tidak dikahwini kerana mempunyai masalah mulut berbau. Sehinggakan pada suatu hari puteri sangatlah risau kerana ada pinangan dari seorang pemuda yang diterima oleh bapanya. Masalah yang dihadapi oleh Puteri Melur Sekuntum akhirnya menemui jalan penyelesaiannya dengan menggunakan daun sirih, gambir, kapur dan pinang. Akhirnya, mulut Puteri Melur Sekuntum tidak lagi berbau. Dengan ini, perkahwinan akhirnya diteruskan dengan syarat hantarannya perlulah mempunyai daun sirih, gambir, kapur dan pinang. Dapat kita lihat bahawa adat hantaran daun sirih, gambir, kapur dan pinang dimulakan bahkan adat tersebut masih lagi digunakan sehingga kini dan dijadikan sebagai sesuatu tradisi perkahwinan.

Tradisi perkahwinan yang masih lagi diterapkan sehingga kini merupakan sebuah peninggalan yang masih lagi dijalankan dalam golongan masyarakat Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi mereka yang masih mengikut adat perkahwinan yang ditetapkan pada zaman dahulu. Tambahan lagi, adat tinggalan ini perlu ada dalam setiap majlis perkahwinan. Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Wan Abdul Kadir Wan Yusoff (2000), adat ditakrifkan sebagai suatu peraturan sosial yang berteraskan kod etika dan moral. Masyarakat pada zaman dahulu sangatlah memandang terhadap *Adat Hantaran Daun Sirih, Gambir, Kapur Dan Pinang* ini kerana bagi mereka majlis tidak akan lengkap sempurna tanpanya. Namun, arus kemodenan yang semakin berkembang menjadikan adat ini tidak diikuti secara tertib seperti yang telah ditetapkan.

Dengan ini, pendekatan moral ini sesuai untuk digunakan dalam merealisasikan analisis ini untuk mendapatkan hasil yang memuaskan serta sistematik. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang telah menerapkan sebuah peristiwa yang benar-

benar berlaku pada zaman berabad lalu untuk dijadikan sebagai sejarah adat hantaran ini masih lagi berlaku dan digunakan sehingga kini. Dapat kita lihat bahawa di sebalik berlakunya adat hantaran ini, pengarang telah menerapkan sebuah penceritaan yang mengaitkan tentang pengalaman masyarakat dahulu dalam melakukan adat perkahwinan. Justeru itu, kisah yang berlaku pada zaman tersebut boleh dijadikan sebagai adat yang perlu diikuti dan dijaga sampai ke generasi seterusnya. Buktinya, tradisi perkahwinan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu tidak akan lengkap tanpa adanya adat yang telah ditetapkan ini.

Dapat kita lihat bahawa cerita rakyat *Puteri Mayang* masih lagi tersohor dan tersebar luas sehingga kini. Petikan di bawah menceritakan dengan lebih mendalam berkaitan *Puteri Mayang* ini.

Petikan 23

Pada zaman dahulu, penduduk sebuah kampung diserang penyakit aneh. Ramai penduduk terlantar sakit hingga berminggu berbulan lamanya.

Tidak lama selepas itu, penyakit itu merebak pula ke kampung-kampung lain. Habislah penduduk sekalian kampung dijangkiti penyakit itu. Meskipun ramai bomoh dan dukun datang dan cuba mengubat, penyakit itu tetap juga tidak hilang. Akibatnya, ramai yang meninggal dunia.

Seorang budak perempuan bernama Ruyung tinggal bersama ibunya. Suatu hari, ibunya juga terkena penyakit itu. Ruyung sangat susah hati. Pada waktu malam, Ruyung duduk termenung di bawah pokok pinang di hadapan rumahnya. Tiba-tiba Ruyung terdengar suara orang menyanyi, Dilihatnya seludang pinang sedang pecah mengeluarkan mayangnya. Dari mayang itu, turunlah tujuh orang puteri.

Ruyung ketakutan namun, semua puteri menenangkannya. Mereka memberi petua untuk mengubat penyakit ibu Ruyung. Sebelum pulang, puteri sulung berpesan, "Serulah kami jika penyakit itu datang lagi".

"Bagaimana hamba hendak menyeru tuan puteri bertujuh ini?" soal Ruyung. Puteri sulung pun mengajarkan sebuah lagu kepada Ruyung.

Umbut mayanku umbut
Umbut dengan jala-jemala
Ulit mayanku ulit
Ulit dengan puterinya esa

Puteri esa berbaju serong
Puteri esa bersanggul sendeng
Puteri esa bersubang gading
Puteri esa berselendang kuning

Ulit mayanku ulit
Ulit dengan jala-jemala

Jika sambut mayangku sambut
Sambut dengan puterinya dua

Sejak itu, setiap kali Ruyung mengalunkan lagu itu, turunlah ketujuh-tujuh tuan puteri Mereka membantu mengubat penduduk kampung yang sakit. Tidak lama selepas itu, sembuhlah semua penduduk.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:202)

Kita sedia maklum, *Puteri Mayang* ataupun turut dikenali sebagai Ulek Mayang pada zaman kini mempunyai kisah awal di sebaliknya. Hal ini bermula apabila penduduk diserang suatu penyakit yang aneh sehingga tiada penawar yang dapat mengubatnya. Apa yang lebih membimbangkan, penyakit itu terus menular dan menjangkiti penduduk di kampung lain dan akhirnya meninggal dunia. Suatu hari, ibu Ruyung juga turut dijangkiti penyakit menggusarkan hati Ruyung. Namun, secara tiba-tiba Ruyung terdengar bait-bait nyanyian yang dinyanyikan oleh 7 orang puteri. 7 puteri itupun memberikan solusi kepada Ruyung bagaimana untuk menyembuhkan penyakit misteri itu dan sempat berpesan bahawa serulah mereka dengan lagu apabila penyakit itu datang kembali. Dengan ini terciptalah lagu ulek mayang. Lama-kelamaan, penduduk yang menghadapi penyakit misteri itupun sembuh seperti sediakala.

Kita sedia maklum bahawa lagu *Ulek Mayang* sememangnya unik kerana ia disertakan dengan tarian tradisional yang berasal dari Terengganu (Mubin Sheppard, 1983). Dalam hal ini, Ulek Mayang merupakan salah satu tradisi yang masih dimainkan di negeri Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana nyanyian serta tarian Ulek Mayang ini sering kali dipersembahkan sekiranya ada majlis-majlis yang melibatkan kebudayaan. Bersesuaian dengan pendapat Siti Madhiah Mohd Nasir (2015) iaitu persembahan Ulek Mayang pada masa kini telah dianggap sebagai seni teater muzikal kerana mengandungi tarian, lakonan dan pantun yang telah dilagukan. Penari yang menari dengan iringan lagu Ulek Mayang ini kebiasaannya memakai pakaian berasaskan songket serta aksesori di pinggang, kepala dan telinga. Namun, alunan dan bait-bait lirik yang terdapat dalam Ulek Mayang sering kali dikatakan mempunyai

unsur mistik disebabkan oleh mengandungi unsur pemujaan. Justeru itu, tarian Ulek Mayang ini merupakan sebuah tradisi yang terdapat di Terengganu.

Berdasarkan petikan, dapat kita lihat bahawa penyakit yang dialami oleh penduduk tersebut boleh dikatakan penyakit yang sukar diubati kerana ia merupakan penyakit yang berkait-rapat dengan perkara ghaib yang hanya boleh disembuhkan dengan penggunaan ayat-ayat mantera tertentu. Hal ini telah dipersetujui oleh Saliha Musor (2015) yang memberi pandangan beliau bahawa masyarakat pada zaman dahulu percaya bahawa segala penyakit yang ada pada waktu dahulu mempunyai kaitan dengan alam ghaib. Selain itu, dapat kita lihat bahawa pada zaman perkembangan drama bangsawan di Tanah Melayu, Ulek Mayang sememangnya dijadikan sebagai upacara mengubati penyakit. Dalam hal ini, dapat kita lihat bahawa pendekatan gunaan sesuai digunakan untuk menghasilkan analisis ini. Hal ini dikatakan demikian kerana lirik lagu yang dialunkan dapat dikaitkan dengan unsur alam. Menurut kisah dan kepercayaan masyarakat pada masa dahulu, bait-bait dan lirik yang telah diajarkan oleh *Puteri Mayang* adalah bertujuan untuk mengubati penyakit misteri yang dihidapi oleh penduduk zaman itu. Tambahan lagi, terdapat penggunaan unsur alam iaitu mayang yang merupakan bunga pokok kelapa digunakan kerana dipercayai dapat mengusir makhluk halus.

Tarian Wek Jongen merupakan salah satu tradisi yang masih lagi ada sehingga kini. Cerita rakyat di bawah mengisahkan tentang bagaimana *Tarian Wek Jongen* mula diperkenalkan.

Petikan 24

Dahulunya, di Lembah Sungai Selakau, tinggal bangsa Selako di rumah panjang. Jongen dan ibunya juga tinggal di situ. Jongen duduk termenung di tangga rumah. Ia masih bersedih memikirkan bapanya yang sudah meninggal dunia akibat dipatuk ular. Tuk dukun tidak dapat mengubati bapanya kerana sewaktu bapanya dipatuk ular, bapanya sudah dibawa masuk ke rumah. Mengikut tuk dukun, adalah menjadi pantangnya, orang yang dipatuk ular tidak boleh dibawa masuk ke dalam rumah.

Tidak lama kemudian, musim tengkujuh yang sangat dahsyat tiba hingga menyebabkan banjir besar. Semua penduduk rumah panjang terpaksa berpindah.

Air sungai Selakau mula melimpahi tebing. Jongen dan ibunya bergegas meninggalkan rumah mereka. Sedang mereka berjalan, tiba-tiba ibunya terjatuh ke dalam air yang dalam.

Jongen cuba menyelamatkan ibunya namun disebabkan arus deras, ibunya hanyut dibawa air. Menangislah Jongen kerana kehilangan ibunya pula. Jongen meneruskan perjalanannya. Dengan bantuan seorang pemuda, Jongen akhirnya tiba di Tanjung Dato. Setiap hari, Jongen akan menangis mengenangkan nasibnya. Akibatnya, ia buta. Tidak lama selepas itu, Jongen meninggal dunia.

Penghuni rumah panjang kemudian mencipta sebuah tarian mengikut lagu yang selalu dinyanyikan Jongen. Mereka menamakan tarian itu sebagai Tarian Wek Jongen.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:176)

Suatu masa dahulu, terdapat sebuah rumah panjang yang didiami oleh bangsa Selako termasuklah Jongen dan ibunya. Pada masa itu, Jongen masih lagi bersedih atas peninggalan bapanya yang tidak sempat diubati disebabkan dipatuk ular. Oleh disebabkan oleh rumah panjang terbina di Lembah Sungai, para penduduk yang menetap di situ beransur-ansur berpindah kerana tibanya musim tengkujuh. Malangnya, ibu Jongen jatuh dibawa arus deras dan tidak sempat diselamatkan. Hal ini bahkan menambahkan lagi kesedihan Jongen menyebabkan Jongen buta kerana menangis tidak berhenti. Tarian Jongen mulai wujud disebabkan oleh lagu yang sering dinyanyikan oleh Jongen sebelum meninggal dunia. Akhirnya, tarian itu dinamakan sebagai *Tarian Wek Jongen*.

Dapat kita lihat bahawa *Tarian Wek Jongen* merupakan tarian yang telah menjadi tradisi bagi etnik Bidayuh suku Selako di Daerah Sematan Lundu, Sarawak. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat nyanyian yang disesuaikan membentuk sebuah tarian. Kesedihan Jongen tidak dapat digambarkan apabila dia terpaksa kehilangan bapa dan ibunya dalam masa yang sangat singkat. Dapat dilihat bahawa kehidupan Jongen sangatlah menyedihkan membuatkan dia menangis sehingga buta. *Tarian Wek Jongen* mulai tercipta selepas itu. Bahkan sehingga pada masa ini, tarian ini masih lagi dipersembahkan setiap kali adanya majlis keramaian di tempat tersebut. Tidak hanya

itu, tarian ini juga dipersembahkan bersamaan dengan pakaian tradisi bagi etnik Bidayuh.

Kisah yang diceritakan dalam teks cerita rakyat yang berbentuk *Tarian Wek Jongen* ini merupakan sebuah kisah yang boleh dikategorikan sebagai kehidupan yang menyayat hati. Dengan ini, pendekatan moral sesuai digunakan dalam menghasilkan teks analisis terhadap kisah ini. Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang menggambarkan tentang pengalaman yang dikatakan benar-benar terjadi pada zaman dahulu sehingga ia meninggalkan kesan pada hari ini. Sebagai contohnya, *Tarian Wek Jongen* ini pada dasarnya adalah berkisahakan dari seorang pemuda yang teramat sedih atas kematian kedua-dua ibu bapanya. Dalam hal ini dapat kita lihat bahawa pengarang mengambil sebuah pengalaman yang dilihat untuk dijadikan sebagai sebuah ilham dalam penghasilan cerita rakyat yang berunsurkan legenda tradisi.

Unsur legenda tradisi yang masih lagi ada sehingga ke hari ini yang seterusnya ialah *Bobolian*. Kisah *Bobolian* diceritakan secara menyeluruh berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 25

Seorang perempuan tua bernama Bobolian dari suku Tambanuwah pergi ke sungai untuk mengail ikan. Namun ikan-ikan di dalam sungai sangat hodoh. Kulit mereka menggelupas dan isinya pula merekah.

Bobolian ketakutan dan mahu pergi dari situ. Tiba-tiba, seekor ikan bersuara, "Tolonglah kami, Bobolian. Kami akan ajarkan kamu mantera. Kamu hanya perlu mengulangi mantera itu berkali-kali".

Bobolian waswas namun diturutkan jua. Selepas sehari-hari mempelajari mantera itu, akhirnya lancarlah ia membaca. Sewaktu Bobolian membaca mantera, tiba-tiba ia tidak sedarkan diri. Badannya berpusing-pusing dan loceng di lengannya berdering-dering. Ketika itu juga, ikan-ikan di dalam sungai sembuh. Ikan-ikan menyuruh Bobolian berhenti membaca mantera. Mereka berkata, "Disebabkan engkau telah menolong kami, bacalah mantera itu untuk mengubati orang lain. Sesiapa yang sakit pasti akan sembuh".

Bobolian pun pulang ke rumah. Setibanya di rumah, ia melihat anak-anaknya terkena penyakit sama seperti ikan-ikan itu. Ia pun segera membaca mantera itu. Tidak lama kemudian, semua anaknya sembuh. Sejak itu, Bobolian menjadi bomoh yang masyhur. Apabila umurnya sudah tua, ia menurunkan ilmunya kepada anak cucunya. Mereka juga dipanggil Bobolian. Sejak itulah mana-mana wanita yang pandai mengubati penyakit digelar Bobolian.

(Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiq Yusoff & Fatimah Abdul Nasir, 2023:190)

Kita dapat lihat bahawa *Bobolian* merupakan salah satu contoh yang memaparkan legenda tradisi yang ada sejak zaman dahulu. Untuk pengetahuan semua, *Bobolian* merupakan panggilan bagi rahib iaitu perawat wanita bagi kaum Kadazandusun. *Bobolian* merupakan nama bagi seorang wanita dari suku Tambanuwah. Hal ini bermula apabila *Bobolian* yang ketakutan melihat ikan-ikan di sungai kesakitan akibat dari penyakit kulit menggelupas. Akibat ketakutan, *Bobolian* ingin cepat-cepat berlalu namun dihalang oleh ikan-ikan tersebut yang meminta tolong untuk menyembuhkan penyakit yang dialami oleh mereka. Oleh kerana kasihan, *Bobolian* membantu mereka dengan mantra yang diajarkan berkali-kali. Berkatnya, ikan-ikan itu pun sembuh namun *Bobolian* tidak sedarkan diri dan jatuh pingsan. Namun, mantra-mantra yang diajarkan juga mampu menyembuhkan penyakit orang lain. Semenjak itu, khidmat *Bobolian* diperlukan oleh warga sekitar dan akhirnya gelaran *Bobolian* diberikan kepada perawat wanita.

Kita sedia maklum bahawa gelaran *Bobolian* sudah sebatu sebagai panggilan terhadap seorang perawat wanita bagi kaum Kadazandusun. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka merupakan orang yang dipercayai dan sangat handal dalam ilmu perubatan. Dalam hal ini, gelaran *Bobolian* pada dasarnya boleh disama ertikan dengan bomoh. Menurut Kamus Dewan (2007), bomoh merupakan seorang tabih yang dipercayai boleh menyembuhkan penyakit dengan menggunakan ubat tradisional mahupun cara kampung. Selain itu, masyarakat Kadazandusun percaya bahawa *bobolian* berperanan dalam membantu masyarakat dalam berkomunikasi dengan alam ghaib bertujuan untuk menyelesaikan masalah seperti penyakit dan bencana yang menimpa masyarakat. Tambahan lagi, wanita yang mempunyai gelaran *Bobolian* ini juga dapat menyembuhkan hampir kesemua jenis penyakit. Untuk makluman, setiap kaum mempunyai kefahaman dan kepercayaan yang sudah sebatu dalam diri masing-masing. Hal ini tidak terkecuali bagi kaum Kadazandusun kerana mereka percaya

bahawa setiap penyakit boleh disembuhkan dengan menggunakan mantera yang mempunyai ayat-ayat jampi di dalamnya.

Penggunaan mantera yang dipercayai dapat menyembuhkan sesuatu jenis penyakit merupakan kepercayaan yang telah diterapkan dalam diri kaum Kadazandusun. Kita sedia maklum bahawa mantera merupakan sebuah magis yang memerlukan ilmu ghaib untuk menguasainya. Pada pandangan Harun Mat Piah (1989), mantera mempunyai hubungkait yang kuat di antara kepercayaan masyarakat terutamanya dalam bidang keselamatan, kepercayaan, warisan dan kebudayaan. Kepercayaan ini masih berlanjutan sehingga kini disebabkan oleh mantera sangatlah mujarab untuk dijadikan sebagai penawar, perlindungan dan sebagainya. Selain itu, Mohd Firdaus Che Yaacob (2021) juga turut menyatakan bahawa mantera juga boleh dikaitkan dengan sebuah pemujaan yang menggunakan alam ghaib. Justeru itu, masyarakat pada zaman dahulu kebanyakannya mempercayai penggunaan mantera ini untuk tujuan tertentu.

Sehubungan dengan itu, dapat dilihat bahawa segelintir masyarakat Kadazandusun masih lagi mempercayai penggunaan mantera dalam membantu mengubatkan penyakit, memberikan perlindungan serta kemudahan dalam kehidupan mereka. Dengan ini, pendekatan gunaan merupakan teori yang sesuai diaplikasikan dalam teks cerita rakyat *Bobolian* ini. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai unsur alam yang dikaitkan dalam mantera tersebut dalam melakukan proses penyembuhan penyakit. Buktinya, selepas *Bobolian* membacakan mantera tersebut, ikan dan anak-anaknya yang mempunyai penyakit dapat disembuhkan seperti sedia kala. Tambahan lagi, mantera merupakan sebuah baris kata yang banyak menerapkan unsur alam dalam setiap perkataannya. Dapat dilihat bahawa pengarang memperhatikan dan menjadikan unsur alam sebagai sebahagian kehidupan masyarakat.

Kita sedia maklum bahawa apabila berbicara berkenaan tradisi masyarakat, ia seharusnya dipandang dan diambil secara serius. Hal ini dikatakan demikian kerana tradisi sememangnya dikenali sebagai sebuahinggalan pada zaman dahulu untuk terus digunakan serta diamalkan sehingga ke generasi akan datang. Tambahan lagi, tradisi merupakan sebuah kebiasaan sosial yang akan diturunkan dari generasi ke generasi yang lain. Dapat kita lihat bahawasanya sudah menjadi tanggungjawab seutuhnya bahawa setiap generasi memainkan peranan yang besar dalam memelihara setiap tradisiinggalan ini. Tambahan lagi, tradisi ini juga boleh dikenali sebagai adat yang telah menjadi cerminan masyarakat Melayu yang harus dijaga. Hal ini tidak lain tidak bukan hanyalah bertujuan untuk memelihara sebuah adat yang menjadi sebuah cerminan.

4.7 Penutup

Dengan ini, dapat dilihat bahawa pengkaji telah berjaya untuk menemukan beberapa Unsur Legenda yang terkandung dalam Teks *366 Cerita Rakyat Terkenal* yang dihasilkan oleh Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff dan Fatimah Abdul Nasir. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat lima jenis unsur legenda yang ditemui iaitu unsur legenda tokoh, asal usul tempat, peristiwa, tradisi dan amanat. Dalam hal ini, kita dapat melihat bahawa legenda yang terjadi pada waktu dahulu dapat divariasikan dengan kepelbagaian jenis. Tambahan lagi, ia juga merupakan kisah-kisah yang benar-benar terjadi pada waktu dahulu yang bahkan memberi impak sehingga kini. Buktinya, beberapa hal masih lagi menjadi buah mulut masyarakat kini serta telah menjadi kepercayaan bagi mereka untuk mengikutinya. Justeru itu, unsur legenda yang telah dikeluarkan dapat menggali dengan lebih mendalam berkaitan dengan peristiwa-peristiwa yang telah terjadi pada waktu dahulu. Secara keseluruhannya, kita dapat menjadikan legenda ini sebagai bahan bacaan yang membolehkan generasi yang akan datang sebagai sumber rujukan Sejarah. Dengan ini, setidaknya mereka dapat mengetahui asbab dan punca yang menyebabkan sesuatu peristiwa itu terjadi sehingga ia menjadi khazanah yang seharusnya dipelihara oleh setiap generasi ke generasi.

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Umum sedia maklum, bahagian kesimpulan iaitu bab kelima merupakan titik akhir kepada projek penyelidikan ini. Perkara ini merupakan bahagian yang melampirkan kesimpulan secara menyeluruh dengan lebih ringkas dan padat berkenaan kajian yang dilakukan pada bab satu hingga empat. Dalam hal ini, pengkaji mengambil kesempatan ini untuk mengulang kembali secara ringkas tentang kajian yang telah dibuat pada bab sebelumnya. Tambahan lagi, kajian ini adalah berpaksikan terhadap unsur legenda, cerita rakyat serta Teori Pengkaedahan Melayu. Tidak hanya itu, pengkaji juga turut menampilkan pandangan dari pihak pengkaji sendiri untuk membuka mata para pembaca untuk memandang dengan lebih meluas berkaitan dengan apa yang telah dibincangkan sebelum ini. Secara tidak langsung golongan pembaca akan memperoleh impak positif dari segi pengetahuan baharu. Akhir kata, pengkaji telah menghasilkan rumusan ringkas pada penghujung bab kelima ini.

5.2 Rumusan

Dapat kita perincikan melalui hasil kajian yang diperolehi sepanjang melaksanakan kajian ini ialah unsur legenda dalam cerita rakyat masih lagi belum didalami dan ditafsirkan dengan lebih terperinci. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat sememangnya tidak asing lagi terutama terhadap golongan kanak-kanak. Hal ini justeru dikatakan demikian kerana ia merupakan sebuah medium hiburan bagi kanak-kanak yang gemar membaca. Tidak hanya itu, kosa kata dan bahasa yang tidak rumit merupakan suatu bonus yang dapat diperolehi melalui cerita rakyat memudahkan golongan kanak-kanak untuk memahami sesebuah penceritaan yang ada.

Seterusnya, pengkaji mulai berminat untuk mengetengahkan cerita rakyat dalam kajian ini kerana ianya merupakan sebuah tumpuan yang dizahirkan sebagai khazanah kepada masyarakat. Tambahan lagi, cerita rakyat yang pernah ada pada zaman dahulu mulai dijadikan sebagai medium pembacaan yang dibukukan. Oleh itu, ianya justeru memberi kemudahan untuk para pembaca terutamanya golongan masyarakat pada masa kini dalam mendalami kisah-kisah yang pernah ada pada waktu dahulu. Jadi, tidak mustahil bagi pengkaji untuk mendalami unsur legenda yang terselit dalam sesebuah penceritaan cerita rakyat. Secara tidak langsung pengkaji dapat menarik perhatian pembaca berdasarkan legenda yang terjadi pada zaman berabad lalu. Umum sedia maklum bahawa legenda merupakan sebuah kepercayaan masyarakat dahulu yang dianggap benar-benar berlaku di kehidupan lampau.

Selain itu, dapat juga kita lihat bahawa cerita rakyat pada umumnya memaparkan kepelbagaian dalam sesebuah penceritaan. Hal ini dikatakan demikian kerana cerita rakyat menunjukkan sesuatu yang berbeza dalam memaparkan cerita yang berkaitan dengan sejarah, mistik, kebudayaan, kepercayaan dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengemukakan unsur legenda yang merupakan suatu kepercayaan masyarakat dahulu untuk dikaji. Hal ini justeru dilakukan setelah pengkaji

meneliti unsur legenda yang masih belum mendapat perhatian dalam kalangan pengkaji terdahulu terhadap cerita rakyat. Tambahan lagi, unsur legenda seharusnya dikemukakan agar para pembaca dapat memahami apa yang terjadi pada zaman dahulu sehingga ia digelar sebagai legenda. Tidak hanya itu, pengkaji mengambil peluang untuk mengkaji salah satu unsur yang terdapat dalam cerita rakyat iaitu unsur legenda yang dapat memberikan pengetahuan yang baru.

Sepanjang proses meneliti dan mendalami cerita rakyat yang dipilih oleh pengkaji iaitu teks *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Pengkaji telah berjaya untuk mengeluarkan unsur-unsur legenda yang terdapat dalam teks cerita rakyat. Dalam hal ini, pengkaji telah berjaya untuk mengeluarkan lima jenis unsur legenda iaitu tokoh, amanat, asal-usul tempat, peristiwa dan tradisi. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur legenda pada dasarnya terbahagi dengan kepelbagaian jenis yang dapat membuktikan bahawa legenda yang terjadi dalam kalangan masyarakat pada zaman dahulu merupakan sebuah penceritaan yang meluas. Tambahan lagi, secara tidak langsung ia dapat memberi gambaran secara tidak langsung kepada masyarakat pada waktu ini perihal apa yang pernah terjadi suatu Ketika dahulu.

Secara keseluruhannya, pengkaji memilih untuk mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai tonggak utama dalam melakukan kajian ini. Umum sedia maklum, Teori Pengkaedahan Melayu mulai diperkenalkan oleh Hashim Awang (1994) yang merupakan seorang sarjana dan pengkritik terkenal tanah air. Tambahan lagi, gagasan teori ini dipilih sebagai wacana untuk melakukan kajian ini kerana ia bersesuaian dengan sumber kajian yang dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana ia merupakan gagasan teori yang dekat dengan sisi kehidupan Masyarakat yang merangkumi kehidupan, kepercayaan dan kebudayaan. Selain itu, Teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada 2 jenis iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang masing-masing mempunyai peranan yang berbeza dalam menghasilkan analisis karya yang telah dipilih.

Rumusannya, analisis kajian yang dijalankan berdasarkan unsur legenda yang terdapat dalam cerita rakyat merupakan sangatlah memberi peranan yang besar dalam kehidupan Masyarakat. Dalam erti kata lain, unsur legenda merupakan sesuatu yang seharusnya ditonjolkan agar masyarakat sedar dan tahu tentang peristiwa yang pernah terjadi pada waktu dahulu. Dengan adanya pengetahuan yang meluas berkaitan unsur legenda ini, secara tidak langsung kita dapat memperlihatkan keunikan peristiwa dan Sejarah yang pernah terjadi suatu ketika dahulu.

5.3 Cadangan

Pada bahagian ini, pengkaji tertarik untuk mengutarakan pandangan dan cadangan yang dapat direalisasikan oleh beberapa golongan pihak tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk memperkenalkan dengan lebih meluas berkaitan unsur legenda yang ada agar tidak luput ditelan zaman. Kita sedia maklum bahawa seiring beredarnya waktu, pelbagai peristiwa Sejarah juga saban hari semakin dilupakan. Namun, sudah menjadi tanggungjawab kita untuk mengekalkan dan memperingati legenda-legenda yang pernah terjadi pada waktu terdahulu kepada generasi baharu supaya ia kekal diingati.

Cadangan yang akan diusulkan pertama sekali ialah memberikan tumpuan yang lebih terhadap peristiwa legenda yang terjadi waktu dahulu. Dalam hal ini, para pengkaji yang akan datang boleh mulai meneroka dengan lebih mendalam berkaitan unsur legenda. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji telah melakukan kajian unsur legenda terhadap cerita rakyat yang dipilih iaitu sebanyak 25 jenis cerita rakyat yang berbeza dengan menggunakan pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Namun, pengkaji akan datang boleh mengambil inisiatif untuk mengemukakan unsur legenda dengan lebih meluas untuk mengisi kekosongan yang ada dalam kajian analisis ini.

Selaras dengan itu, pengkaji akan datang bolehlah mulai untuk mencari cara mereka yang tersendiri untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan dengan unsur legenda yang ada. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji akan datang boleh mulai melakukan kajian dengan mencari dengan banyak unsur legenda yang terdapat dalam cerita rakyat. Tidak hanya itu, pengkaji bolehlah melakukan kajian dengan cara yang baharu sama ada melalui cerita mulut ke mulut dari masyarakat terdahulu yang sudi berkongsi cerita. Sudah pasti dengan cara ini, unsur legenda dapat dikeluarkan dengan pelbagai cerita yang baharu. Selain itu, pengkaji pada masa akan datang juga boleh mengambil inisiatif baharu dengan mengkaji teks cerita rakyat yang masih lagi

belum mendapat perhatian oleh pengkaji terdahulu. Dengan ini, mereka boleh menggunakan teori yang berbeza seperti teori sosiologi untuk mengeluarkan analisis kajian yang mengandungi idea yang berbeza. Dengan cadangan yang diusulkan ini, diharapkan agar kajian unsur legenda ini dapat dilakukan dengan lebih baik.

Seterusnya, usul cadangan ini juga turut ditujukan kepada mereka yang bergelar guru yang boleh menyumbang ke arah memperkenalkan unsur legenda dengan lebih meluas kepada pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak guru boleh mengambil inisiatif dengan memperkenalkan unsur legenda terhadap pelajar terutamanya bagi mereka yang mengambil subjek Kesusasteraan. Tambahan lagi, pihak guru sewajarnya mengadakan kuiz dan sesi soal jawab apabila tibanya minggu kesusasteraan. Hal ini secara tidak langsung menjurus ke arah memberi pengetahuan yang baharu kepada para pelajar. Tidak hanya itu, ia juga menyumbang ke arah pengetahuan kepada para pelajar yang mencari gali dengan bersungguh-sungguh berkenaan legenda yang pernah ada. Secara tidak langsung legenda ini dapat diperkenalkan kepada mereka sejak bangku sekolah lagi.

Cadangan yang seterusnya ditujukan terhadap pihak bertanggungjawab yang boleh memperkenalkan legenda yang ada kepada golongan orang ramai. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak yang bertanggungjawab boleh memperkenalkan sedikit demi sedikit berkaitan dengan legenda yang ada di tempat yang menjadi tumpuan. Tambahan lagi, pihak yang bertanggungjawab boleh melakukan pameran secara terbuka kepada orang ramai untuk memperkenalkan legenda yang ada kepada masyarakat ramai. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan agar dapat memberikan hiburan disamping pengetahuan kepada masyarakat. Justeru itu, ia secara tidak langsung dapat memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang apa yang pernah terjadi. Umum sedia maklum bahawa legenda terdahulu merupakan sebuah peristiwa yang seharusnya diingati.

Secara keseluruhannya, apa yang dapat diperkatakan ialah semoga segala cadangan yang dikeluarkan oleh pengkaji boleh dipertimbangkan oleh pihak tertentu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji berharap kajian unsur legenda ini tidaklah dilakukan setakat ini sahaja malahan diperkembangkan dan dianalisis dengan lebih mendalam lagi. Tidak hanya itu, pengkaji percaya bahawa unsur legenda merupakan sesuatu ilmu pengetahuan yang amat meluas dan seharusnya diterapkan dalam diri setiap masyarakat yang sayang akan khazanah tinggalan ini. Akhir kata, sungguh besar harapan pengkaji untuk melihat unsur legenda ini ditelaah dengan lebih mendalam lagi.

5.4 Penutup

Natijahnya, setelah diteliti dan dikaji pengkaji percaya dan yakin bahawa setiap kajian yang telah dilakukan dapat memberikan sumbangan dari segi pengetahuan kepada masyarakat akan datang. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap kajian yang telah dilakukan sememangnya memberikan impak yang positif bagi mereka yang ingin menimba ilmu. Tambahan lagi, ia banyak membantu dalam memberikan pengetahuan yang lebih meluas tentang apa yang ingin dicari gali. Umum sedia maklum bahawa setiap kajian yang telah dilakukan sudah semestinya memberikan ilmu baharu. Justeru itu, pengkaji mengharapkan bahawa hasil kajian dan olahan idea yang dikemukakan dalam kajian ini secara tidak langsung dapat membantu pengkaji akan datang dalam mengenalpasti dengan lebih mendalam tentang kajian yang seharusnya dilakukan dan mengisi kekosongan tersebut. Akhir kata, harapan pengkaji ialah kajian unsur legenda ini dilakukan dengan lebih mendalam lagi agar dapat memberi pengetahuan yang baru kepada golongan yang masih lagi belum jelas pengetahuannya berkaitan dengan unsur legenda.

RUJUKAN

- Aminuddin Jusuh. (2002). *Pengantar Apresiasi Karya Sastera*. Sinar Baru. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Abdul Rahim & Nurul Safiah. (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Abdul Halim Bandan. (1999). *Cerita Rakyat Kaum Bajau Semporna, Sabah: Suatu Analisis Citra Masyarakat*. Tesis Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Anwar Ridhwan. (2013) *Genius Naratif Dan Genius Pemikiran Dalam Dua Karya Sastera Lisan Melayu*.
- Asniza Zakaria. (2019). Mahsuri Dan Puteri Lindungan Bulan, Lagenda Kedah Dan Motif Darah Putih. *Jurnal IPDA*, 26(1), 203-211
- Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azimah Abdul Aziz. (2023). *Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita Rakyat "Legenda Bukit Bagahak" Menggunakan Pendekatan Moral*. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Dilah Tuah. (2022). Sastera Rakyat Daripada Perspektif Kearifan Tempatan Dan Potensinya Kepada Pelancongan Budaya di Sarawak. *Akademika*, 92(2), 153-168
- Dunita Nabila A.Rahimin. (2019). Mitos Dan Legenda: Di Sebalik Percanggahan Fakta Dalam Sejarah Asia Tenggara. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1).
- Ezzah'afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh. (2015). Pemikiran Melayu Dalam Cerita Lipur Lara. *Journal of Business and Social Development*, 3(2), 63-79
- Fadzil Yusoff. (2017). Pemaknaan Kosmologi Biotik Dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia, Serdang
- Fatimah Hassan & Hamid Mohd Isa. (2014). Mitos Dan Legenda Sebagai Produk Pelancongan Di Malaysia: Kajian Kes Lembah Lenggong (Myths and Legends As Malaysian Tourism Products: A case study of Lenggong Valley). *Geografia*, 10(5).
- Fifi Anak Rinyuk. (2017). Nilai-Nilai Moral Dalam Cerita-Cerita Rakyat Kaum Bidayuh, Serian. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Kesusasteraan Melayu).
- Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4), 1-11.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Harun Mat Piah. (2003). *Sastera rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam perbandingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan, Fajar Bakti*.
- Hashim Awang et.al. (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Hashim Awang. (1985). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya:Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Hashim Awang. (1994). *Metodologi Kesusasteraan Islam: Kaedah Penilaian*. Dewan Sastera, Februari, 10-15.
- Hashim Awang. (1999). *Teori Sastera Sendiri: Pengkaedahan Melayu*. Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Hazrul Mazran Rusli. (2020). *Adaptasi Kesusasteraan Rakyat (Cerita Si Luncai) Dalam Karya Seni Cetakan*. *Jurnal Ideologi*, 5(1), 43-56.
- Hazrul Mazran Rusli & Muhammad Abdullah. (2022). *Tujuan Dan Fungsi Dalam Konteks Kesusasteraan Rakyat Dan Cerita Jenaka Melayu*. *Jurnal Ideologi*, 7(2), 146 153.
- Hooykaas. (1965). *Penyedar Sastera*. London: London Oxford University Press.
- Ismail Hamid. (1986). *Sastera Rakyat: Suatu Warisan, Fajar Bakti*.
- Ismail Hussein. (1974). *Sastera dan masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.
- Jamail Masador, Abdul Halim Ali & Azhar Wahid. (2021). *Nilai Kepahlawanan Dalam Tangon Terpilih Suku Kimaragang di Sabah: Heroism Values in Selected Tangon of Kimaragang Community in Sabah*. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (MANU)*, 32 (1), 175-201
- Jamal Rizal Razali, Jamilah Bebe Mohamad, Anis Nabilla Ahmad, Hasmadi Hasan and Imaduddin Abidin. (2021). *Langit, Gunung, Sungai, Dan Cinta Pun Bersemi Di Kaki Benom*. Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1-17.
- Johari Yahaya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sastera, Universiti Sains Malaysia, Penang.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairiah Mohd Yaasin. (2014). *Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam*. Manu, 25-51.
- Lily Salwani Razali. (2011). *Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Kepada Kanak-Kanak*. (Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera, Universiti Putra Malaysia).

- Minah Sintian. (2015). Personaliti Ibu Bapa Dalam Teks Cerita Rakyat Kadazan Dusun. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Md Sabri, Siti Norsyahira (2022) *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntai Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Mohamad Zuber Ismail, Sara Beden & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2015). Hikayat Awang Sulung Merah Muda Dari Perspektif Pendekatan Pengurusan: Hikayat Awang Sulung Merah Muda from The Perspective of The Management Approach. *Jurnal Pengajian Melayu. Jurnal Pengajian Bahasa Melayu (JOMAS)*, 26(1), 95-116.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman. (2017). Legenda Bali Dan Implementasinya Dalam Budaya Kehidupan Dan Industri Pelancongan ~ Balinese Legends and Its Implementation in Culture of Life and Tourism Industry. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*, 26.
- Mohd Fahmi Ismail. (2018). Nilai Budaya Dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia.
- Mohd Fahmi Ismail & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). Kesan Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar Gua Musang, Kelantan: Satu Penelitian Teori Konseptual Kata Kunci. *Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (TENIAT)*, 6(2), 121–143. *Universiti Malaysia Kelantan (UMK)*.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad & Mohd Sharifudin Yusof. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu Sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, & Siti Nur Anis Muhammad Apandi. (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Cerita Rakyat Sebagai Simbol Kekayaan Nilai Ketamadunan Masyarakat Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(2), 1-12.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al- Hakim Hanafiah. (2021). Cerminan Nilai-Nilai Islam Dalam Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pendekatan Takmilah. *Journal of Business and Social Development*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2016). Impak Cerminan Seni Budaya Berfikir Masyarakat Melayu Ke Arah Kemajuan Multimedia Menerusi Cerita Rakyat, Seminar Budi Dan Nilai Murni. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. 22-23.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara Oleh Aripin Said & Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 67-74

- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2018). Penerapan Konsep Menjani Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 5(2), 91-97.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 94-107.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Hanafiah. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak. *Jurnal Yaacob*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Muhammad Nur Al-Hakim Hanafiah. (2021). Penemuan Nilai-Nilai Islam dalam Cerita Lisan Melayu: Satu Penelitian Terhadap Pendekatan Karya dan Khalayak.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48-57.
- Mohd Firdaus Che Yaacob dan Normaliza Abd Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni. *Journal Of Business and Social Development*, 2(2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan, Kajian Malaysia. 40-(1)
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Murni dalam Cerita Rakyat Kota Bharu, Kelantan. *Jurnal Melayu*.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2017). Penggunaan Multimedia Ke Arah Memartabatkan Cerita Rakyat Masyarakat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 5(2), 21-35.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, Suriatini Ismail, Daeng Haliza Daeng Jamal, Sahrudin Mohamed Som, Farrah Atikah Saari & Nasirin Abdillah. (2022). Kajian Mengenai Nilai Murni Melalui Keunikan Dialek Kelantan Dalam Cerita Rakyat Melayu di Kelantan. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 10(1), 15-32.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Siti Aisyah Jusoh. (2021). *Satu Analisis Pemikiran Mantera, Pakaian Diri Orang Asli di Kampung Sungai Rual, Jeli, Kelantan. International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Mohd Hanipah, Daeng Haliza Daeng Jamal, & Nasirin Abdillah. (2021). Ritual Dalam Cerita Rakyat Di Mukim Bebar, Pekan, Pahang, Malaysia. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 9(1), 18-29.
- Mohd Hasrul Shuhairi & Mohd Fauzi Hamat. (2015). *Nilai-Nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*.

- Mohd Kasturi Noor bin Abd Aziz & Juliana Ahmad. Hikayat Terung Pipit: Satu Kajian Umum Dari Sudut Sejarah Dan Budaya Serta Perkaitannya Antara Negeri Kedah.
- Mohd Nazri Ahmad, Hanapi Dollah, Baharin Ilias & Mohamad Anwar Omar Din. (2010). Repertoire Cerita menora: Dokumentasi berasaskan cerita lisan masyarakat Siam di Bukit Yong Kelantan. *Jurnal Melayu*, 5, 127-146.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintang & Nor Asia Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan
- Mohamed Anwar Omar Din & Norazlinda Mohd Rosdi. (2009). Mak Long Teh Guest House, Cherating: Di Sebalik Legenda Pengasasan Program Rumah-inapan di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 4, 127-142
- Mohd Taib Osman. (1991). Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mubin Sheppard. 1983. Taman Saujana. Petaling Jaya: Pustaka Pendidikan.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, Mohd Affiq Azlizan & Muhd Norizam Jamian. (2021). Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(3), 1-21.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin & Muhd Norizam Jamian. (2021). Struktur Naratologi dan Citra Ibu dalam Cerita Legenda Si Tenggang, Si Malim Kundang dan Nakhoda Manis. *Jurnal Melayu, Isu Khas (2021)*, 433-453.
- Muhammad Izzat Farhan Mohamad. (2021). Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan (Doctoral Dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Muhammad Nur Al Hakim Hanafiah, & Muhammad Firdaus Che Yaacob, Siti Fatimah Ab Rashid & Siti Aisyah Jusoh. (2021). Polemik dalam Cerita Rakyat Sebagai Medium Pendidikan Moral Kepada Kanak-Kanak.
- Muhammad Nur Al Hakim Mohamad Hanafiah, & Muhammad Firdaus Che Yaacob. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*.
- Muhammad Nur Al Hakim Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). Nilai-Nilai Kemanusiaan dalam Cerita Lisan: Satu Penelitian Takmilah: Human Value in Folktales: An Observation on Takmilah. *PENDETA*, 12(1), 11–25.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohammad Hanafiah & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Faktor dan Kesan Muntab Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*. 19 (2), 189-204.
- Muhammad Safuan Ismail, Roslina Abu Bakar & Nik Rafidah Nik Muhamad Effendi. (2018). Cerita Jenaka Melayu Suatu Manifestasi Watak Dan Perwatakan Positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296-329.

- Muhammad Qawiem Hamizan, Abdul Walid Ali & Ahmad Kamal Basyah Sallehuddin. (2021). Dokumentasi Tradisi Lisan Dalam Cerita Rakyat Untuk Orang Melayu Di Sarawak Untuk Persembahan Teater: The Documentation of Oral Tradition In Malay Sarawak Folktales For Theater Performance. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 2(2), 34-41
- Mustafa Husain. (1990). Sejarah Matang Dalam Cerita Lisan (1910-1987). Malaysia Dari Segi Sejarah, Bil. 18, 1990, ms. 108-114.
- Nadia Ishak & Kamariah Kamarudin. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32(1), 116-144.
- Naizalaila Mustapha (2019) *Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2016). Nilai Sosiobudaya Dalam Cerita Kanak-Kanak Pilihan. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan*, 3, 2-15.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Pengurusan Konflik Dalam Cerita Rakyat Nusantara Abad Ke-19. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 4(2), 37- 43.
- Noraini Abd. Shukor. (2016). Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu. *Jurnal Melayu*. 15 (1).
- Norashikin Hamzah & Shaiful Bahri Md. Radzi. (2021). *Penampilan Mona Fandey Sebagai Lagenda Urban, Menggamit Kontroversi di Dunia Siber*. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(1=), 19-33
- Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2019). Mitos Dalam Kepercayaan Masyarakat Melayu Tradisi Berdasarkan Teks Sastra Melayu Tradisional. *International Conference on Humanities, Education and Society (ICHES 2019)* (pp. 419-427). Edusage Network.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berdasarkan Teks Sastra Melayu Tradisional. *International Journal on Humanities, Philosophy and Language*, 2(6), 78-87.
- Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2019). Pemikiran Islam dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu*, 31(1).
- Normaliza Abd Rahim & Nik Ismail Harun. (2016). Students' Perception Towards Malay Folklore Songs. *Regional Conference on Science, Technology and Social Sciences (RCSTSS)* (pp. 641-648). Springer, Singapore.
- Normaliza Abd Rahim, Hazlina Abd Halim, Roslina Mamat & Nor Shahila Mansor. (2016). Wacana Cerita Rakyat Melayu Dalam Kalangan Pelajar Korea. *Jurnal Kemanusiaan*, 14(1).

- Normadiyah Nassir, Low Kok On, Ismail Ibrahim & Supyan Hussin. (2017). Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah. *KEMANUSIAAN: The Asian Journal of Humanities*, 24(2).
- Norzatul Iqma & Mohd Nor. (2020). Nilai Kemelayuan Dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. *Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (TENIAT)*.
- Noviatin Syarifuddin, & Mimi Hanida Abdul Mutalib. (2017). Analisis Sosiologikal Terhadap Makna Legenda Monsopiad: Perspektif Etnik Kadazandusun (A Sociological Analysis on The Meaning Of Monsopiad Legendary: Kadazandusun ethnic perspective). *Geografia*, 13(3).
- Noviatin Syarifuddin. (2016). Manifestasi Legenda Kepahlawanan Monsopiad Sebagai Identiti Etnik Kadazandusun: Citra dari Kacamata Peribumi Penampang, Sabah (The manifestation of Monsopiad heroic legend as an element of Kadazandusun ethnic identity: An overview from local citizens in Penampang, Sabah) *Geografia*, 12(5).
- Nur Ezatull Fatdhehal Hedel, & Mary Fatimah Subet. (2020). Peristiwa Aneh dalam Cerita Rakyat "Hikayat Nakhoda Muda': Analisis Semantik Inkuisitif. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 147-160.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 9(1), 93-106.
- Nur Shahirah Othman. (2020). Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*.
- Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*.
- Nurul Safiah Ab. Rahim. (2020). Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Nur Safiah Mohamad Zakir. (2020). Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntai Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Osman Ayob, Roslan Chin & Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. Rumpun *Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 49-59.
- Othman Mohamed. (2001). Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Othman, Nur Syahirah. (2020). *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Rosfazila Abd Rahman & Abdul Razif Zaini. (2016). *Pembangunan Dan Cabaran Diaspora Citra Bangsa (Local Genius): Kajian Etnomonologi Lagenda Mahsuri*, Langkawi, Malaysia.
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat Di Malaysia. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 291-319.
- Roslina Abu Bakar, Arbaei Sujud. (2013). World-View Dan Sistem Politik Masyarakat Melayu: Penelitian Terhadap Cerita Rakyat Melayu: World-View and Malay Community Political System: Research in Malay Folklore. *PENDETA*, 4, 143-161.
- Ruhaiza Abu Bakar, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, & Mohamad Kazar Razali. (2017). Mitos Dan Legenda Tasik Chini Sebagai Produk Pelancongan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1).
- Rusiana. (1982). *Metode Pengajaran Sastera*. CV Gunung Larang.
- Saliha Musor. (2015). *Pengaruh Kepercayaan Pra-Islam Dalam Mantera: Satu Penelitian Terhadap Budaya Perubatan Tradisional Melayu*, Daerah Yaman. Wilayah Yala.
- Sesilia Seli. (2016). *Kearifan Tempatan Dalam Cerita Rakyat Dayak Kanayatn: Kajian Hermeneutik*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Siti Aishah Jusoh, Mohd Firdaus Che Yaacob dan Nasirin Abdillah (2021). *Unsur Spiritual Dalam Cerita Lisan Melayu*. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 67-79.
- Siti Fatimah Binti Mohd Sam. (2012). *Penglipur Lara Sebagai Sumber Ilmu Pendidikan*. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Siti Fatimah Mamat, Roslina Abu Bakar & Arbai'e Sujud. (2019). Kisah Sang Kancil Dan Memerang Sebagai Penerapan Adab Kepimpinan Dalam Kalangan Kanak-Kanak. *Jurnal Kesidang*, 4(1), 77-89.
- Siti Mardhiah Mohd Nasir. (2015). *Seni Tarian Ulek Mayang Masyarakat Melayu*.
- Suhaini Md Noor & Mohd Faizal Musa. (2021). Fungsi Makanan Dalam Interaksi Sosial Masyarakat Melayu: Satu Kajian Teks Cerita Rakyat. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9(2), 59 - 67.
- Syarah Aqilah binti Zulfakar. (2023). *Polemik Dalam Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Suatu Pengaplikasian Teori Takmilah*. Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Siti Hajar Sabri & Muhd Norizam Jamian. (2022). *Cerita Legenda Dalam Kalangan Masyarakat Cina Peranakan Kelantan*. *Jurnal Melayu, Isu Khas (2022)*, 98-109.

- Siti Zuhaidah Zakeria, & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). Kesenambungan warisan budaya masyarakat Melayu Pantai Timur dalam cerita rakyat untuk kanak-kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1), 93-103.
- Syed Abdullah Bin Syed Sulaiman. (2011). Tradisi lisan: Satu penilaian.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *Pendeta: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 126-140.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Cerita Rakyat di Kota Bharu, Kelantan Terhadap Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak: Satu Pendekatan Moral. *Malay, Arabic and English Literature (ICMAEL 2022)* (pp. 422-434). Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2022). Unsur Kebudayaan Dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Cultural Elements in Folk Narratives at Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 12(1), 27-37.
- Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Nur Shamsiah Mazlan. (2021). Keberkesanan Unsur Watak dan Perwatakan dalam Cerita Rakyat dalam Kalangan Kanak-Kanak dan Remaja Melalui Media Animasi. *Jurnal Melayu*.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2000). Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang Melayu. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Wan Khairul Faiz Wan Kamarul Ariffin. (2019). Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. (Tesis Projek Penyelidikan Tahun Akhir, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Yusoff Iskandar. (1989). Mitos dan Legenda Sebagai Unsur Penulisan Sejarah Melayu. Ins. Zahrah Ibrahim (ed). *Sastera Sejarah; Interpretasi dan Penilaian*: 140- 164. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitun Hassan. (2015). Manifestasi Citra Alam Dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari, Universiti Utara Malaysia. Kedah.
- Zainariah Abdul Wahab, Nur Syafiqah Yusoff, Fatimah Abdul Nasir. (2023). *366 Cerita Rakyat Terkenal*. Perpustakaan Negara Malaysia: Edukid Publication Sdn. Bhd.
- Zuhaidah Zakeria. (2015). Gaya Penyampaian Cerita Rakyat Melayu Terpilih dalam Majalah Dewan Pelajar (Doctoral dissertation, Tesis Ijazah Sarjana Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang).
- Zul Pahmi Sahidin dan Norazimah Zakaria (2020). Kajian Ikon, Indeks Dan Simbol Dalam Cerita Legenda Lombok Berdasarkan Teori Semiotik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 187-194

BIODATA PENULIS



Penulis diberi nama Wan Nor Afda Ayunie Binti Wan Razali. Penulis berumur 23 tahun dan dilahirkan pada 29 Januari 2000 di Kota Bharu, Kelantan. Penulis merupakan anak pertama daripada tiga adik beradik. Bapa bernama Wan Razali Bin Wan Abdullah manakala ibu bernama Nor Azira Binti Mohamad. Pada awalnya, penulis mendapatkan pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Pasir Pekan pada tahun 2007 hingga 2012. Seterusnya, penulis mendapatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di SMK Mahmud Mahyidin pada tahun 2017 sebelum mengambil keputusan untuk menyambung pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM) di SMK Wakaf Bharu iaitu pada tahun 2019. Setelah menamatkan pengajian di peringkat STPM, penulis mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian elektif Kesusasteraan Warisan di Universiti Malaysia Kelantan. Besar harapan penulis untuk menjadi insan yang berjaya dunia dan akhirat supaya mampu mampu berbakti kepada ibu bapanya. Insya-Allah, pada suatu hari nanti, Allah SWT akan memakbulkan doa saya untuk menjadi seorang pensyarah yang dapat memartabatkan bidang kesusasteraan Melayu di Malaysia dan dipersada antarabangsa.